




LAPORAN TAHUNAN

2020

JABATAN PERTANIAN





LAPORAN
TAHUNAN

2020

JABATAN PERTANIAN

BK 216/10.21/500

ISSN 1511-0591 : LAPORAN TAHUNAN 2020

Cetakan Pertama 2021

Edisi Pertama

© Hak cipta Jabatan Pertanian Malaysia,
Kementerian Pertanian dan Industri Makanan

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah Pertanian, Jabatan Pertanian Malaysia.

KANDUNGAN

Laporan Tahunan **2020**



PERUTUSAN | **06**
KETUA PENGARAH PERTANIAN

VISI, MISI, TERAS PERKHIDMATAN | **08**
JABATAN PERTANIAN

FUNGSI | **09**
JABATAN PERTANIAN

CARTA ORGANISASI | **10**
JABATAN PERTANIAN 2020

PERISTIWA | **12**
SEPANJANG TAHUN 2020

KEY HIGHLIGHT | **24**
JABATAN PERTANIAN

PRESTASI KEWANGAN | **27**

BAB 1	PROGRAM PERKHIDMATAN PENGEMBANGAN PERTANIAN	37
	1.1 SISTEM PENGEMBANGAN TEKNO PERTANIAN 1.2 PERUNDINGAN DAN PELABURAN PERTANIAN 1.3 KOMUNIKASI PERTANIAN 1.4 PENERBITAN PERTANIAN	
BAB 2	PROJEK BERIMPAK TINGGI	55
	2.1 TAMAN KEKAL PENGELUARAN MAKANAN (TKPM) 2.2 PEMBANGUNAN LADANG KONTRAK	
BAB 3	PROGRAM PEMBANGUNAN KOMODITI UTAMA	67
	3.1 INDUSTRI PADI 3.2 INDUSTRI BUAH-BUAHAN 3.3 INDUSTRI SAYURAN & TANAMAN KONTAN 3.4 INDUSTRI KOPI	
BAB 4	PROGRAM PEMBANGUNAN KOMODITI BERPOTENSI	97
	4.1 LEBAH MADU/ KELULUT 4.2 HERBA/ REMPAH RATUS	
BAB 5	SUMBER KEKAYAAN BAHARU	107
	5.1 INDUSTRI KELAPA 5.2 INDUSTRI JAGUNG BIJIAN 5.3 INDUSTRI NAPIER	
BAB 6	PROGRAM PEMBANGUNAN INDUSTRI ASAS TANI	113
	6.1 INDUSTRI ASAS TANI	
BAB 7	PROJEK PEMBANGUNAN KHAS	125
	7.1 KAWASAN TUMPUAN PEMBANGUNAN PERTANIAN - PENGURUSAN TANAH TERBIAR 7.2 PERTANIAN BANDAR 7.3 AGROPRENEUR MUDA	

BAB 8 | PROGRAM PERKHIDMATAN KEPAKARAN TEKNIKAL 139

- 8.1 BIOSEKURITI TUMBUHAN
- 8.2 PENGURUSAN SUMBER TANAH
- 8.3 KAWALAN RACUN PEROSAK
- 8.4 KEJURUTERAAN PERTANIAN
- 8.5 ANALISIS MAKMAL

BAB 9 | PROGRAM PEMBANGUNAN MODAL INSAN 197

- 9.1 KOMPETENSI PEGAWAI (LATIHAN PEGAWAI)
- 9.2 SIJIL PERTANIAN
- 9.3 KELESTARIAN INTEGRITI

BAB 10 | PROGRAM KUALITI DAN KESELAMATAN TANAMAN 211

- 10.1 PERSIJILAN LADANG
- 10.2 PENDAFTARAN PERLINDUNGAN VARIETI TUMBUHAN
- 10.3 PROGRAM PENGESAHAN
 - 10.3.1 SKIM PENGESAHAN BENIH PADI
 - 10.3.2 SKIM PENGESAHAN BAHAN TANAMAN

BAB 11 | JALINAN KERJASAMA ANTARABANGSA 233

- 11.1 AKTIVITI ANTARABANGSA JABATAN PERTANIAN

BAB 12 | PENINGKATAN KUALITI DAN PRODUKTIVITI 243

- 12.1 APLIKASI DALAM TALIAN PERTANIAN
- 12.2 INOVASI

BAB 13 | PENGURUSAN PERSONEL 255

- 13.1 PERJAWATAN
- 13.2 PERSARAAN PEGAWAI DAN KAKITANGAN
- 13.3 ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC)



Perutusan

KETUA PENGARAH PERTANIAN

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Syukur ke hadrat Allah SWT dengan izin-Nya, Buku Laporan Tahunan Jabatan Pertanian Tahun 2020 telah berjaya diterbitkan dengan kerjasama semua bahagian di Jabatan. Buku ini menghimpunkan pencapaian Jabatan sepanjang tahun 2020

Kita sedia maklum bahawa Jabatan kita ini memainkan peranan yang amat penting dalam pembangunan negara. Sumbangan pertanian, khususnya sektor agromakanan kepada ekonomi dapat dilihat apabila berjaya mencatatkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang positif pada suku ketiga tahun 2020 sebanyak 1.1% walaupun KDNK negara secara keseluruhannya menguncup berikutan ketidaktentuan ekonomi akibat pandemik COVID-19 yang kita hadapi ini.

Tahun 2020 yang kita tinggalkan merupakan tahun yang penuh dengan cabaran apabila negara berhadapan dengan ancaman pandemik COVID-19. Penularan wabak COVID-19 merupakan satu keadaan yang tidak pernah kita hadapi sebelum ini. Ianya bukan sahaja memberikan impak kepada sistem kesihatan seluruh dunia malah ekonomi global juga terjejas teruk dan ternyata Malaysia juga tidak terkecuali. Tidak dapat dinafikan bahawa industri agromakanan telah menghadapi cabaran besar, khususnya pada peringkat awal pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di mana kelancaran rantai makanan terganggu antaranya pengeluaran, pengedaran dan peruncitan produk hasil pertanian dan industri makanan. Namun, pihak kerajaan dengan kerjasama semua pihak yang bertanggungjawab telah memastikan keadaan sentiasa terkawal dan apa yang penting, kita telah memastikan bahawa makanan untuk rakyat berada dalam keadaan yang mencukupi dan stabil. Sektor pertanian dan industri makanan telah diletakkan sebagai perkhidmatan perlu (*essential services*) dan telah dibenarkan beroperasi sepanjang masa PKP dari peringkat awal sehingga sekarang.

Jabatan Pertanian amat komited dalam memperkukuhkan sektor agromakanan negara dengan menambahkan lagi usaha-usaha untuk meningkatkan pengeluaran domestik, perluasan teknologi moden dalam sektor pertanian dan pengurangan kebergantungan kepada import sekaligus untuk meningkatkan kualiti dan jaminan sekuriti makanan.

Pada tahun 2020, Jabatan turut memberi fokus kepada Program Pertanian Bandar yang mana penduduk bandar dan pinggir bandar bercucuk tanam dengan tanaman sayur-sayuran kegunaan harian seperti cili, kunyit, halia, kubis, sawi dan salad bagi menjimatkan perbelanjaan dapur dan mengurangkan kos sara hidup. Pakej bantuan input pertanian seperti benih, baja, dan peralatan kepada individu dengan nilai RM500 (maksimum) bagi setiap penerima dan RM50,000 (maksimum) bagi setiap komuniti. Permohonan penyertaan bagi Projek Kebuniti di bawah Penjana Pertanian Bandar telah mendapat sambutan yang menggalakkan. Jumlah permohonan yang diterima adalah sebanyak 42,370 permohonan. Peruntukan PENJANA sebanyak RM7.32 juta yang telah dibelanjakan bagi tahun 2020 telah memberi manfaat kepada 13,524 individu dan 632 komuniti.

Akhir sekali, saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menghasilkan Buku Laporan Tahunan Jabatan Pertanian Tahun 2020 ini

Sekian, wassalam



DATUK MOHD NASIR BIN WARRIS

Ketua Pengarah Pertanian
Jabatan Pertanian Malaysia



VISI

Ke arah mewujudkan industri pertanian yang berdaya saing, pengeluaran produk berkualiti, selamat dan mesra alam serta berorientasi eksport.

MISI

Memberi perkhidmatan berkualiti dan berkesan kepada pengusaha-pengusaha pertanian melalui pengamalan teknologi terkini dan khidmat regulatori pertanian untuk meningkatkan daya pengeluaran serta memastikan keselamatan sektor pertanian negara.

TERAS PERKHIDMATAN

- i. Memberi khidmat pengembangan dan pembangunan pertanian melalui pemindahan teknologi berteraskan Amalan Pertanian Baik di sepanjang rantai nilai bagi meningkatkan pengeluaran dan pendapatan serta memastikan pengeluaran bahan makanan yang mencukupi, berkualiti dan selamat dimakan; dan
- ii. Perkhidmatan regulatori dan menguatkuasa akta-akta yang menjaga keselamatan dan kualiti makanan serta melindungi Industri Pertanian Negara dari ancaman perosak dan penyakit dari luar serta memudahkan perdagangan antarabangsa.

**MISI PERKHIDMATAN PELANGGAN
"ANDA KAMI UTAMAKAN"**

FUNGSI JABATAN PERTANIAN

- i. Menilai, mengubahsuai dan merumus pakej teknologi daripada agensi/badan penyelidikan mengikut keadaan setempat serta menyampaikannya kepada pengusaha-pengusaha pertanian;
- ii. Memberi khidmat perundingan dan sokongan teknikal secara pakej kepada usahawan, swasta dan agensi pembangunan pertanian;
- iii. Membangunkan Sumber Maklumat Tanaman Makanan dan Tanah untuk kegunaan perancangan dan pelaksanaan pembangunan sektor pertanian;
- iv. Menjalankan latihan di Institut / Pusat Latihan Pertanian bagi memenuhi keperluan tenaga mahir dalam sektor pertanian;
- v. Mengawalselia mutu bahan / benih tanaman negara;
- vi. Melaksanakan penguatkuasaan Akta Racun Mahluk Perosak 1974 untuk memastikan racun yang diimport, dikeluarkan dan dijual dalam negara adalah yang berkualiti dan penggunaannya tidak akan mendatangkan mudarat kepada pengguna, ternakan, tanaman makanan dan alam sekitar;
- vii. Melaksanakan penguatkuasaan Akta Kuarantin Tumbuhan 1976 untuk mencegah kemasukkan perosak-perosak asing yang berbahaya dalam negara dan memudahkan pengeksporan hasil-hasil tanaman negara untuk memenuhi peraturan kuarantin negara pengimport;
- viii. Melaksanakan penguatkuasaan Perintah Kastam (Larangan Mengenai Eksport) 1988 dan Peraturan CITES (Konvensyen Perdagangan Antarabangsa bagi Spesis-spesis Haiwan dan Tumbuhan Liar Yang Terancam Pupus) untuk memastikan bahawa bahan-bahan tanaman dan janaplasma tidak terancam pupus;
- ix. Melaksanakan penguatkuasaan Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan 2004 (Akta 634) untuk melindungi hak intelek bagi varieti-varieti tempatan seperti baka-baka yang baik terutama kelapa sawit, getah, koko, kelapa dan bunga-bunga; dan
- x. Mengadakan hubungan dan kerjasama dengan organisasi-organisasi di sektor awam dan swasta dalam/luar negara yang terlibat dalam pembangunan, penguatkuasaan dan perdagangan antarabangsa.



Elias bin Saad
Timbalan Ketua Pengarah
(Pembangunan Industri dan
Pengembangan)




**Datuk Mohd. Nasir
bin Warris**
Ketua Pengarah



Dato' Zahimi bin Hassan
Timbalan Ketua Pengarah
(Pengurusan dan Regulatori)



Nor Sam binti Alwi
Pengarah
Bahagian Pembangunan
Industri Tanaman



Kosong
Pengarah
Bahagian Pengurusan
Sumber Tanah



Johari bin Abdullah
Pengarah Bahagian
Pengembangan Pertanian
dan Industri Asas Tani



Jong Chun Sun
Pengarah
Bahagian Pertanian Bandar



**Airul Asmiza binti
Khaeruddin**
Pengarah
Bahagian Kejuruteraan Pertanian




Azreen bin Basir
Pengarah
Bahagian Kawalan Kualiti
Tanaman



Rosmawati binti Selamat
Pengarah
Bahagian Biosekuriti
Tumbuhan



Mat lesak bin Ngathinee
Pengarah
Bahagian Kawalan Racun
Perosak dan Baja



Kosong
Pengarah
Bahagian Pembangunan
Modal Insan



Nor Hisham bin Ibrahim
Pengarah
Bahagian Khidmat
Pengurusan



Ulah a/l Anggat
Pengarah
Bahagian Perkhidmatan
Makmal





CARTA ORGANISASI



Mohd Nazri bin Abu Seman
Pengarah Bahagian
Perancangan Strategik




Maznah binti Che Muda
Ketua Unit Integriti



Hasmiza binti Hussin
Ketua Unit Komunikasi
Korporat




Aliah Atiqah binti Hj. Razali
Ketua Unit Undang-undang




Kosong
Pengarah Pertanian
Negeri Terengganu



Norbahani binti Zakaria
Pengarah Pertanian
Negeri Kelantan




Kosong
Pengarah Pertanian
Negeri Pahang



Kosong
Pengarah Pertanian
Negeri Selangor



Ramli bin Abdul Rahman
Pengarah Pertanian
Negeri Kedah



Kosong
Pengarah Pertanian
Negeri Johor



Hisyam bin Yacob
Pengarah Pertanian
Negeri Sembilan



Norsiyenti binti Othman
Pengarah Pertanian
Negeri Perak



Hafizuddin bin Othman
Pengarah Pertanian
Negeri Perlis



Mohd Muhaimin bin Ibrahim
Pengarah Pertanian
Negeri Pulau Pinang



Mohd. Jurijh bin Abdullah Fauzi
Pengarah Pertanian Wilayah
Persekutuan Labuan



Mohd. Rasydan bin Mohd Yusop
Pengarah Pertanian Negeri
Melaka

Kemaskini pada 31 Disember 2020



Lawatan Kerja Ketua Pengarah Pertanian Malaysia ke Pulau Pinang

18 Januari 2020 | Lawatan Kerja Ketua Pengarah Pertanian ke Pulau Pinang.

Antara kawasan yang dilawati ialah Pantai Kamloon, Bumbong Lima dan Permatang Tinggi Bakar Bata. Ketua Pengarah memantau gerak kerja yang dijalankan oleh Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang, IADA Pulau Pinang, JPS dan lain-lain agensi dalam menangani krisis air di kawasan ini. Beliau juga telah bersama-sama memberi cadangan dan panduan dalam menangani krisis air ini.

Turut bersama dalam lawatan ini ialah Timbalan Ketua Pengarah Pertanian, Pengarah BPIT, Pengarah Pertanian Negeri Pulau Pinang, Pengarah IADA Pulau Pinang dan Pengarah JPS Negeri.



Perhimpunan Bulanan Bil. 1/2020

21 Januari 2020 | Perhimpunan Jabatan Pertanian Bil 1/2020 Bersama Ketua Pengarah Pertanian. Bidang pertanian tidak terkecuali dalam memberi sumbangan kepada negara maju. Dengan melangkah ke tahun baharu, iaitu 2020 beliau berharap Jabatan Pertanian akan terus berusaha dan komited dalam memberi perkhidmatan berkualiti dan berkesan kepada pengusaha-pengusaha pertanian melalui pengamalan teknologi terkini dan khidmat regulatori pertanian untuk meningkatkan daya pengeluaran serta memastikan keselamatan sektor pertanian negara.

Selain itu, beliau turut memberi perhatian amanat YB Menteri dalam meningkatkan pendapatan pesawah di mana mereka perlu dikeluarkan daripada kategori miskin tegar. Antara program yang boleh dilaksanakan adalah meningkatkan pendapatan tambahan.



Sesi Interaksi Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bersama Pengurusan Tertinggi Jabatan Pertanian

21 Januari 2020 | Sesi Interaksi Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bersama Pengurusan Tertinggi Jabatan Pertanian.



Majlis Ramah Mesra Ketua Pengarah Pertanian Bersama Media - 31.01.2020

31 Januari 2020 | Jabatan Pertanian menyasarkan kira-kira 50 peratus pokok durian Musang King di seluruh negara menjelang tahun 2022 bagi menampung permintaan tinggi terhadap raja buah itu. Dalam Majlis Ramah Mesra bersama media, Ketua Pengarah Pertanian, berkata sehingga kini terdapat 569,000 pokok durian Musang King atau kira-kira 36 peratus daripada 1.576 juta pokok durian di seluruh negara.

PERISTIWA SEPANJANG TAHUN 2020

FEBRUARI



Sesi Engagement Ketua Pengarah Pertanian bersama Agen Pengembangan

3 Februari 2020 | Sesi Engagement Ketua Pengarah Pertanian Bersama Agen Pengembangan. Beliau telah menyampaikan taklimat dan halatuju Jabatan Pertanian kepada semua kakitangan DOA. Semoga tahun 2020 Jabatan Pertanian akan lebih maju dan cemerlang. Turut hadir sama semua Pengarah Bahagian dan Pengarah Pertanian Negeri.



Lawatan Kerja Ketua Pengarah Pertanian ke Negeri Kelantan

10 Februari 2020 | Lawatan Kerja Ketua Pengarah Pertanian ke Negeri Kelantan. Antara pengisian lawatan beliau adalah ke Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Batang Merbau, Tanah Merah, Sesi Dialog Bersama Wakil Sekolah, Hospital dan Beliatani Jajahan Tumpat dan Lawatan ke Projek Hidroponik Sayuran Kampung Padang Tembusu, Tumpat, Kelantan.



Program Bicara Kelestarian Integriti Siri 1 Tahun 2020: "Perindungan Pemberi Maklumat".

27 Februari 2020 | Program Bicara Kelestarian Integriti Siri 1 Tahun 2020: "Perindungan Pemberi Maklumat". Tujuan program adalah untuk memberi pendedahan dan kesedaran kepada warga Jabatan berkaitan dengan perlindungan pemberi maklumat di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010.

FEBRUARI



Lawatan Kerja Ketua Pengarah Pertanian ke IADA Rompin, Pahang

28 Februari 2020 | Lawatan Kerja Ketua Pengarah Pertanian ke IADA Rompin, Pahang. Antara perkara yang dibincangkan, memperkasakan kemahiran pegawai, mempertingkatkan lagi pengeluaran hasil padi di IADA, dan mengenalpasti masalah yang dihadapi dalam proses pengeluaran padi.

MAC



Lawatan Pemantauan Timbalan Ketua Pengarah Pertanian (Pengurusan & Regulatori) ke Projek Kluster Tanaman Kontan

3 Mac 2020 | Lawatan Pemantauan Datin Jafil Aliah binti Timin, Timbalan Ketua Pengarah Pertanian (Pengurusan & Regulatori) ke Projek Kluster Tanaman Kontan - Tanaman Jagung, Projek TSBT - Limau Bali Tambun dan DH Fresh Food Sdn Bhd.



Lawatan Pemantauan Projek SKB Durian, Ayer Holding Sdn Bhd, Gali, Raub

3 Mac 2020 | Lawatan pemantauan Projek SKB Durian, Ayer Holding Sdn Bhd, Gali, Raub oleh Encik Eliyas bin Saad, Timbalan Ketua Pengarah Pertanian (Pembangunan Industri dan Pengembangan) Jabatan Pertanian Malaysia.



Sesi Bual Bicara Ketua Pengarah Pertanian bersama Pegawai-Pegawai Pertanian Daerah Jabatan Pertanian Malaysia

27 Mac 2020 | Sesi Bual Bicara Ketua Pengarah Pertanian bersama Pegawai-Pegawai Pertanian Daerah Jabatan Pertanian Malaysia





Sesi Libat Urus bersama Pemain Industri Tanaman Nangka ke China

3 JUN 2021 | Sesi Libat Urus bersama Pemain Industri Tanaman Nangka ke China telah diadakan pada 3 Jun 2020 di Wisma Tani, Putrajaya dan juga melalui video conference untuk membentangkan draf Protokol Pengeksportan Nangka ke China yang melibatkan 55 pemain industri (termasuklah 40 peserta melalui video conference). Perbincangan ini telah menerima banyak maklum balas positif daripada pengeksport.

Semoga kerjasama antara pengesport dan Jabatan Pertanian dapat dieratkan lagi demi menjayakan pengeksportan nangka Malaysia agar dapat dikenali di seluruh dunia.



Walkabout YB Menteri Pertanian dan Industri Makanan ke Projek Pertanian Bandar Komuniti Perumahan Awam Seri Perlis 2, Keramat

16 Jun 2020 - Kejayaan komuniti ini dalam bidang pertanian bandar perlu diketengahkan sebagai galakan kepada komuniti & individu lain untuk menyertai khususnya penduduk bandar dan pinggir bandar yang terkesan akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi membendung penularan pandemik COVID-19.

Komuniti ini telah mendapat bimbingan Jabatan Pertanian sejak tahun 2015. Apa yang membanggakan, komuniti ini berjaya meraih pendapatan antara RM500 - RM600 setiap minggu hasil daripada jualan tanaman di pasar pagi dan pasar minggu. Mereka kini bukan sahaja menjual hasil tanaman, mereka turut berjaya menghasilkan produk hiliran dan mengitar semula sisa organik untuk digunakan semula sebagai baja kompos.

Komuniti Perumahan Awam Seri Perlis 2 telah menerima peruntukan sebanyak RM50,000 di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) dan sumbangan sarang kelulut daripada Jabatan Pertanian. Sarang kelulut diberikan sebagai element baharu dalam meningkatkan sumber pendapatan mereka. Majlis disempurnakan oleh YB Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, Menteri Pertanian dan Industri Makanan.



Walkabout YB Menteri Pertanian dan Industri Makanan ke Jelapang Padi Pulau Pinang

20 Jun 2020 - Nibong Tebal – Walkabout YB Menteri Pertanian dan Industri Makanan ke Jelapang Padi Pulau Pinang hari ini bagi meninjau kawasan penanaman padi IADA Pulau Pinang sebagai projek perintis pengurusan pembajaan berdasarkan status kesuburan tanah setempat dan hasil mampu capai. Di samping itu, Dokumentasi Laporan Teknikal Pengurusan Nutrien Lokasi Spesifik (SSNM – Site Specific Nutrient Management) Jelapang Padi Pulau Pinang. Turut dilancarkan Program Soil Profiling Jelapang Padi Negara menyediakan data ciri-ciri kimia tanah dan fizikal tanah sebagai asas pengesyoran formulasi kadar baja mengikut lokasi spesifik bagi memenuhi keperluan nutrien tanaman padi.



Majlis Pelancaran Standard Durian Kampung Premium (DKP) oleh Timbalan Menteri Pertanian I

26 Jun 2020 - Jelebu - Majlis Pelancaran Standard Durian Kampung Premium (DKP) oleh Timbalan Menteri Pertanian I, YB Datuk Seri Hj Ahmad bin Hamzah. Turut hadir sama, Ketua Pengarah Pertanian Tuan Hj Mohd Nasir Warris.

Jabatan Pertanian telah menggariskan panduan bagi mengenalpasti DKP supaya durian ini boleh diketengahkan dan diberi perhatian agar mendapat harga yang setimpal dengan kualitinya di pasaran. 20% daripada keseluruhan kebun durian kampung di Malaysia memiliki buah durian kampung yang premium.

Antara ciri-ciri Durian Kampung Premium yang telah digariskan adalah, buah bebas daripada kecacatan dan kerosakan akibat perubahan suhu tinggi atau rendah, buah berbentuk sempurna, isi berwarna krim atau kuning atau jingga, ketebalan isi melebihi 10mm, kemanisan isi melebihi 25° Brix (Bx), isi rasa berlemak dan sedikit rasa pahit, serta berat buah melebihi 1 kg.



Sesi Engagement YB Menteri Pertanian dan Industri Makanan

2 Julai 2020 - Sesi Engagement Menteri Pertanian dan Industri Makanan, YB Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee bersama pemain industri buah-buahan dalam memperkasakan kerjasama strategik sebagai pendekatan pelaksanaan program dan aktiviti yang merupakan fokus utama Jabatan Pertanian bagi mempercepatkan proses pembangunan industri agromakanan negara di sepanjang rantai nilai pengeluaran.

Di peringkat pengeluaran, kerjasama rakan strategik DOA adalah satu bentuk kerjasama yang menguntungkan kedua-dua belah pihak yang melibatkan petani, usahawan, industri, persatuan dan NGO. Manakala di peringkat pemasaran, ia melibatkan FAMA, pemborong, pasaraya, peruncit, pengeksport dan pengimport.

Walkabout YB Menteri Pertanian dan Industri Makanan dan Perasmian Showroom Pengurusan Perosak Bersepadu

2 Julai 2020 - Pusat Pertanian Kong Kong, Johor - Walkabout Menteri Pertanian dan Industri Makanan YB Datuk Seri Dr Ronald Kiandee ke Perasmian Showroom Pengurusan Perosak Bersepadu.

Pengurusan Perosak Bersepadu (IPM) merupakan satu pendekatan pengurusan ekosistem dalam pengeluaran dan perlindungan tanaman melalui penggabungan amalan pengurusan ladang dan kaedah kawalan perosak bagi pengeluaran hasil tanaman berkualiti dan selamat dimakan.

Walkabout dan Sesi Engagement Menteri Pertanian dan Industri Makanan bersama Penduduk PPR Tehel, Bukit Katil, Melaka

4 Julai 2020 - Program Pertanian Bandar merupakan program yang membantu isi rumah bandar meringankan kos sara hidup melalui pengeluaran sendiri sebahagian daripada bahan makanan yang diperlukan melalui bimbingan Jabatan Pertanian. Program ini melibatkan penduduk di kawasan bandar dan pinggir bandar dengan kerjasama dan penglibatan pelbagai Jabatan dan Agensi yang berkaitan di peringkat Negeri dan Persekutuan.

Pengintegrasian pertanian dalam perancangan dan pembangunan perbandaran adalah penting untuk pembangunan mampan dari segi pelbagai aspek kehidupan dan keperluan kehidupan bandar termasuk bekalan bahan makanan, penghijauan persekitaran, pengurusan air dan bahan buangan bandar, pendidikan serta riadah.



Majlis Pelancaran Program Pertanian Bandar di Pekan Beluran, Sabah

27 Julai 2020 - Pekan Beluran, Sabah – Majlis Pelancaran Program Pertanian Bandar di Pekan Beluran, Sabah oleh YB. Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, Menteri Pertanian dan Industri Makanan. Program ini adalah untuk memperkenalkan dan menggalakkan aktiviti pertanian bandar kepada komuniti Pekan Beluran selaras dengan hasrat kerajaan Malaysia dalam Pakej Rangsangan Ekonomi iaitu ke arah peningkatan pendapatan dan pengurangan kos sara hidup penduduk.

Program seumpama ini, mampu menyokong usaha kerajaan dalam menjamin kualiti dan sekuriti makanan negara. Penduduk Beluran juga boleh menanam dan mengeluarkan sendiri bahan makanan bagi menampung keperluan harian serta mengurangkan kos sara hidup. melalui penjualan lebihan hasil tanaman.

PERISTIWA SEPANJANG TAHUN 2020

OGOS



Majlis Penyerahan Bantuan Peruntukan Tahun 2020 kepada Usahawan Tani di bawah Bimbingan Jabatan Pertanian

7 Ogos 2020 – Majlis Penyerahan Bantuan Peruntukan Tahun 2020 kepada usahawan tani di bawah bimbingan Jabatan Pertanian daerah Muallim dan Batang Padang oleh YB Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah Timbalan Menteri I, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan. Ini adalah salah satu langkah dalam menggalakkan pengeluaran hasil sayuran dan buah-buahan yang lebih tinggi, serta sebagai usaha penting memastikan kualiti serta kuantiti hasil tanaman dapat diperkukuhkan untuk pasaran dalam dan luar negara.



Seminar Teknologi Fertigasi Jabatan Pertanian Tahun 2020

13 Ogos 2020 – Seminar Teknologi Fertigasi Jabatan Pertanian Tahun 2020. Seminar ini adalah platform kepada semua usahawan untuk meningkatkan pengetahuan dan berkongsi maklumat serta teknologi terkini dalam sistem penanaman fertigasi. Majlis seminar ini dirasmikan oleh YBhg. Dato' Haji Zainal Azman bin Abu Seman, Ketua Setiausaha, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan.



Majlis Pelancaran Pelan Antirasuah Jabatan Pertanian (PLANT DOA) 2020-2025

18 Ogos 2020, Putrajaya – Unit Integriti Jabatan Pertanian telah berjaya menganjurkan Majlis Pelancaran Pelan Antirasuah Jabatan Pertanian (PLANT DOA) 2020-2025 bertempat di The Everly Putrajaya. Pelaksanaan majlis ini adalah untuk memastikan kesinambungan gerak kerja PLANT DOA 2020-2025 dilaksanakan sebaik mungkin.

Majlis ini dihadiri oleh YBrs. Tn. Hj. Mohd Nasir bin Warris, Ketua Pengarah Pertanian, YBrs. Encik Eliyas bin Saad, Timbalan Ketua Pengarah Pertanian (Pembangunan Industri dan Pengembangan); YBhg. Dato' Zahimi bin Hassan, Pengarah Bahagian Perancangan Strategik; YBrs. Tn. Nurahim bin Abdul Rahim, Pengarah Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA) SPRM; YBrs. Puan Maznah binti Che Muda, Ketua Unit Integriti; Pengarah - Pengarah Bahagian dan Desk Officer PLANT DOA 2020-2025.

Selain melancarkan PLANT DOA 2020-2025, YBrs. Tn. Hj Nasir turut menyampaikan sijil penghargaan kepada Desk Officer PLANT DOA 2020-2025 sebagai tanda penghargaan atas sumbangan yang diberikan dalam membangunkan PLANT DOA 2020-2025.

Malam Jasamu Dikenang 2020

18 Ogos 2020, Putrajaya – Majlis Jasamu Dikenang merupakan acara tahunan Jabatan Pertanian untuk meraikan pesara-pesara bagi menghargai jasa mereka sepanjang berkhidmat di Jabatan Pertanian.

Pesara yang diraikan adalah terdiri daripada kalangan pesara yang bersara wajib dan bersara secara pilihan pada tahun 2020. Seramai 144 orang pesara yang diraikan pada Majlis Jasamu Dikenang Jabatan Pertanian 2020. Majlis ini diadakan di Hotel Everly, Putrajaya dan telah dirasmikan oleh Ketua Pengarah Pertanian.

PERISTIWA SEPANJANG
TAHUN 2020

SEPTEMBER



Kunjung Hormat dan Perbincangan Persatuan Pekebun Buah-buahan Kuala Lumpur dan Selangor

2 September 2021, Putrajaya - Kunjung Hormat dan Perbincangan Persatuan Pekebun Buah-buahan Kuala Lumpur dan Selangor bersama Ketua Pengarah Pertanian Malaysia. Antara tujuan utama kunjung hormat ini adalah untuk membincangkan sektor penanaman buah-buahan Negeri Selangor.



Tinjauan YB Timbalan Menteri I Kementerian Pertanian & Industri Makanan ke ladang penternakan dan pertanian The Eco-Yap Keningau, Sabah

6 September 2020 – Tinjauan YB Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah, Timbalan Menteri I Kementerian Pertanian & Industri Makanan ke ladang penternakan dan pertanian The Eco-Yap Keningau Sabah. Ladang ini mengamalkan kitaran ekosistem pengurusan berpandukan pengalaman pemilik ladang, Datuk Yap Yun Fook selama 37 tahun. Ladang ini berpotensi dijadikan sebagai destinasi agropelancongan. Turut hadir mengiringi, Encik Eliyas bin Saad, Timbalan Ketua Pengarah Pertanian Malaysia.



Lawatan Kerja Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Pertanian ke Yit Foh Coffee Factory, Tenom

6 September 2020 – Lawatan Kerja Encik Eliyas bin Saad, Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Pertanian ke Yit Foh Coffee Factory, Tenom. Yit Foh Coffee merupakan syarikat pemproses kopi tertua dan yang terkenal di Sabah. 5 dekad mengusahakan industri kopi di Sabah, syarikat ini telah berjaya mengeluarkan pelbagai jenis produk berasaskan kopi seperti Kopi-O, Kopi-O 2 in 1, White Coffee, American Coffee dan banyak lagi.

Kelainan produk minuman kopi yang dikeluarkan oleh syarikat ini adalah aroma rasa kopi yang dikekalkan dari turun temurun di mana cara memanggang biji kopi masih menggunakan cara tradisional. Hal ini bagi memastikan nilai dan rasa kopi dapat dikekalkan walaupun banyak usaha keras yang perlu dilakukan.



Lawatan Kerja Timbalan Ketua Pengarah Pertanian ke Projek Jagung Manis Kg. Biah, Batu 11, Keningau

7 September 2020 – Lawatan Kerja Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Pertanian ke Projek Jagung Manis Kg. Biah, Batu 11, Keningau. Tanaman jagung manis adalah di bawah Projek Pembangunan Kluster Tanaman Kontan dan menfokuskan sektor industri hiliran. Tanaman Jagung Manis di Negeri Sabah merupakan yang ketiga terbesar dengan jumlah keluasan adalah sebanyak 784 hektar dengan pengeluaran 6,725 tan. Pada tahun 2020 Pejabat Pertanian Keningau telah menerima penambahan permohonan seluas 7.8 hektar melibatkan 7 orang peserta di tempat yang sama dan tuaian pertama akan dijangka pada minggu kedua bulan September 2020. Melalui Projek Pembangunan Kluster, kawasan sedia akan dinaiktaraf sebagai kluster agar menjadi lebih kondusif dan mampu meningkatkan lagi produktiviti hasil pengeluaran. Selain itu, lebih banyak kawasan baharu akan dibuka untuk meningkatkan hasil pengeluaran.



Sidang Media Rampasan Racun Perosak Tidak Berdaftar

9 Oktober 2020 – Sidang Media Rampasan Racun Perosak Tidak Berdaftar di Bawah Akta Racun Makhluk Perosak 1974, Seksyen Penguatkuasaan, Bahagian Kawalan Racun Perosak dan Baja, Jabatan Pertanian Malaysia dalam operasi yang dijalankan pada 6 Oktober 2020 telah membuat serbuan ke premis menjual dan menyimpan racun makhluk perosak dan merampas 35 tan pelbagai jenis racun makhluk perosak tidak berdaftar di sebuah premis di Rawang, Selangor. Pelbagai racun makhluk perosak berlabel dan tidak berlabel disyaki merupakan racun tiruan turut dirampas di tempat kejadian. Racun dengan label mengelirukan ini memberi kesan buruk kepada petani, pengguna hasil tanaman, dan juga alam sekitar. Pihak Jabatan akan terus mempergiat usaha dalam menjejak salah laku pengeluar racun makhluk perosak tidak berdaftar dengan langkah dan akta sedia ada. Adalah penting kepada petani dan pengguna untuk menyemak dahulu racun makhluk perosak sebelum membeli. Pastikan pada label racun makhluk perosak terdapat nombor pendaftaran yang berdaftar dengan Jabatan Pertanian Malaysia.



Pengurniaan Darjah Pangkuan Seri Melaka (D.P.S.M) Ketua Pengarah

1 November 2020 - Sekalung Tahniah kepada Yang Berbahagia Datuk Mohd Nasir Bin Warris Ketua Pengarah Pertanian Malaysia di atas pengurniaan Darjah Pangkuan Seri Melaka (D.P.S.M) yang membawa gelaran 'DATUK' oleh Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Melaka sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-71.



Lawatan Teknikal Ketua Pengarah Pertanian ke Pusat Pertanian Lekir, Pusat Pertanian Teluk Bharu dan ladang usahawan kelapa

25 November 2020 - Lawatan Teknikal Ketua Pengarah Pertanian, Datuk Mohd Nasir bin Warris ke Pusat Pertanian Lekir, Pusat Pertanian Teluk Bharu dan ladang usahawan kelapa bagi meninjau dan memberi nasihat teknikal pertanian dalam memastikan pengeluaran bahan makanan berkualiti, selamat dimakan dan sentiasa mengamalkan amalan pertanian baik.

PERISTIWA SEPANJANG
TAHUN 2020

DISEMBER



Walkabout YB Menteri Pertanian dan Industri Makanan ke Pusat Teluk Bharu, Bagan Datuk, Perak

5 Disember 2020 - Walkabout YB Menteri Pertanian dan Industri Makanan ke Pusat Teluk Bharu, Bagan Datuk, Perak bagi melihat sendiri proses penghasilan benih kelapa. Pusat Pertanian Teluk Bharu ini dibuka pada tahun 1960 dengan keluasan 82 ha yang mana berfungsi sebagai

1. Pusat pengeluaran benih kelapa (pandan, MYD, tagnanan)
2. Pusat pengeluaran debunga tagnanan
3. Pusat pengeluaran bahan tanaman herba
4. Pusat repositori kelapa (9 varieti)

Walkabout diteruskan ke syarikat S&P Industries Sdn Bhd, di mana pemprosesan kelapa tua biji yang diimport bagi memenuhi keperluan industri dalam negara seperti santan serbuk, santan kelapa dan dessicated coconut.



Majlis Penyampaian Bantuan PENJANA : Projek Pertanian Bandar untuk DUN Pasir Pekan dan DUN Wakaf Bharu

13 Disember 2020 - YB Timbalan Menteri MAFI II menyempurnakan Majlis Penyampaian Bantuan PENJANA : Projek Pertanian Bandar untuk DUN Pasir Pekan dan DUN Wakaf Bharu di Wisma Ibadurrahman, Paloh.

Sebanyak RM10 juta diperuntukkan untuk program PENJANA subsektor Pertanian Bandar ini untuk seluruh negara dan negeri Kelantan menerima peruntukan sebanyak RM 900,000 dengan 1,328 penerima individu dan 41 komuniti.

Turut bersama YB Hj. Mohd Rusli Abdullah, ADUN Wakaf Bharu, Shalah Huddin Che Husin, Pengarah Pusat Khidmat DUN Pasir Pekan dan En. Pn. Norbahani Zakaria, Pengarah Jabatan Pertanian Negeri Kelantan.



Perjumpaan Ketua Pengarah Pertanian Malaysia bersama Pelajar Taylor Universiti bagi Program Kempen Makan Buah-buahan Tempatan

14 Disember 2020 - Pelajar tahun akhir jurusan Public Relations and Event, Universiti Taylor dengan kerjasama Jabatan Pertanian, telah menganjurkan "Promosi Makan Buah-buahan Tempatan". Kempen selama lapan minggu ini bermula 8 September 2020 sehingga 8 November 2020 dilaksanakan melalui medium sosial media Instagram (@localbuah4u) dan Facebook (ProPassion).

Objektif kempen ini adalah untuk meningkatkan kesedaran rakyat Malaysia terutamanya golongan muda seperti pelajar universiti dan sekolah serta pengguna media sosial tentang kebaikan dan kelebihan buah-buahan tempatan. Fokus buah-buahan utama adalah tembikai, rambutan, nangka, pisang, durian, betik dan kelapa.

Satu pembentangan akhir kempen ini oleh wakil pelajar kepada Ketua Pengarah Pertanian. Jabatan Pertanian menzahirkan rasa bertuah di atas peluang kerjasama dan impak hasil dari program ini.



Walkabout YB Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I ke Projek Halia di Kampung Janda Baik, Bentong

18 Disember 2020 - Walkabout Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, YB Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah ke projek halia di Kampung Janda Baik, Bentong yang diusahakan oleh En. Ithnin bin Majid. Beliau yang berpengalaman dalam bidang menanam halia selama 20 tahun telah mengusahakan tanaman halia seluas 0.8 hektar.

Siri Walkabout YB Timbalan Menteri diteruskan dengan melawat ladang buah tin oleh Syarikat Figgy's (M) Sdn Bhd bagi melihat potensi buah tin yang boleh dikembangkan lagi.



Walkabout Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I ke Projek Fertigasi Kampung Salang, Pejom, Lipis

9 Disember 2020 - Walkabout Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, YB Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah ke Projek Fertigasi Kampung Salang, Pejom, Lipis yang diusahakan oleh Encik Adnan bin Ahmad.

Beliau mengusahakan projek fertigasi bermula tahun 2017, melibatkan 6 rumah fertigasi. Tanaman yang diusahakan ialah terung, peria dan timun.

KEY HIGHLIGHT

JABATAN PERTANIAN 2020

PERTANIAN BANDAR



Jabatan Pertanian Malaysia telah berjaya membantu penduduk bandar mengurangkan perbelanjaan dapur dengan melaksanakan Program Pertanian Bandar. Melalui program ini, Jabatan Pertanian telah menerima peruntukkan di bawah Program Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) sebanyak RM10 juta dan telah menerima sebanyak 42,370 permohonan. Hasil siasatan dan tapisan yang telah dijalankan, seramai **13,524 individu** dan **632 komuniti** telah menerima manfaat.

Program pertanian bandar ini bertujuan untuk menggalakkan penduduk bandar menanam dan mengeluarkan sendiri bahan makanan bagi menampung keperluan harian serta dapat mengurangkan kos perbelanjaan dapur. Selain itu, program ini berjaya menambah pendapatan sampingan komuniti bandar melalui penjualan lebih hasil tanaman.

Program ini juga dapat menyokong usaha kerajaan dalam jaminan kualiti dan sekuriti bekalan makanan negara. Justeru itu, kesedaran dan minat terhadap kepentingan pertanian dapat dipupuk dan menjurus kepada kesejahteraan dan keceriaan persekitaran komuniti bandar

DURIAN KAMPUNG PREMIUM



Durian merupakan buah yang sangat popular dan banyak ditanam di Malaysia. Pembangunan kawasan penanaman durian semakin berkembang pesat selepas Raja Buah ini dikategorikan sebagai salah satu Sumber Kekayaan Baharu Negara. Pada tahun 2019, keluasan bertanam bagi tanaman durian adalah 72,536 hektar dengan pengeluaran sebanyak 348,170 metrik tan.

Jabatan Pertanian Malaysia telah membangunkan Standard Durian Kampung Premium (DKP) sebagai panduan kepada penanam durian, penjual dan rakyat Malaysia dalam mengenalpasti ciri-ciri Durian Kampung Premium yang berkualiti agar mendapatkan harga setanding dengan kualiti hasil yang dikeluarkan.

Durian kampung adalah durian yang ditanam menggunakan biji. Oleh itu, buah yang terhasil mengeluarkan pelbagai gred dan kualiti. Durian kampung yang mengeluarkan gred premium akan mendapatkan harga yang lebih baik berbanding sebelum ini dengan adanya panduan yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Pertanian Malaysia.

Dengan adanya panduan ini, ianya dapat membantu penanam durian, penjual dan masyarakat negara ini mengenalpasti ciri-ciri Durian Kampung Premium dan memperoleh pendapatan yang setimpal dengan gred kualiti buah yang ditawarkan.

myGAP.AM (Apini dan Meliponini)

Jabatan Pertanian telah berjaya melaksanakan sebuah lagi standard dalam Amalan Pertanian Baik bagi penternakan lebah madu dan kelulut yang dikenali dengan **myGAP.AM**. Standard ini telah dirangka sejak tahun 2017 dan bertujuan untuk mengiktiraf ladang-ladang pemeliharaan lebah madu / kelulut yang mengamalkan amalan pertanian baik bagi pengeluaran madu lebah dan kelulut yang selamat dan berkualiti, menjaga keselamatan alam sekitar serta kebajikan pekerja.

Pensijilan ini telah dilancarkan pada 2019 oleh YB Menteri Pertanian semasa Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan 2019 di Johor Bahru. Asas pembangunan pensijilan

ini mengambil kira Malaysia Standard MS 2679 : 2017 Amalan Pertanian Baik – Pemeliharaan lebah (tribus Apini) dan kelulut (tribus Meliponini), MS 2683 : 2017 Kelulut (Stingless Bee) honey specification, CODEX – Standard of honey dan Manual Pemeliharaan Kelulut (Heterotrigona itama).

Sepanjang tahun 2020, sebanyak 61 ladang penternakan lebah madu dan kelulut telah berjaya dipersijilkan. Negeri Perak mencatatkan sebanyak 32 ladang penternakan lebah madu dan kelulut dan diikuti oleh negeri Johor sebanyak 19 ladang, Kelantan sebanyak 7 ladang, Kedah sebanyak 2 ladang dan Sarawak sebanyak 1 ladang yang telah mencapai piawaian standard myGAP.AM.



PRESTASI KEWANGAN


PRESTASI KEWANGAN 2020

Strategi Pembangunan Jabatan Pertanian bagi tempoh RMKe-11 (2016 - 2020) adalah menumpukan kepada aspek kecukupan bekalan makanan yang berkualiti, selamat dimakan dan mampu dibeli oleh penduduk. Melalui peruntukan yang diterima, program bagi melonjakkan eksport negara turut dikukuhkan pada tahun 2020 bagi mengimbangi defisit perdagangan (BOT).

Sebanyak tujuh (7) fokus utama telah disenaraikan oleh Jabatan dalam penyaluran peruntukan tahun 2020 bagi menyokong pembangunan industri meliputi keselamatan makanan, imbalan dagangan, penggunaan teknologi, pemeraksanaan petani dan golongan belia, program kerajaan dan pengurusan perosak dan penyakit.



Berbanding tahun 2019, tahun 2020 terdapat pengurangan sebanyak 5.44% bagi peruntukan Pembangunan dan 1.96% bagi peruntukan Mengurus.





Jabatan Pertanian telah diluluskan sejumlah RM278.71 juta peruntukan bagi tahun 2020 yang mana RM87.98 juta merupakan peruntukan Pembangunan dan RM190.93 juta merupakan peruntukan Mengurus.

Berbanding tahun 2019, tahun 2020 terdapat pengurangan sebanyak 5.44% bagi peruntukan Pembangunan dan 1.96% bagi peruntukan Mengurus.



SUMBER PERUNTUKAN PEMBANGUNAN JABATAN PERTANIAN TAHUN 2020

Peruntukan ini dipecahkan kepada tiga (3) komponen yang diagihkan kepada Bahagian dan Jabatan Pertanian Negeri untuk disalurkan iaitu:



SENARAI 44 PROJEK PEMBANGUNAN PERUNTUKAN DOA SEMENANJUNG & MAFI TAHUN 2020

RM9.45 JUTA

8 Kluster Tanaman

Betik
(RM2 juta)



Tembikai
(RM1.1 JUTA)



Durian
(RM1 JUTA)



Mangga
Harumanis
(RM100)



Kontan
(RM3 juta)



Kluster Bunga
& Tanaman
Hiasan
(RM100)



Rambutan
(RM350 ribu)



Pisang
(RM2 juta)



RM19.07 juta

Lain-lain Peruntukan Projek MAFI

RM14.45 JUTA

Khidmat Sokongan Teknikal

Pengurusan Perosak Tmn.
Ind. Agromakanan Negara
(RM3.8 juta)



Pemb. Pangkalan
Geospatial Inventori
Tanaman Negara
(RM2.95 juta)



Pemb. Geoinformasi Tanah
(RM2 juta)



Inovasi Teknologi
Kejuruteraan Pertanian
(RM700 ribu)



Pengukuhan Biosekuriti
Agromakanan
(RM 5 juta)



RM3.84 juta

Lain-lain Peruntukan Projek MAFI

RM18.6 JUTA

Peningkatan Pendapatan
B40 dan Penduduk Bandar

Tanam Semula
Buah-buahan Terpilih
(RM9 juta)



Pemb. Industri Kopi
(RM2 juta)



Peningkatan Hasil
Sayur-sayuran
(RM4 juta)



Pembangunan Pertanian
Bandar
(RM3 juta)



Projek Ekonomi Gantian
Tembakau (PEGT)
(RM600 ribu)



RM20.3 JUTA

Lain-lain Projek

PRE &
PENJANA
(RM 9.15 JUTA)



PPP : EPP 7
(RM 3.5 JUTA)



Pengeluaran Benih
Tanaman
(RM400,100)



Ladang
Organik
(RM1.3 JUTA)





Kuarters
(RM5.945 juta)




RM2.27 juta

Lain-lain Peruntukan Projek MAFI

Bagi tahun 2020, Jabatan telah berjaya membelanjakan sebanyak 98.18% (RM86.37 juta) dari jumlah keseluruhan peruntukan. Perbelanjaan mengikut Sumber Peruntukan, Bahagian dan Negeri adalah seperti berikut.




PRESTASI PERBELANJAAN BAHAGIAN TAHUN 2020



PERUNTUKAN MENGURUS

Sebanyak RM190.93 juta telah diperuntukkan kepada Jabatan bagi tujuan pengurusan Jabatan meliputi Peruntukan Sedia Ada RM180.57 juta dan Peruntukan One-off RM10.366 juta. Peruntukan Sedia ada dikhususkan kepada Pembayaran Emolumen Kakitangan dan Bekalan manakala Peruntukan One-off adalah untuk Baikpulih Kuarters dan Pejabat di bawah OS Bekalan dan Perkhidmatan. Secara keseluruhannya sebanyak RM182.52 juta (95.59%) peruntukan mengurus yang disalurkan telah dibelanjakan.

PERBANDINGAN PERBELANJAAN PERUNTUKAN MENGURUS





Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Jabatan (JTPJ) Bil 1/2020 yang diadakan pada 30 Jan 2020 di Pejabat Daerah Port Dickson, Negeri Sembilan



A man wearing glasses and an orange polo shirt is working in a greenhouse. He is tending to cucumber plants that are growing in white plastic bags. The greenhouse has a blue translucent covering and white support strings. The background shows more plants and the structure of the greenhouse.

BAB 1

PROGRAM PERKHIDMATAN PENGEMBANGAN PERTANIAN

- 1.1 SISTEM PENGEMBANGAN TEKNO PERTANIAN
- 1.2 PERUNDINGAN DAN PELABURAN PERTANIAN
- 1.3 KOMUNIKASI PERTANIAN
- 1.4 PENERBITAN PERTANIAN

1.1

SISTEM PENGEMBANGAN TEKNO PERTANIAN (SPTP)

Pengembangan Pertanian merupakan Teras Utama Perkhidmatan Jabatan Pertanian. Ia bertujuan untuk memberi khidmat pengembangan dan pembangunan pertanian melalui pemindahan teknologi berteraskan Amalan Pertanian Baik di sepanjang rantai nilai bagi meningkatkan pengeluaran, pendapatan serta memastikan pengeluaran bahan makanan yang mencukupi, berkualiti dan selamat dimakan.



Tunjuk ajar di lapangan kepada petani



Memberikan keterangan *hands on* berkaitan kanker durian kepada petani.



Kursus petani yang dilaksanakan melibatkan teori dan praktikal untuk meningkatkan pengetahuan petani.

Program ini melaksanakan diseminasi teknologi dengan memperkenalkan, meyakinkan, memindahkan dan menerapkan teknologi pertanian terkini di sepanjang rantai nilai kepada kumpulan sasar mengikut keperluan, peringkat aktiviti dan keadaan setempat.


Perlaksanaan sistem pengembangan pertanian sentiasa berevolusi seiring dengan zaman dan kini Jabatan Pertanian melaksanakan sistem pengembangan yang dikenali sebagai Sistem Pengembangan Tekno Pertanian (SPTP).

SPTP adalah sistem pengembangan berstruktur dan berjadual yang memberi fokus kepada pemindahan dan pengamalan teknologi pertanian berdasarkan kepada keperluan kumpulan sasar, peringkat aktiviti dan keadaan setempat.


Bagi memastikan SPTP berjalan mengikut standard yang ditetapkan, Jabatan Pertanian telah mendapatkan persijilan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015 Perkhidmatan Pengembangan Pertanian (PPP) oleh SIRIM mulai tahun 2018 sehingga kini.

Bagi memastikan program pengembangan Jabatan dapat memberi manfaat kepada golongan sasar, seramai 414 Ajen Pengembangan Tanaman (APT) yang menyelia 430 kawasan perkhidmatan serta 86 Ajen Pengembangan Industri Asas Tani (APIAT) telah ditempatkan di semua negeri.

KAWASAN PENGEMBANGAN DAN BILANGAN APT KAWASAN TAHUN 2020



*Tarikh Kemaskini : 2 Disember 2020



1.2

PERUNDINGAN DAN PELABURAN PERTANIAN

Perundingan pelaburan merupakan usaha berterusan Jabatan Pertanian yang bertujuan untuk menggalakkan penyertaan lebih ramai orang awam, usahawan dan pemain industri untuk terlibat dalam sektor pertanian khususnya bagi sub-sektor tanaman.

Perundingan merupakan satu metodologi pengembangan yang digunakan untuk menyampaikan maklumat dan memberi khidmat nasihat terutamanya berkaitan peluang-peluang pelaburan dan kemudahan-kemudahan insentif dalam bidang pertanian khususnya dalam pengeluaran bahan makanan.

Pegawai Perunding berperanan sebagai sumber rujukan dan pemudahcara kepada pelanggan Jabatan Pertanian berkaitan :



Bagi tujuan tersebut, sebanyak 96 *Business Development Center* (BDC) telah diwujudkan iaitu di setiap Pejabat Pertanian Daerah Jabatan Pertanian Negeri dan cawangan teknikal Persekutuan bagi memberi khidmat perundingan kepada usahawan tani dan pihak swasta yang berminat untuk melabur dalam bidang pertanian.

Bagi tahun 2020, terdapat tujuh (7) aktiviti utama yang dilaksanakan di bawah Seksyen ini iaitu :



1 PROGRAM PENEMUSUAAN PENGELUAR DAN PENGEKSPORT AGROMAKANAN (TANAMAN) JABATAN PERTANIAN TAHUN 2020

Program Penemusuaan Pengeluar dan Pengeksport Agromakanan (Tanaman) Jabatan Pertanian bertujuan untuk meningkatkan kontrak ladang antara pihak industri yang berkelayakan dengan usahawan tani Jabatan Pertanian yang berpotensi bagi buah-buahan tropika terpilih. Program ini dapat membantu dalam peningkatan pengeluaran tanaman makanan negara sekaligus dapat menambahkan pendapatan golongan sasar.

Di samping itu juga, program ini juga dapat membantu dalam pemindahan teknologi yang tepat (*precision technology*) kepada *contract growers* bagi tujuan pengeluaran buah-buahan yang mempunyai standard buah-buahan tropika premium bagi tujuan pasaran eksport.

Pada tahun 2020, seramai 112 orang usahawan tani peserta ladang kontrak dari 11 negeri di Semenanjung Malaysia telah dijemput hadir. Mereka terdiri daripada pengusaha 4 jenis tanaman buah-buahan tropika iaitu durian, betik, nangka dan tembikai serta pengusaha industri asas tani yang terlibat dalam pengeluaran produk hiliran tanaman berkenaan.

Jabatan Pertanian memberi tumpuan kepada 4 jenis tanaman ini bagi meningkatkan pasaran eksport buah-buahan tropika ke luar negara dan untuk itu 4 syarikat wakil industri telah dijemput untuk berkongsi idea, usaha dan pengalaman mereka dalam meningkatkan eksport buah-buahan tropika dan seterusnya melonjakkan nama Malaysia sebagai pengeluar buah-buahan tropika terbaik di dunia.

Program Penemusuaan Pengeluar dan Pengeksport Agromakanan (Tanaman) Jabatan Pertanian pada kali ini melibatkan pembentangan 13 kertas kerja iaitu 2 kertas kerja Kementerian, 6 kertas kerja pihak industri dan selebihnya kertas kerja Jabatan yang akan menekankan 3 elemen utama iaitu :

Perkongsian informasi berkaitan insentif yang telah dan sedang dilaksanakan oleh pihak Jabatan dan Kementerian seperti laluan pasaran dan prosedur eksport, program-program pembangunan Jabatan, taklimat berkaitan program keselamatan tanaman makanan seperti IPM dan pensijilan myGAP, serta program terkini kementerian seperti MyFuture Agro.

Perkongsian oleh pemain utama industri berkaitan keperluan eksport tanaman yang merangkumi, teknologi pengeluaran buah-buahan premium, maklumat *demand* kepada buah-buahan tropika oleh pasaran antarabangsa serta usahasama antara pihak industri dan bakal-bakal *contract growers* yang boleh direalisasikan setelah tamat program ini.

Business matching yang merupakan elemen utama program penemusuaan ini. Ia adalah platform yang disediakan oleh jabatan kepada pihak industri dan pihak pengeluar tanaman untuk mereka menjalankan sesi *engagement* dan seterusnya boleh membina *networking* yang akan mewujudkan lebih banyak kerjasama antara kedua-dua pihak ini. Jabatan memainkan peranan sebagai fasilitator dalam *business matching* ini bagi membantu kedua-dua pihak sehingga berjaya mengikat kontrak ladang.



Sesi penyampaian sijil penyertaan program kepada wakil peserta dari setiap negeri



Sekitar Majlis Perasmian oleh YB Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah, Timbalan Menteri Pertanian 1, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan



Sesi pembentangan kertas kerja mengenai Program-program Pembangunan Jabatan Pertanian dan MAFI



Sesi pembentangan kertas kerja mengenai Program-program Pembangunan Jabatan Pertanian dan MAFI



Taklimat Program oleh Ketua Penolong Pengarah Kanan, Seksyen Perundingan Pelaburan, BPPIAT



Pembentangan kertas kerja mengenai Program Pembangunan Ladang Kontrak oleh Setiausaha Bahagian Pemasaran dan Eksport, MAFI



Lawatan YBTM ke tapak pameran dan jualan oleh usahawan tani Jabatan serta ramah mesra dengan peserta.



Sesi Rundingan Perniagaan antara usahawan tani dan syarikat peneraju yang diselia oleh pegawai pengembangan Jabatan Pertanian

2 PEMANTAUAN PROJEK SWASTA

Dilaksanakan bertujuan untuk memantau dan memastikan pelaksanaan sesuatu program/projek serta memberi khidmat nasihat terutama mengenai peluang-peluang pelaburan dan kemudahan-kemudahan insentif kepada usahawan-usahawan dan pihak swasta.

Sebanyak 53 buah syarikat telah dilawati pada tahun 2020, yang terdiri daripada projek-projek usahawan tani bimbingan Jabatan Pertanian Negeri dan projek swasta di bawah permohonan insentif cukai, permohonan pekerja asing serta projek komersial yang lain.



Lawatan ke Pusat Operasi Persatuan Pekebun Buah-Buahan Malaysia pada 21 Jan 2020, Kulai, Johor



Lawatan Projek Komersial
12 Feb 2020, Hulu Selangor, Selangor



Lawatan Projek Buah Tin Syarikat Affa Benefigs Di Felda Sg. Tenggi Pada 12 Feb 2020, Kuala Kubu Baru, Selangor

Sesi Engagement YB Menteri Pertanian dan Industri Makanan bersama Pihak Industri pada 2 Julai 2020 di Hotel Thistle, Johor Baharu, Johor



Lawatan YB Menteri Pertanian dan Industri Makanan ke Syarikat Kia Shing di Batu Pahat, Johor

Pada 3 Julai 2020

3 VERIFIKASI LADANG PERMOHONAN PEKERJA ASING

Bertujuan untuk memudahkan proses permohonan pengambilan pekerja asing melalui verifikasi ladang. Jabatan Pertanian akan menyediakan laporan penyiasatan ladang dan pengesyoran keperluan tenaga kerja asing dan Pegawai Dagang Asing berdasarkan norma teknikal yang telah ditetapkan.

Pada tahun 2020, sebanyak 67 syarikat telah dijalankan verifikasi ladang bagi permohonan pekerja asing oleh pegawai perundingan di negeri-negeri. Pemantauan ke projek-projek yang memohon pekerja asing juga dijalankan bagi mengenapasti isu-isu yang dihadapi oleh majikan dan seterusnya membantu majikan mengatasi masalah yang dihadapi.

Jabatan Pertanian juga terlibat secara langsung sebagai panel penemuduga di One Stop Centre (OSC) Kementerian Dalam Negeri. Jabatan adalah wakil bagi MAFI (Agensi Kawalselia) bagi subsektor tanaman.



Siasatan Permohonan Buruh Asing 22 Jan 2020, Segamat, Johor



Siasatan Pegawai Dagang Asing di Projek Cendawan Syarikat Oakridge Farms Sdn. Bhd. pada 15 Julai 2020, Di Port Klang, Selangor

4

KHIDMAT PERUNDINGAN PERTANIAN DAN PELABURAN

Program ini bertujuan menyediakan Khidmat Perundingan Pertanian dan Pelaburan kepada pelanggan terutama usahawan tani dan syarikat swasta dalam bidang pertanian khususnya dalam pengeluaran bahan makanan.

Sektor swasta dilihat dapat memainkan peranan utama bagi memacu perubahan dalam sektor pertanian bukan sahaja dari segi mempertingkatkan pengeluaran melalui tranformasi ladang ke arah komersil dan berteknologi tinggi, malah berupaya menerokai pasaran bagi produk segar dan proses ke peringkat global.

Khidmat perundingan yang dijalankan telah merangsang dan membantu meningkatkan pengeluaran dan kualiti produk di kalangan usahawan / syarikat berasaskan pertanian dan juga menarik lebih ramai syarikat bukan pertanian melabur dalam bidang pertanian.

Sebanyak 461 individu dan syarikat telah terlibat dalam rundingan sepanjang 2020 yang dilaksanakan melalui pelbagai medium seperti panggilan telefon, emel, surat dan perjumpaan secara fizikal.



Perbincangan Ketua Pengarah Pertanian bersama Syarikat BASF (Malaysia) Sdn. Bhd. di Wisma Tani Putrajaya



Perjumpaan Ketua Pengarah Pertanian bersama Persatuan Pekebun Buah-buahan Malaysia (MFFA) di Wisma Tani Putrajaya



Taklimat Big Data Timbalan Ketua Pengarah Pertanian Bersama Persatuan Pekebun Buah-buahan Malaysia di Wisma Tani Putrajaya

5 PROGRAM PENGALAKAN PELABURAN PERTANIAN DI BAWAH GALAKAN BAGI PROJEK PENGELUARAN BAHAN MAKANAN YANG DILULUSKAN DI BAWAH AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

Program ini bertujuan memperkasa industri pertanian di bawah galakan pelaburan usahawan dan swasta melalui kemudahan insentif cukai di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967, bagi Pengeluaran Bahan Makanan Yang Diluluskan. Program ini penting bagi meningkatkan penglibatan dan pelaburan sektor swasta dalam bidang agro-makanan selari dengan Dasar Agromakanan Negara.

Pada tahun 2020, sebanyak 9 syarikat telah memohon pengecualian cukai dengan jumlah pelaburan sebanyak RM 25 juta dan keluasan 605 ha melibatkan projek durian, nanas, sayur-sayuran dan cendawan. Pemantauan akan dijalankan ke atas projek-projek ini bagi memastikan syarikat mematuhi syarat-syarat kelulusan antaranya perlu memulakan projek 1 tahun daripada tarikh kelulusan



Siasatan Ladang Permohonan Insentif Cukai di Bawah Galakan Bagi Projek Pengeluaran Bahan Makanan Yang Diluluskan Di Bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 di Projek Syarikat Extend International Venture Capital Sdn. Bhd. pada 17 Jun 2020, Di Raub, Pahang



Siasatan Ladang Permohonan Insentif Cukai di Bawah Galakan Bagi Projek Pengeluaran Bahan Makanan Yang Diluluskan Di Bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 ke Projek Syarikat Toplus Agriculture Enterprise Pada 22 Jan 2020, di Segamat, Johor

6

KERJASAMA STRATEGIK

Kerjasama strategik merupakan evolusi daripada metodologi pengembangan yang lebih bersesuaian dengan visi dan misi Jabatan kini. Kerjasama yang dijalinakan akan memberi kebaikan dan keuntungan kepada kedua-dua pihak tanpa melibatkan sebarang peruntukan.

Kerjasama strategik boleh dijalinakan di sepanjang rantai nilai pengeluaran yang melibatkan pelbagai pihak seperti usahawan tani, pihak industri, jabatan/agensi serta Institut Pengajian Tinggi berkaitan.

Pada tahun 2020, kerjasama strategik bersama 15 syarikat/agensi berkaitan aktiviti pengeluaran, pemasaran dan pemindahan teknologi telah dijalinakan.



Tinjauan Kerjasama Strategik Bersama Pihak Mydin bagi Perbincangan Pemasaran Produk myGAP Pada 17 Feb 2020, di Pasaraya Mydin Subang Jaya



Taklimat Peluang Pemasaran Produk myGAP di Pasaraya Mydin anjuran Jabatan Pertanian Negeri Selangor pada 11 Mac 2020



Temuduga Peserta oleh Pihak Mydin pada 11 Mac 2020 anjuran Jabatan Pertanian Negeri Selangor

7

PROGRAM PEMBANGUNAN CONTRACT GROWERS

Program Pembangunan *Contract Growers* ini bertujuan untuk mengatasi beberapa kekangan yang berlaku di sepanjang rantaian nilai pengeluaran seperti masalah kekurangan tenaga pekerja, kekurangan tanah untuk melaksanakan projek dan lain-lain yang dilaksanakan melalui pendekatan kerjasama strategik bersama pihak industri.

Jabatan Pertanian bertindak sebagai pemudahcara bagi program ini dengan menemusuakan usahawan tani bimbingan Jabatan bersama pihak industri yang berpotensi.

Pada tahun 2020, sebanyak 2 syarikat telah terlibat dengan program *contract growers* iaitu Syarikat Beho Supply Sdn. Bhd. di Kelantan bagi tanaman tembikai dan Syarikat Kia Shing Sdn. Bhd. di Johor bagi tanaman betik. Bilangan usahawan tani yang terlibat menjadi *contract growers* bersama dua syarikat ini berjumlah 57 orang yang melibatkan keluasan sebanyak 80.45ha.

Jumlah pengeluaran bagi 2 program *contract growers* ini berjumlah 1,906 mt dengan nilai pengeluaran sebanyak RM 6 juta utk 2 musim/tahun.

CONTRACT GROWERS





Pembangunan Awal Program Contract Grower Tembakai Antara Usahawan Tembakai Negeri Kelantan Dengan Syarikat Beho Supply Sdn Bhd.



Pembangunan Awal Program Contract Grower Betik Antara Usahawan Betik Negeri Johor Dengan Syarikat Kia Shing Sdn Bhd.



Perbincangan Bersama PPD Kulai Berkaitan Program Kontrak Ladang Bersama Persatuan Pekebun Buah-Buahan Malaysia 21 Jan 2020, Kulai, Johor



Perbincangan Kerjasama Strategik Bersama Persatuan Pekebun Buah-Buahan Malaysia 21 Jan 2020, Kulai, Johor

1.3 KOMUNIKASI PERTANIAN

Unit Komunikasi Korporat berfungsi sebagai pemberi perkhidmatan dalam penyebaran visi ke arah mewujudkan industri pertanian berdaya saing, pengeluaran produk berkualiti, selamat dan mesra alam serta berorientasikan eksport secara meluas melalui media massa, media sosial dan media bersemuka secara terancang. Ia juga berperanan memelihara dan meningkatkan imej Jabatan melalui strategi perhubungan awam yang teratur dan memastikan maklumat dan perancangan dua teras perkhidmatan Jabatan Pertanian dapat disebarkan dan dikongsi dengan golongan sasaran dan pelanggan.

- 18 Video Program dan Acara Rasmi yang melibatkan Jabatan Pertanian dan Kementerian
- 13 Video Teknikal, Promosi dan Kejayaan Usahawan telah berjaya diterbitkan
- 10 Montaj dan Multimedia telah berjaya diterbitkan antaranya Montaj Majlis Persaraan Pengurusan Tertinggi Jabatan Pertanian dan Majlis-majlis perasmian dan gimik pelancaran.

Fotografi merangkumi program-program Jabatan dan Kementerian serta lawatan kerja Pengurusan Tertinggi Jabatan Pertanian

15 Liputan
f LIVE

18 PERKHIDMATAN SIAR RAYA DAN MULTIMEDIA

Termasuk perkhidmatan Multi Camera Production (MCP) yang digunakan oleh Bahagian Perancangan Strategik dalam aplikasi Webinar

Bagi tahun 2020 tiada perkhidmatan pameran kerana penularan Covid-19. Walau bagaimanapun, terdapat juga penggunaan peralatan pameran dari Unit Komunikasi Korporat bagi kegunaan dalaman.



Tajuk :Penghasilan Silaj dari Batang Jagung
Lokasi : Kelompok Jagung Pering, Kubang Pasu, Kedah

Video Teknikal

Video Success Story



Tanaman: Tebu
Nama Peserta: Mohd Farid B Md Noor
Lokasi: Kg. Simpang Durian, Jelevu, Negeri Sembilan
Luas Bertanam: 1.2 ha



Tanaman: Maman
Nama Peserta: Pahim Bin Mahmud
Lokasi: Kg. Gedok, Tampin Negeri Sembilan
Luas: 3 Ha



Tanaman: Jagung Manis
Nama Peserta: Ku Bidi, Ku Senang dan Ku Mohd Farid
Lokasi : Kampung Pering, Kubang Pasu Kedah
Luas Bertanam : 30 ha



Tanaman: Serai
Nama Peserta: Mohd Din Bin Hosnin
Lokasi: Kg. Jeram, Kuala Selangor
Luas: 6 ha

MEDIA SOSIAL JABATAN PERTANIAN



111,093
Followers
385
Post



15,238
Followers
482
Posting



10,230
Followers
126
Posting



5,687
Subscribers
16
Video

1.4 PENERBITAN PERTANIAN

Penerbitan pertanian dilaksanakan sebagai menyokong aktiviti pengembangan pertanian. Ia digunakan oleh APT dan pegawai-pegawai Jabatan yang lain sebagai panduan semasa berkomunikasi dengan petani/ pelanggan dan juga boleh digunakan oleh pelanggan sebagai panduan mereka. Bentuk penerbitan yang dikeluarkan oleh Jabatan termasuklah Buku Manual Tanaman, Buku Pakej Tanaman, Garis Panduan, Video Pendek, Prosedur Operasi Standard. Penerbit ini dikeluarkan dalam bentuk digital dan buku. Sejumlah 11 buah buku penerbitan telah dikeluarkan sepanjang tahun 2020.

PENERBITAN PERTANIAN	BILANGAN
BUKU	11
RISALAH	3
POSTER	84

Buku-buku



Risalah



Poster



Kalendar BUAH DURIAN MENGIKUT NEGERI



NEGERI	JANUARI	FEBRUARI	MAR	APRIL	MEI	JUN	JULAI	OGOS	SEPTEMBER	OKTOBER	NOVEMBER	DISEMBER
PERLIS												
KEDAH												
PULAU PINANG												
PERAK												
SELANGOR												
NEGERI SEMBILAN												
MELAKA												
JOHOR												
PAHANG												
TERENGGANU												
KELANTAN												
SARAWAK												
SABAH												

PETUNJUK: DURIAN





BAB 2

PROJEK BERIMPAK TINGGI

- 2.1 TAMAN KEKAL PENGELUARAN MAKANAN (TKPM)
- 2.2 PROGRAM PEMBANGUNAN LADANG KONTRAK

2.1

TAMAN KEKAL PENGELUARAN MAKANAN (TKPM)

Program TKPM merupakan salah satu projek pertanian berskala besar atau komersil yang bertujuan untuk mewujudkan zon kekal bagi pengeluaran tanaman makanan. Antara yang ditanam di TKPM adalah tanaman buah-buahan seperti nangka, mangga, betik, pisang dan lain-lain serta sayur-sayuran jenis buah dan sayuran berdaun. Seramai **1,312** peserta projek TKPM pada tahun 2020 yang melibatkan keluasan **9,343 hektar** dengan pengeluaran hasil sebanyak **79 ribu metrik tan** dengan nilai pengeluaran **RM 131 juta**.



Kuantiti
Pengeluaran

79,005
metrik tan



Penglibatan
seramai


1,312
peserta



Nilai Pengeluaran

RM131 JUTA

PROJEK TAMAN KEKAL PENGELOUARAN MAKANAN (TKPM)



KELUASAN & PESERTA PROJEK TKPM 2020

Bil.	Projek TKPM	Luas Dibangunkan (ha)	Bilangan Peserta
1	Pagoh, Muar, Johor	2.02	6
2	IPAH, Batu Pahat, Johor	9.50	13
3	Kg. Lepau, Kota Tinggi, Johor	40.75	4
4	Sedili Kechil, Kota Tinggi, Johor	190.00	22
5	Sekijang, Segamat, Johor	49.14	9
6	Sg. Lebak, Kota Tinggi, Johor	70.00	8
7	Ulu Tiram, Kota Tinggi, Johor	24.00	3
8	Jabi, Segamat, Johor	32.00	7
9	Bukit Perak, Pendang, Kedah	40.90	7
10	Gajah Mati, Pokok Sena, Kedah	40.27	18
11	Batang Merbau, Tanah Merah, Kelantan	6.33	14
12	Lojing, Gua Musang, Kelantan	43.21	10
13	Telong, Bachok, Kelantan	37.17	7
14	Pulau Gadong, Melaka Tengah, Melaka	2.50	10
15	Selandar, Jasin, Melaka	143.00	32
16	Air Baniang, Jelebu, Negeri Sembilan	28.96	12
17	Air Kering, Jempol, Negeri Sembilan	31.70	16
18	Bemban, Jelebu, Negeri Sembilan	116.06	26
19	Gemas, Tampin, Negeri Sembilan	122.00	19
20	Sendayan, Seremban, Negeri Sembilan	8.00	13
21	Charuk Putting, Bera, Pahang	74.93	10
22	Inderapura, Kuantan, Pahang	30.65	20
23	Janglau, Rompin, Pahang	59.90	16
24	Jelai, Kuala Lipis, Pahang	200.00	18
25	Kota Perdana, Pekan, Pahang	122.59	16
26	Lanchang, Temerloh, Pahang	3,600.00	97
27	Lebu, Bentong, Pahang	73.01	16
28	Muadzam Shah, Rompin, Pahang	173.61	30
29	Permatang Lawang, Kuantan, Pahang	35.81	6
30	Pulau Manis, Kuantan, Pahang	62.00	5
31	Rengat, Jerantut, Pahang	161.00	18
32	Salong, Pekan, Pahang	39.00	5
33	Sepayang, Rompin, Pahang	68.00	15
34	Serengkam, Maran, Pahang	93.12	9

Luas (ha)

Bil. Peserta

1,312

9,343.82

Bil.	Projek TKPM	Luas Dibangunkan (ha)	Bilangan Peserta
35	Sg. Atong, Lipis, Pahang	120.00	12
36	Tebing Tinggi, Bera, Pahang	80.70	12
37	Ulu Sungai, Raub, Pahang	40.47	7
38	Degong, Hilir Perak, Perak	3.00	4
39	Gua Tempurung, Kampar, Perak	54.00	10
40	Lekir, Manjung, Perak	147.26	25
41	SKC Slim River, Batang Padang, Perak	282.64	16
42	Sungkai, Batang Padang, Perak	157.30	28
43	Titi Gantung, Perak Tengah, Perak	111.70	13
44	Ara Kuda, SPU, Pulau Pinang	80.00	29
45	Mayfield, SPU, Pulau Pinang	60.00	30
46	IATC, Putatan, Sabah	5.00	6
47	Mesilou, Kundasang, Sabah	6.00	8
48	Sungai Koyah, Kinabatangan, Sabah	80.00	10
49	Tawau, Tawau, Sabah	96.00	43
50	Kabuloh, Miri, Sarawak	248.00	54
51	Penipah, Mukah, Sarawak	40.00	14
52	Rampangi, Kuching, Sarawak	8.00	15
53	Semenggok, Kuching, Sarawak	54.00	10
54	Sg. Batangsi, Hulu Langat, Selangor	65.09	11
55	Bukit Changgang, Kuala Langat, Selangor	36.00	16
56	Hulu Chuchuh, Sepang, Selangor	100.00	24
57	Hulu Yam, Hulu Selangor, Selangor	120.78	37
58	Kundang, Kuala Langat, Selangor	120.00	33
59	Jalan Kebun, Klang, Selangor	21.36	10
60	Semenyih, Hulu Langat, Selangor	36.00	8
61	Serdang, Sri Petaling, Selangor	12.20	16
62	Sg. Kelambu, Kuala Langat, Selangor	80.00	19
63	Sg. Blankan, Sepang, Selangor	400.00	154
64	Besut, Besut, Terengganu	62.00	16
65	Peradong, Kuala Terengganu, Terengganu	3.20	4
66	Rhu Tapai, Setiu, Terengganu	529.32	34
67	Serating, Marang, Terengganu	281.67	46
68	Kilan, Labuan	3.00	1

Petunjuk :



TKPM Fertigasi



TKPM Buah



TKPM Sayur

GAMBAR PROJEK



**TKPM ARA KUDA,
PULAU PINANG**



**TKPM BUKIT
CHANGGANG, SELANGOR**



**TKPM CHARUK PUTING,
PAHANG**




**TKPM PERADONG,
TERENGGANU**




**TKPM TITI GANTONG,
PERAK**

PENCAPAIAN TKPM 2020

KUANTITI DAN NILAI PENGELUARAN



PENDAPATAN PESERTA



2.2 PROGRAM LADANG KONTRAK

Dalam Rancangan Malaysia Ke-9, sektor pertanian diberi tumpuan yang khusus sebagai jentera pertumbuhan ekonomi ketiga negara.

Penekanan diberi kepada pengeluaran berkualiti yang mempunyai nilai tambah tinggi menerusi aktiviti seperti penggredan, pembungkusan, pelabelan dan penjenamaan serta pemasaran yang teratur.

Program Ladang Kontrak diperkenalkan bagi menangani isu-isu pengeluaran yang tidak konsisten dan teratur, kualiti yang tidak menepati kehendak pasaran, harga yang kurang kompetitif, pemasaran yang tidak cekap dan teratur serta kewujudan terlalu banyak perantara pemasar. Berikut adalah senarai komoditi terpilih dibawah program ladang kontrak.



15 JENIS SAYUR-SAYURAN

BENDI	KUBIS	LABU	KANGKUNG
CILI	PETOLA SEGI	CENDAWAN	TOMATO
HALIA TUA	TERUNG	SAWI	KACANG PANJANG
KACANG BUNCIS	TIMUN	BAYAM	

17 JENIS BUAH-BUAHAN

BELIMBING	NANAS	TEMBIKAI	RAMBUTAN
BETIK	NANGKA	LONGAN	MANGGA
DURIAN	CEMPEDAK	DOKONG	DABAI (SARAWAK)
JAMBU BATU	PITAYA	MANGGIS	PISANG
LIMAU			

10 JENIS HERBA

MISAI KUCING	HEMPEDU BUMI	LIMAU PURUT	DOKONG ANAK
KACIP FATIMAH	HALIA	MENGKUDU	MAS COTEK
TONGKAT ALI	PEGAGA		

6 JENIS TANAMAN PELBAGAI

JAGUNG MANIS	KELEDEK
ROSELLE	UBI KAYU
TEBU	KELAPA


2 JENIS BUNGA-BUNGAAN

<i>Temperate Flower - KEKWA</i>
ORKID

PENCAPAIAN PROGRAM PEMBANGUNAN LADANG KONTRAK JABATAN PERTANIAN TAHUN 2020

Negeri	PENCAPAIAN KESELURUHAN			
	PESERTA (ORANG)	LUAS (HA)	PENGELUARAN (MT)	NILAI (RM)
	186	183.41	445.16	3,983,401.00
	134	223.72	2,012.22	5,742,431.80
	76	123.88	5,883.00	7,355,000.00
	266	790.26	7,145.11	15,226,681.00
	60	115.27	1,312.20	3,207,811.70
	81	170	2,301.70	7,209,012.56
	144	233.00	1,181.00	2,082,604.00
	55	347.16	1,326.63	2,702,985.88
	50	193.51	1,054.04	2,492,938.80
	1,074	793.41	10,404.89	15,280,222.00
	199	266.54	5,162.30	6,459,141.00
JUMLAH	2,325	3,440.45	38,228.25	71,742,229.74

PENCAPAIAN LADANG KONTRAK TAHUN 2020



PENCAPAIAN PROGRAM PEMBANGUNAN LADANG KONTRAK JABATAN PERTANIAN TAHUN 2020 (PESERTA BARU)

Negeri	PENCAPAIAN BARU			
	PESERTA (ORANG)	LUAS (HA)	PENGELUARAN (MT)	NILAI (RM)
	124	75.41	256.16	1,715,351.00
	27	42.98	742.03	1,866,482.00
	10	23.10	35.41	94,540.00
	51	83.80	423.79	1,175,226.60
	13	43.60	458.94	812,817.50
	4	2	61.55	138,170.00
	30	86.00	407.00	638,004.00
	9	7.44	120.59	213,084.40
	13	32.60	32.04	202,086.50
	57	68.80	834.49	1,478,629.00
	6	18.30	583.00	1,358,250.00
JUMLAH	344	483.78	3,955.00	9,692,641.00



Nama Peserta : Abu Bakar Bin Don
 Tanaman : Pisang
 Lokasi Projek : Kg. Paya Besar, Mk.
 Lesong, Pokok Sena
 Luas : 4ha
 Pendapatan Bulanan : RM 15,000.00
 Pengeluaran Setahun : 72,000kg
 Anggaran Nilai
 Pengeluaran Setahun : RM180,000.00

PROJEK LADANG KONTRAK SG POKOK SENNA, KEDAH



Nama Peserta : Borhan Bin Ithnin
 Tanaman : Fertigasi
 Lokasi Projek : Kampung Sebatu
 Sg. Rambai Melaka
 Mula Operasi : 2014
 Pengeluaran 2017 : 8 Mt
 Harga Jualan : RM 8.00
 PENDAPATAN : RM 64,000

PROJEK LADANG KONTRAK SG RAMBAI MELAKA





The background of the entire page is a photograph of a rice field. In the foreground, there are several stalks of rice with golden-brown, ripe grains hanging down. The background shows more rice plants and a clear blue sky with some light clouds. Overlaid on this image are several geometric shapes in shades of red and white. A large white triangle is in the top left corner. A red triangle is in the top right corner. A large red trapezoid is in the center, containing the main title. Below it, a smaller red rectangle contains the subtitle. At the bottom, there are more red and white geometric shapes, including a large white triangle on the left and a red triangle on the right.

BAB 3

PROGRAM PEMBANGUNAN KOMODITI UTAMA

- 3.1 INDUSTRI PADI**
- 3.2 INDUSTRI BUAH-BUAHAN**
- 3.3 INDUSTRI SAYURAN & TANAMAN
KONTAN**
- 3.4 INDUSTRI KOPI**


3.1 INDUSTRI PADI

Pembangunan Industri Padi dikawal selia oleh Bahagian Industri Padi dan Beras, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan. Seluruh peruntukan pembangunan disalurkan kepada MADA, KADA dan IADA-IADA bagi kawasan Jelapang manakala kawasan Luar Jelapang Dalam Skim Pengairan (JPS) diserahkan kepada LPP dan Luar Jelapang Luar Skim Pengairan dikelola oleh Jabatan Pertanian. Walaubagaimanapun, Jabatan Pertanian masih menjalankan kerja-kerja menyedia dan memberi latihan teknikal kepada pegawai dan juga pesawah daripada segenap aspek teknikal, agronomi, pengurusan ladang dan juga pengurusan kewangan bagi meningkatkan produktiviti sawah.

Di antara program yang terlibat adalah Projek Promosi Sawah Gemilang (PSG), Model Farm Padi, Projek Pemerhatian Tanaman Padi dan Sekolah Ladang Petani /Farmers Field School (FFS), dan Projek Peningkatan Pendapatan Golongan B40



PROJEK PROMOSI SAWAH GEMILANG (PSG) 2020



- Projek Promosi Sawah Gemilang dilaksanakan di kawasan perkhidmatan pengembangan padi di dalam dan di luar jelapang.
- Pelaksanaan projek menekankan penambahbaikan berterusan kepada faktor-faktor kritikal (GAP analisis) yang mempengaruhi pengeluaran hasil padi.
- Petani digalakkan mengamalkan Amalan Pertanian Baik (APB) dan pematuan kepada Rice-check sepenuhnya.
- Menggunakan pendekatan hands-on, taklimat, kursus serta pemindahan teknologi kepada peserta terlibat dan khidmat nasihat teknikal secara berkala.

Input:

- Khidmat nasihat
- Pematuan kepada rice-check
- Amalan Pertanian Baik (APB)



Peserta Projek Promosi Sawah Gemilang Selangor

Aktiviti Penanaman Sawah Gemilang Selangor



Disclaimer: Mulai tahun 2020, Projek Sawah Gemilang (PSG) telah diselaraskan di peringkat negeri dan juga IADA terlibat.

16 projek

554.5 ha Keluasan (ha)

253 peserta

MODEL FARM TANAMAN PADI (SAWAH PADI CONTOH) 2020

Bumbong Lima & Bukit Merah, Pulau Pinang

17.8 ha

Model Farm
Pakej Teknologi
Tanaman Padi
(Pakej Jabatan),
mekanisasi-
transplanter

Telok Chengai, Kedah

8.33 ha

Model Farm
Padi Pulut Siding
MR47, Transplanter

Sg. Burong, Selangor (Tanah Gambut)

6.6 ha

Rice-check,
Varieti Baru, Laser
Land Leveller,
Transplanter, Alat
Membaiki Batas,
IPM

Titi Serong, Perak

1 ha

Rice-check,
Varieti Baru, Laser
Land Leveller,
Transplanter, Alat
Membaiki Batas,
IPM-cuka kayu

Objektif projek: Program sawah padi contoh (model farm) DOA ini dilaksanakan dalam kawasan stesen/pusat Jabatan Pertanian yang dijadikan sebagai **ladang contoh** untuk **menyampaikan teknologi penanaman padi kepada petani**. Terdapat 4 stesen *model farm* Jabatan Pertanian iaitu di **Telok Chengai Kedah, Bumbong Lima & Bukit Merah, Pulau Pinang, Titi Serong, Perak dan Sg. Burong, Selangor**. Model farm ini mengamalkan **teknologi terkini** antaranya seperti penanaman menggunakan *transplanter*, pematuhan *Rice Check*, kawalan penyakit dan perosak secara IPM (tanaman pokok tunera, cuka kayu, serai wangi, pemasangan kayu T, menggunakan pokok bunga pelbagai warna), aplikasi racun serangga menggunakan teknologi drone, penggunaan varieti padi baharu dan perataan tanah menggunakan *auto laser land-leveller*.

Contoh Model Farm Telok Chengai, Kedah



Penyediaan kawasan



Penyediaan benih



Penanaman menggunakan
jentera menanam
(*transplanter*)



Penanaman-pra tuai



Pra- tanam



Anak semaian pokok padi yang akan digunakan
dengan jentera menanam (*transplanter*)



Berbunga

SEKOLAH LADANG PETANI /FARMERS FIELD SCHOOL (FFS) PADI 2020

Objektif

Melatih APT dan petani kontak untuk mahir dalam pengurusan penanaman padi mengikut APB

Memperkukuhkan peranan petani

Konsep train the trainer (peserta menjadi pembimbing rakan sebaya)

Farmers Field School atau Sekolah Ladang Petani (FFS) tanaman padi ini adalah satu kaedah pembelajaran informal di sawah di mana petani mendapat pengetahuan (teori dalam kelas) dan kemahiran (*hands-on/amali*) melalui pembelajaran berkumpulan di dalam musim penanaman mengikut kalendar tanaman padi secara "*hands-on*" di sawah.

AKTIVITI (SKOP PROJEK)


- Teori di dalam kelas mengikut modul FFS
- Hands-on/amali di ladang mengikut modul FFS
- Perbincangan berkumpulan
- Pemerhatian tinjauan ladang
- Lawatan sambil belajar

OUTCOME

- Bilangan peserta (pesawah/usahawan/APT) bergraduasi > 560 graduan (sehingga 2019)

PERUNTUKAN

- Bergantung peruntukan semasa IADA



SESI FFS PADI 2020 DITANGGUHKAN KERANA WABAK PANDEMIK COVID-19

* Walaubagaimanapun aktiviti inkubator lanjutan peserta FFS tanaman padi di Pusat Pertanian Bumbong Lima Pulau Pinang masih dilaksanakan.



PROGRAM INKUBATOR LANJUTAN FARMERS FIELD SCHOOL (FFS) PADI 2020 DI PUSAT PERTANIAN BUMBONG LIMA, PULAU PINANG

OUTCOME

- Bilangan peserta : 6 orang
- Sasaran purata hasil : 7.0 tan/ha
- Keluasan terlibat : 20.3 ha
- Tempat : Pusat Pertanian Bumbong Lima Pulau Pinang


Petak sawah diusahakan oleh 6 peserta inkubator lanjutan Program Farmers Field School (FFS) tanaman padi Pusat Pertanian Bumbong Lima Pulau Pinang selama tempoh 2 musim bermula M1/2020 sehingga M2/2020 di mana peserta dipertanggungjawabkan terhadap pengurusan sawah mengikut Pakej Jabatan dan Amalan Pertanian Baik dan tertakluk kepada terma surat setuju terima yang dipersetujui bersama.



Aktiviti menabur baja di petak inkubator Pusat Pertanian Bumbong Lima, Pulau Pinang M2/2020

PROJEK PENINGKATAN PENDAPATAN GOLONGAN B40

Projek ini dilaksanakan kepada golongan sasar pesawah padi luar jelapang yang berada di bawah aras pendapatan purata golongan B40. Objektif projek ini adalah menambah pendapatan pesawah padi luar jelapang (B40) dengan melaksanakan projek tanaman singkat masa secara konvensional atau secara fertigasi





Pembersihan Kawasan dan penyerahan input pertanian bagi projek tanaman pisang di Beluran, Sabah


Osman bin Abd Aziz
Kg Segading Kuala Terengganu
Mulai berhasil pada April 2021



Mohd Azhar bin Mohd Sarin
Kota Tinggi, Johor
Hasil pertama: 1.5 tan (Feb 2021)



Syed Musa bin Syed Husain
Kluang, Johor
Mulai berhasil pada Mac 2021



Muhammad Akmal bin Rosli
Johor Bahru, Johor
Hasil pertama: 5 tan (Jan 2021)



PETAK PEMERHATIAN TEKNOLOGI TANAMAN PADI 2020

Pemerhatian teknologi tanaman padi melibatkan pemerhatian yang dilaksanakan di sawah Pusat Pertanian iaitu Pusat Pertanian Bumbong Lima, Bukit Merah, Pulau Pinang, Pusat Pertanian Sg. Burong Selangor, Pusat Pertanian Titi Serong, Perak dan Pusat Pertanian Telok Chengai, Kedah. Pemerhatian dilaksanakan sekurang-kurangnya 2-4 musim bagi setiap tajuk melibatkan kerjasama pelbagai bahagian dan agensi serta swasta (syarikat). Pemerhatian ini bertujuan mengkaji pelbagai isu dan masalah setempat berkaitan penanaman padi termasuk berkaitan penyakit dan perosak tanaman padi, kesuburan tanah, pembajaan, racun, varieti, teknologi dan mekanisasi.

Kesan penggunaan soil amendment BIO SUPER (pakej TAVEEKUN)



Kajian potensi hasil padi sistem pertanian semi organik dan konvensional



BIL	TAJUK (OUTPUT)	MASA	PENEMUAN INTERIM (OUTCOMES)
1	Kesan Penggunaan Soil Amendment BIO SUPER (Pakej Taveekun) ke atas Prestasi Hasil Tanaman Padi	M1/2019 - M2/2020	Petak Rawatan Hasil 5.6 tan/ha Petak Kawalan Hasil 7.3 tan/ha. Lokasi Stesen Pertanian Telok Chengai
2	Kajian Potensi Hasil Padi Sistem Pertanian Semi Organik dan Konvensional (Pakej Taveekun)		Sawah stesen Sungai Burong Data interim: M2 2019 Kawalan = 7 tan Treatment = 7.1 tan M1 2020 Kawalan = 7.4 tan Treatment = 7.2 tan
3	Tanaman Alternatif di sawah padi untuk mengatasi masalah perosak dan penyakit padi		Sawah stesen Sungai Burong Projek bersambung 2021
4	Projek khas bagi menangani isu ketidaksuburan tanah untuk penanaman padi secara lestari		Sawah petani Sungai Besar Projek bersambung 2021
5.	Promosi Varieti Baru (UKMRC-2,UKMRC-8)		Sawah stesen Sungai Burong Projek bersambung 2021 Data interim: UKMRC-8 (M1 2020) = 8 tan UKMRC-2 (M1 2020) = 9 tan
6	Kesan Penggunaan Baja Easy Grow ke atas Prestasi Tanaman Padi	M1 & M2/ 2020 Kg. Lubuk Pandan, Marang	1. Bagi M1/2020 dan M2/2020 tidak ada perubahan yang ketara di atas sifat kimia dan fizikal tanah. 2. Berdasarkan analisa pH tanah tiada perbezaan yang ketara antara dua rawatan. 3. Kos lebih tinggi di sebabkan penggunaan tambahan baja IBA Easy Grow kepada petani. - Kualiti pertumbuhan pokok dengan penggunaan IBA Easy Grow lebih baik berbanding dengan pakej baja subsidi. - Hasil lebih tinggi dengan IBA Easy Grow berbanding dengan pakej baja subsidi. 4. Analisa kos pendapatan dan pengeluaran mendapati penggunaan IBA Easy Grow tidak ekonomik kepada petani berbanding pakej Jabatan



Tanaman alternatif untuk atasi masalah perosak dan penyakit padi



Pengujian kehadiran rumput dalam pemerhatian projek khas bagi menangani isu ketidaksuburan tanah untuk penanaman padi secara lestari



Pengambilan sampel tanah sebelum memulakan kajian kesan penggunaan baja easy grow ke atas prestasi tanaman padi



Penapakan anak pokok yang tidak sekata dalam pemerhatian projek khas bagi menangani isu ketidaksuburan tanah untuk penanaman padi secara lestari



Persampelan data kajian kesan penggunaan baja easy grow ke atas prestasi tanaman padi



Persampelan serangan makhluk perosak kesan penggunaan baja easy grow ke atas prestasi tanaman padi

3.2 INDUSTRI BUAH-BUAHAN

Pembangunan secara kluster bagi tanaman buah-buahan melibatkan pembangunan kawasan secara menyeluruh melibatkan aktiviti sepanjang rantai bekalan dari peringkat ladang hingga sampai ke pengguna tempatan atau eksport dalam bentuk segar atau diproses bagi meningkatkan pengeluaran, kualiti hasil dan pendapatan petani/ usahawan. Skop insentif yang diberikan adalah seperti sistem pengairan, infrastruktur ladang, input-input pertanian, peralatan ladang dan kemudahan pusat pengumpulan hasil.

Fokus tanaman adalah durian, tembikai, betik, pisang, rambutan dan mangga (Harumanis).

RINGKASAN PENCAPAIAN PROJEK PEMBANGUNAN KLUSTER TANAMAN BUAH-BUAHAN TAHUN 2020

BIL	NAMA PROJEK	LUAS (HA)	PESERTA
1	KLUSTER TANAMAN DURIAN	292.89	178
2	KLUSTER TANAMAN TEMBIKAI	161.20	115
3	KLUSTER TANAMAN BETIK	371.96	52
4	KLUSTER TANAMAN RAMBUTAN	45.87	40
5	KLUSTER TANAMAN PISANG	315.91	148
	JUMLAH	1,187.83	533



PROJEK PEMBANGUNAN KLUSTER DURIAN

 47  96.91

Jeli
Kuala Krai
Machang
Pasir Putih
Tanah Merah

 70  103.6

Hulu Perak
Larut Matang Selama

 48  73

Jerantut
Bentong
Raub
Lipis

 13  19.38

Segamat
Muar



 Petunjuk
Peserta (orang)
 LUAS (ha)

Tumpuan kepada durian dilaksanakan setelah permintaan terhadap buah durian semakin meningkat susulan negara telah mendapat laluan pasaran untuk mengeksport durian ke beberapa buah negara terutamanya ke China.

Pembangunan kluster tanaman durian melibatkan pembangunan kawasan secara bersepadu dalam aktiviti yang berlaku sepanjang rantai bekalan dari peringkat ladang hingga ke pengguna bagi memenuhi permintaan tempatan atau eksport sama ada dalam bentuk segar atau diproses.

Pada tahun 2020, Jabatan telah memberi bantuan kepada 178 orang peserta yang melibatkan kawasan seluas **292.89 hektar**. Pelbagai bantuan telah diberikan seperti bantuan sistem pengairan, infrastruktur ladang, input-input pertanian seperti baja, racun serta peralatan ladang.

MOHD ZULKIPLI BIN IBRAHIM

Lokasi Projek
Kg. Repoh, Batu Kurau, Perak
Jenis Tanaman
Durian
Tahun Projek
2020
Luas Projek
3.0 Ha




MOK KWAI MENG

Lokasi Projek
Kg. Tasek, Perak
Jenis Tanaman
Durian
Tahun Projek
2020
Luas Projek
3.5 Ha





PROJEK PEMBANGUNAN KLUSTER TANAMAN RAMBUTAN



Bagi memenuhi keperluan eksport terutama ke Amerika Syarikat dan lain-lain negara yang telah memberi laluan pasaran, Jabatan telah mengambil inisiatif untuk membangunkan Projek Kluster Rambutan dalam RMKe-11. Tumpuan pembangunan adalah di negeri Kedah yang melibatkan beberapa buah daerah seperti Baling, Padang Terap, Sik dan Pendang kerana kawasan ini telah sedia ada dengan tanaman rambutan dengan varieti **R191 (Anak Sekolah)** yang sesuai untuk dieksport. Manakala di Perak melibatkan daerah Kinta dan Larut Matang & Selama

Pada tahun 2020, sebanyak **45.87 hektar** kawasan telah dibangunkan dengan tanaman rambutan melibatkan **40 orang petani**.

En. Azad Bin Sudin
Lokasi Projek
Kg. Tanjung Putus, Padang Terap, Kedah
Jenis Tanaman
Rambutan
Luas Projek
1.74 hektar



Program Trail Pengeksportan Rambutan ke Amerika Syarikat di Agensi Nuklear Malaysia
Tarikh : 6 Oktober 2020





PROJEK PEMBANGUNAN KLUSTER TANAMAN BETIK

Betik merupakan salah satu tanaman buah-buahan utama yang ditanam di Malaysia dan merupakan komoditi utama yang dieksport ke luar negara dan menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara. Fokus utama projek ini adalah untuk menambah kawasan penanaman serta meningkatkan pengeluaran betik negara.

Pada tahun 2020, seramai **52 orang** petani telah menerima manfaat dengan keluasan **371.96 hektar**

 **13**  **25.8**

Manjung
Hilir Perak
Hulu Perak
Kuala Kangsar
Batang Padang

 **1**  **5**


Port Dickson

 **9**  **173.76**

Jasin
Alor Gajah
Melaka Tengah

 **13**  **19.38**

Batu Pahat
Kulai
Kluang
Muar
Segamat



Petunjuk
 Peserta (orang)
 LUAS (ha)

 **3**  **10**

Machang

 **9**  **173.76**

Marang
Kemaman

 **13**  **19.38**

Kuantan
Rompin
Raub
Jerantut
Lipis
Bentong

En. Fahami Zakaria

Lokasi Projek

Kg. Pondok Paku, Terengganu


Jenis Tanaman

Betik

Luas Projek

3.2 hektar





PROJEK PEMBANGUNAN KLUSTER TEMBIKAI

Pembangunan projek kluster tanaman tembikai tertumpu di kawasan pantai timur Semenanjung Malaysia. Jabatan Pertanian telah membangunkan kawasan seluas **161.2 hektar** melibatkan seramai **115 orang petani**.

14  14.29

Langkawi
Kubang Pau
Pendang
Padang Terap
Baling

1  1

Seberang Perai Utara

2  2

Hulu Perak

1  0.4

Klang

1  5

Port Dickson



 **Petunjuk**
Peserta (orang)
 **LUAS (ha)**

6  7.9

Bachock
Kuala Krai
Machang

63  66.11

Kemaman
Marang
Kuala Terengganu
Hulu Terengganu
Kuala Nerus
Dungun
Besut
Setiu,

22  29

Pekan
Maran
Bera
Raub
Lipis

5  35.5

Mersing
Kota Tinggi
Johor Bahru
Batu Pahat

4 peserta

Lokasi Projek

Kg. Rusila, Marang, Terengganu

Jenis Tanaman

Tembikai

Luas Projek

4 hektar



5 orang peserta

Lokasi Projek

**Projek Kelompok Bukit Kor,
Marang, Terengganu**


Jenis Tanaman

Tembikai

Luas Projek

8 hektar





PROJEK PEMBANGUNAN KLUSTER PISANG

 22  41.49

 13  22

Kuala Selangor
Hulu Selangor
Sepang


 41  62.33

Pekan Bera Bentong
Temerloh Raub
Jerantut Lipis

 7  19.92

 31  100.47

Segamat Johor
Muar Bahru
Kulai Batu Pahat
Kluang



Petunjuk
Peserta (orang)
LUAS (ha)

Pembangunan kluster pisang dijalankan bagi menampung keperluan pisang dalam Malaysia memandangkan permintaan terhadap buah pisang segar dan untuk industri hiliran semakin meningkat di Malaysia.

Melalui program ini, insentif kemudahan infrastruktur yang lengkap, bekalan bahan tanaman yang bermutu tinggi, teknologi terkini dalam pengeluaran tanaman serta pengendalian lepas tuai diberi penekanan dan keutamaan.

Pada tahun 2020, sebanyak **315.91 hektar** kawasan telah dibangunkan dengan tanaman pisang melibatkan **148 orang petani**.

 2  4.7

 41  62.33

Kuala Terengganu Besut
Hulu Terengganu Setiu
Kuala Nerus Kemaman
Dungun

En. Kamarizan Bin Deris
En. Khairul Amri Bin Noor
Lokasi Projek
Kg Bukit Kura, Mukim Pedu,
Padang Terap, Kedah
Jenis Tanaman
Pisang
Luas Projek
3.5 hektar



En. Bahari Bin Dahakim
Rosli Bin Chat @ Arshad
Rosmaini Bin Mohamad Sallih
Lokasi Projek
Kg Ewa, Langkawi
Jenis Tanaman
Pisang
Luas Projek
3 hektar



8 orang peserta
Lokasi Projek
Padang Machang, Marang,
Terengganu
Jenis Tanaman
Pisang
Luas Projek
3.3 hektar




PROJEK PEMBANGUNAN TANAM SEMULA BUAH-BUAHAN TERPILIH

Pembangunan Projek Tanam Semula Buah-buahan Terpilih dilaksanakan untuk membantu meningkatkan pendapatan pekebun kecil melalui pemulihan dusun secara tersusun dan mengamalkan pengurusan yang baik serta meningkatkan

pengeluaran buah-buahan secara pukal, berkualiti dan mencukupi. Antara tanaman yang difokuskan adalah seperti tanaman durian, nangka, manggis, manga, cempedak, rambutan, limau besar, limau manis dan duku langsung/dokong.

Pada tahun 2020, sebanyak **1,793.83 hektar** kawasan telah dibangunkan dengan tanaman pelbagai buah melalui Projek Tanam Semula Buah-Buahan Terpilih melibatkan **1,417 orang peserta**.



Chong Kuee Peng

Lokasi Projek

Kg Simpang Pertang, Negeri Sembilan

Jenis Tanaman

1. Nangka : 3 hektar

2. Pisang : 10 hektar

Luas Projek

13 hektar



Nama Peserta

Ikmal Halimi bin Abd Wahab

Lokasi Projek

Kg Ulu Jelebu, Negeri Sembilan

Luas Projek

3 hektar



Shamsul Akhmal Bin Ahmad
 Lokasi Projek
Buluh Telor, KKB4, Hulu Selangor, Selangor
 Luas Projek
0.8 hektar



Foo Kok Meng
 Lokasi Projek
Kg. Tasek, Hulu Perak, Perak
 Jenis Tanaman
Durian
 Luas Projek
2 hektar



PROGRAM DURIAN KAMPUNG PREMIUM



Program ini dilaksanakan pada tahun 2020 bagi menaiktaraf nilai durian kampung yang berkualiti tinggi bagi mendapatkan nilai yang bersesuaian di dalam pasaran. Jabatan Pertanian Malaysia telah membangunkan satu Standard Durian kampung Premium (DKP) sebagai panduan untuk membezakan durian kampung yang berkualiti premium dan Durian Kampung bergred rendah.

Panduan ini penting sebagai rujukan kepada petani, penjual dan masyarakat dalam mengenalpasti ciri-ciri Durian Kampung Premium (DKP) yang berkualiti dengan objektif agar mendapatkan harga yang setimpal dengan kualiti di pasaran.

**Program Walkabout &
 Pelancaran Standard Durian
 Kampung Premium**
 Oleh YB Datuk Seri Haji Ahmad
 bin Hamzah
 Timbalan Menteri Pertanian 1
 Tarikh : 26 Jun 2020
 Tempat : Jelebu, Negeri
 Sembilan



3.3


INDUSTRI SAYURAN & TANAMAN KONTAN

PROJEK PEMBANGUNAN BANTUAN PENINGKATAN HASIL SAYUR

sebanyak 98,634 mt melalui program ini. Pembangunan projek ini telah bermula sejak lama dahulu dengan peruntukan daripada kerajaan terutamanya untuk pembangunan kawasan dan infrastruktur asas disebabkan oleh peningkatan produktiviti dan perluasan kawasan baharu. Selain itu, skop program juga telah diperluaskan kepada projek tanaman secara fertigasi meliputi penyediaan struktur pelindung hujan, sistem pengairan, perolehan input pertanian serta peralatan ladang. Objektif projek pembangunan bantuan peningkatan hasil sayur ialah seperti berikut:

1. Meningkatkan pengeluaran dan produktiviti projek sayur-sayuran sedia ada dan baharu
2. Meningkatkan Pendapatan petani atau usahawan

Pada tahun 2020 sebanyak **563 orang** telah mendapat manfaat dari projek ini dan telah melibatkan 742 hektar dengan pengeluaran sayuran dalam negara sebanyak **20,034 tan**.



Keluasan dibangunkan :742 Ha
Bilangan Petani terlibat: 563 orang
Pengeluaran (mtan): 20,034

Mohd Taufik Abu Bakar

Lokasi Projek

**Kg. Baru Kerteh , Kemaman,
Terengganu**

Jenis Tanaman

Cili

Luas Projek

0.4 hektar (2000 polibeg)



Wong Pik Siong

Lokasi Projek

**Kg. Sungai Keling, Wilayah
Persekutuan Labuan**

Jenis Tanaman

Salad, Sawi, Pak Choy

Cili

Luas Projek

1 hektar



Haji Sulaiman bin Sujud

Lokasi Projek

**Kg. Pohon Batu, W.P Labuan
Selangor**

Jenis Tanaman

**Sawi, Bayam, Kangkung,
Kacang Panjang**

Luas Projek

2.79 hektar



PROJEK KLUSTER TANAMAN KONTAN


Jabatan Pertanian telah melaksanakan Projek Pembangunan Kluster Tanaman Kontan bagi membantu industri hiliran mendapat bahan mentah yang mencukupi dan menjadi pilihan petani kerana ia dapat menghasilkan pulangan yang cepat. Tanaman Kontan merupakan

tanaman singkat masa selain daripada sayur-sayuran. Tempoh penanaman tanaman kontan mengambil masa tidak lebih daripada setahun, kebiasaannya antara tiga (3) hingga enam (6) bulan. Antara tanaman kontan yang menjadi pilihan utama ialah jagung manis, ubi kayu, ubi keledek, ubi keladi, ubi sengkuang, kacang tanah dan tebu. Objektif projek ini adalah seperti berikut:

1. Meningkatkan pengeluaran bahan mentah untuk industri asas tani.
2. Menambahkan pendapatan dan meningkatkan taraf sosio ekonomi penduduk setempat.

Kawasan sedia ada akan dinaiktaraf agar menjadi lebih kondusif dan mampu meningkatkan lagi produktiviti hasil pengeluaran dengan pengaplikasian teknologi dan penggunaan mekanisasi serta mengoptimumkan penggunaan tanah dengan menanam 2 hingga 3 pusingan tanaman setahun.

Seramai **362 orang** telah mendapat manfaat dari projek ini yang melibatkan 427 hektar dengan pengeluaran sebanyak **32,116 tan**.



Keluasan dibangun : 427 Ha
Bilangan Petani terlibat: 362 orang
Pengeluaran (mtan): 32,116

Mohd Badri bin Lodin (Pemilik syarikat Real Nectar Sdn .Bhd)

Lokasi Projek

Kampung Changkat Tualang, Mukim Teja, Kampar Perak

Jenis Tanaman

Ubi Keledek

Luas Projek

45.684 hektar



Muhammad Ridwan Bin Abdul Wahab

Lokasi Projek

Kg. Besah, Baling, Kedah

Jenis Tanaman

Labu Manis

Luas Projek

1.2 hektar




PROJEK PEMBANGUNAN LADANG ORGANIK

Perladangan Organik merupakan pengeluaran hasil tanaman yang tidak menggunakan bahan kimia sintetik seperti baja kimia dan racun perosak. Ianya melibatkan penggunaan bahan-bahan di persekitaran sebagai sumber nutrient tanaman seperti pengkomposan sisa

ladang dan ternakan. Perladangan Organik dilihat menjadi faktor penting dalam pembangunan industri pertanian kini. Ini disebabkan oleh isu-isu penggunaan baja kimia dan racun perosak yang semakin tinggi dari hari ke hari sehingga menimbulkan masalah ke atas kesihatan manusia dan kestabilan alam sekitar. Dengan peningkatan taraf hidup, pengguna kini lebih cenderung memilih bahan makanan berkualiti dan selamat dari sisa kimia (racun perosak, baja, hormon dan sebagainya). Objektif projek ini adalah:

1. Mengeluarkan tanaman yang selamat dimakan
2. Meningkatkan bilangan ladang yang mengamalkan teknologi perladangan organik.

Pada tahun 2020, seluas 80.29 hektar telah dibangunkan di bawah projek ini dengan melibatkan seramai **40 orang petani**. Di antara jenis tanaman yang terlibat ialah cendawan, durian dan sayuran dengan jumlah pengeluaran sebanyak **3,212 mt**.



Keluasan dibangunkan : 80.29 Ha
Bilangan Petani terlibat: 40 orang
Pengeluaran (mtan): 3,212

Mohd Amin Bin Zakariya

Lokasi Projek

Kg. Padang Chicak, Sik , Kedah

Jenis Tanaman

Durian

Luas Projek

6 hektar



Abdul Rashid Bin Abdullah

Lokasi Projek

Kg. Charok Tenang, Sik

Jenis Tanaman

Durian

Luas Projek

3 hektar



Nur Farahin binti Mohd Hanifa

Lokasi Projek

Kampung Layang-layangan

Jenis Tanaman

Cendawan

Luas Projek

0.1 hektar



Nama Peserta

Hj Abdul Rahman Bin Taib

Lokasi Projek

Kg. Pokok Pauh, Pokok Sena

Jenis Tanaman

Cendawan

Luas Projek

0.1



PROJEK EKONOMI GANTIAN TEBBAKAU (PEGT)


Projek ini diwujudkan susulan keputusan Mesyuarat Lembaga Pengarah LKTN Bil 1/2013 pada 30 Januari 2013 yang bersetuju diadakan perbincangan supaya pengusaha integrasi serta bekas penanam tembakau di bawah seliaan LKTN diletakkan di bawah tanggungjawab Kementerian Pertanian

dan Industri Asas Tani (MoA) disebabkan mereka tidak lagi terlibat dengan penanaman tembakau. Bilangan peserta terlibat seramai 1,018 orang diserahkan kepada MoA yang kini menjalankan program aktiviti ekonomi lain seperti program integrasi tanaman dan ternakan, serta fertigasi bagi membantu memberi nilai tambah kepada pengusaha tembakau. Objektif projek ini adalah:

1. Untuk mewujudkan ruang untuk bekas pengusaha tembakau meneruskan kegiatan ekonomi dan seterusnya dapat meningkatkan sumber pendapatan mereka.
2. Menerus dan menjayakan sektor pertanian sejajar dengan Dasar Agromakanan Negara untuk menjamin keselamatan makanan dan mengurangkan import hasil pertanian daripada negara luar.

Skop pembangunan projek meliputi pembersihan kawasan, penyediaan infrastruktur ladang, bahan-bahan input serta jentera pertanian dan peralatan ladang bagi projek tanaman secara fertigasi dan konvensional. Selain itu, ianya juga termasuk pelaksanaan pemberian khidmat nasihat kepada petani melalui kursus, bengkel dan seminar.

Pada tahun 2020, seluas 228.76 hektar telah dibangunkan di bawah projek ini melibatkan seramai **221 orang** peserta dengan pengeluaran sebanyak **4,116 tan**.



Keluasan dibangunkan : 228.76 Ha
Bilangan Petani terlibat: 221 orang
Pengeluaran Tahunan: 4,116 mtn

Seng Chong Seng

Lokasi Projek

Kg. Pulau Gadong, Melaka

Tengah, Melaka

Jenis Tanaman

Jambu batu

Luas Projek

1 hektar



7 (kelompok)

Lokasi Projek

Kg. Beris Baru, Marang,

Terengganu

Jenis Tanaman

Jagung

Luas Projek

12.8 hektar



Muhammad Zuki bin Mat Hassan

Lokasi Projek

Kg. Tujuh, Tumpat Kelantan

Jenis Tanaman

Cili

Luas Projek

0.4 hektar



Bil Peserta

14 orang (kelompok)

Lokasi Projek

Projek Kelompok Kg. Jawa,

Rompin, Pahang

Jenis Tanaman

Jagung, keledak dan kacang tanah

Luas Projek

22 hektar



3.4 INDUSTRI KOPI

Projek Pembangunan Industri Kopi dibangunkan bagi sepanjang RMKe-11 bertujuan bagi membangunkan kawasan penanaman kopi seluas 1,130 hektar dan meningkatkan pengeluaran kopi agar mencapai anggaran pengeluaran sebanyak 7,500 tan pada tahun 2020.

Insentif yang diberikan kepada golongan sasar melalui projek tanam semula dan pemulihan kebun kopi sedia ada merangkumi pembangunan infrastruktur, pembersihan kawasan dan input-input pertanian seperti anak benih kopi, baja dan racun perosak.

Sepanjang tahun 2020 sejumlah 74 projek seluas 384.48 hektar dengan peserta seramai 299 orang telah dibangunkan.

Yan, Sik, Padang Terap & Baling, Kedah

Tanam Semula/Baru : 11.2ha
Bil. Peserta : 14 org
Pemulihan : 12.68ha
Bil. Peserta : 10 org
Varieti kopi : Robusta



Hulu Perak & Hilir Perak, Perak

Tanam Semula/Baru : 10ha
Bil. Peserta : 7 org
Pemulihan : 0
Varieti kopi : Liberica



Melaka Tengah, Melaka

Tanam Semula/Baru : 0 ha
Pemulihan : 1.2 ha
Bil. Peserta : 1 org
Varieti kopi : Liberica



Batu Pahat, Kluang, Johor

Tanam Semula/Baru : 22.8ha
Bil. Peserta : 18 org
Pemulihan : 17 ha
Bil. Peserta : 20 org
Varieti kopi : Liberica



Bera, Pahang

Tanam Semula/Baru : 0.4ha
Bil. Peserta : 1 org
Pemulihan : 0
Varieti kopi : Liberica



SRI AMAN, SARAWAK

Tanam Semula/Baru : 6 ha
Bil. Peserta : 6 org
Varieti kopi : Liberica



MIRI, SARAWAK

Tanam Semula/Baru :
275.2 ha
Bil. Peserta : 202 org
Varieti kopi : Liberica



BAKELALAN, SARAWAK

Tanam Semula/Baru : 4ha
Bil. Peserta : 4 org
Varieti kopi : Arabica (Typica)



TENOM, SABAH

Tanam Semula : 23ha
Bil. Peserta : 12 org
Varieti kopi : Robusta



RANAU, SABAH

Tanam Semula: 10.08ha
Bil. Peserta : 11 org
Varieti kopi : Arabica
(Catimor)



PROJEK KOPI LIBERICA OLEH SYARIKAT MYLIBERICA COFFEE, JOHOR

Nama Peserta
En. Jason Liew Boh Chen
Lokasi Projek
Kulai, Johor
Variety kopi ditanam
Liberica
Keluasan terkini
20 ha



PROJEK KOPI ROBUSTA DI KG. BANDAR HILIR, SIK, KEDAH

Nama Peserta
En Che Nai bin Hassan
(Petani bimbingan Nestle dan KEDA)
Variety kopi ditanam
Robusta (Ivory Coast – IC 2,3,4,6 & 8)
Keluasan terkini
2 ha



VARIETI KOPI DI MALAYSIA



KOPI ARABICA (Catimor / Typica) *Coffea arabica*

- 70% pengeluaran dunia
- Kesesuaian Altitude: 800m – 2200m dari aras laut
- Tempoh reproduktif: 7 – 9 bulan
- Sarawak – Typica
- Sabah – Catimor



KOPI ROBUSTA *Coffea canephora*

- 28% pengeluaran dunia
- Kesesuaian Altitude: 0 – 800m dari aras laut
- Tempoh reproduktif: 9 – 11 bulan
- Kedah & Sabah



KOPI LIBERICA *Coffea liberica*

- 1-2% pengeluaran dunia
- Kesesuaian Altitude: 0 – 700m dari aras laut
- Tempoh reproduktif: 12 – 13 bulan
- Johor, Perak, Selangor, Melaka, Terengganu, Pahang

BUAH-BUAHAN NADIR

CONTOH BUAH-BUAHAN NADIR

*M*alaysia
sebuah
Negara yang subur di mana banyak
jenis buah-buahan
dapat hidup dengan
baik di seluruh
Negara. Malaysia
mempunyai tidak
kurang dari 370m
spesis buah-buahan
tetapi hanya 16 spesis
buah-buahan
dikelaskan dalam
kelas buah-buahan
utama dan yang lain
dianggap sebagai
buah-buahan nadir.

NADIR membawa
maksud sedikit atau
jarang. Buah nadir
membawa makna
buah tersebut dalam
bilangan yang sedikit.
Buah nadir ada di
tanam tetapi tidak
secara meluas.
Kebiasaannya buah
nadir hidup di pinggir
hutan atau hidup liar
di dalam hutan.



Canistel



Jering



Belimbing Buluh



Rambai



Buah Melaka



Melinjau



Asas Gelugur



Buah Pala



Kedondong



Durian Belanda



Cermai



Mengkudu



Asam Jawa



Tin



Buah Nona



Putat



Montega



Tampoi




BAB 4

PROGRAM PEMBANGUNAN KOMODITI BERPOTENSI

- 4.1 LEBAH MADU/ KELULUT
- 4.2 HERBA/ REMPAH RATUS

4.1 LEBAH MADU/ KELULUT

PROJEK PEMBANGUNAN FARMER'S FIELD SCHOOL (FFS) KELULUT



Program ini bertujuan untuk menggalakkan usahawan mempraktikkan amalan agronomi pemeliharaan kelulut yang betul dan secara tidak langsung mendedahkan peserta FFS Kelulut kepada maklumat dan teknologi pemeliharaan terkini. Program ini juga dapat meningkatkan potensi diri usahawan melalui aktiviti pertukaran maklumat antara pemain industri. Sebuah fasiliti bagi kegunaan Program Farmer's Field School Kelulut dengan peruntukan sebanyak RM40,000 telah dibangunkan di Pusat Apiari Nasional, Pusat Pertanian Parit Botak, Senggarang, Batu Pahat, Johor pada tahun 2020. Sehingga kini terdapat seramai **862 orang** usahawan Kelulut dengan jumlah pengeluaran madu sebanyak **202,427.73 kg** pada tahun 2020. Kesemua penternak kelulut ini dibangunkan di bawah inisiatif Jabatan Pertanian Negeri-negeri

● Terletak di Pusat Apiari Nasional, Pusat Pertanian Parit Botak, Senggarang, Johor




Landskap di Sekitar Bilik Latihan



Kemudahan Bilik Latihan

PENGELUARAN MADU DI SEMENANJUNG MALAYSIA TAHUN 2020

BILANGAN USAHAWAN KELULUT (ORANG) DI SEMENANJUNG
MALAYSIA MENGIKUT NEGERI TAHUN 2020



PENGELUARAN MADU KELULUT (KG) DI SEMENANJUNG MALAYSIA
MENGIKUT NEGERI TAHUN 2020



4.2 HERBA / REMPAH RATUS

Kementerian Pertanian & Industri Makanan telah menggariskan bahawa industri herba sebagai satu industri baharu yang dibangunkan secara komersil yang di letakan di bawah Hala Tuju Strategik 2 : Meningkatkan Sumbangan Industri Agromakanan. Untuk memacu pertumbuhan industri herba sebagai hub herba di peringkat domestik dan global, industri herba diletakkan di bawah Projek Pemacu Pertanian: Produk Herba Bernilai Tinggi bagi memperkasakan kualiti produk dan pemasaran untuk menembusi pasaran global serta menjana pendapatan negara RM 2.2 billion menjelang tahun 2020.

Sebanyak 18 jenis tanaman herba difokuskan di bawah Projek Pemacu Pertanian iaitu Kacip Fatimah, Tongkat Ali, Rosel, Halia, Misai Kucing, Belalai Gajah, Dukung Anak, Hempedu Bumi, Mas Cotek, Pegaga, Senduduk Putih, Mengkudu, Lempoyang, Sireh/Kaduk, Peria Katak, Merunggai, Gelenggang dan Sambung Nyawa .

Jabatan Pertanian memfokuskan 4 komponen iaitu **Projek Perladangan Komersial, Projek Pusat Pengerian, Projek Pembangunan Pusat Pengumpulan, Pengendalian Lepas Tuai dan Pengedaran dan Projek Pengeluaran Anak Benih Herba.**

PROJEK PERLADANGAN KLUSTER HERBA DI NEGERI

Pada tahun 2020, Jabatan Pertanian telah memperuntukan sejumlah RM1,400,000.00 bagi membangunkan kawasan seluas 52 hektar melibatkan seramai 31 orang petani.

Daerah : Arau
Keluasan : 0.3 ha
Bil. peserta : 1
Tanaman : pegaga

Daerah : Baling, Sik, Pokok Sena,
Padang Terap
Keluasan : 8.8 ha
Bil. peserta : 6
Tanaman : halia bentong, tongkat ali, serai, temulawak, kacip Fatimah

Daerah : Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah
Keluasan : 3.64 ha
Bil. peserta : 3
Tanaman : halia, misai kucing, belalai gajah, lidah buaya

Daerah : Bagan Datoh, Larut Matang & Selama
Keluasan : 4 ha
Bil. peserta : 2
Tanaman : halia bara, sireh

Daerah : Kuala Pilah, Rembau
Keluasan : 6 ha
Bil. peserta : 2
Tanaman : sireh , halia

Daerah : Kota Tinggi, Mersing, Segamat
Keluasan : 7.4 ha
Bil. peserta : 5
Tanaman : Rosel, moringga, halia, Lempoyang

Daerah : Bentong, Lipis, Bera
Keluasan : 13.2 ha
Bil. peserta : 4
Tanaman : Tongkat Ali, Limau nipis, Halia, Belimbing buluh

Daerah : Dungun
Keluasan : 0.7 ha
Bil. peserta : 3
Tanaman : Halia, Rosel

Daerah : Kota Bharu, Machang
Keluasan : 2.3 ha
Bil. peserta : 4
Tanaman : Halia, Kunyit, Limau Kasturi, Lengkuas, Serai, Lada Hitam, Merunggai


Daerah : Kota Belud
Keluasan : 5 ha
Bil. peserta : 4
Tanaman : Rosel, Merunggai, Sacha Inchi, Serai Makan

KPI HASIL PENGELUARAN BAHAN MENTAH HERBA TAHUN 2020

Key Performance Indicators (KPI) bagi Tahun 2020 adalah sebanyak RM 5,200,000 dan pencapaiannya sebanyak RM4,950,354 seperti graf di bawah.

**KPI Hasil
Pengeluaran Bahan
Mentah Herba
Sasaran : RM 5.2 Juta
Pencapaian : 4.9
Juta (95%)**

NILAI PENGELUARAN HASIL (RM)



* Pengiraan nilai pengeluaran hasil pada tahun 2020 adalah merujuk kepada keseluruhan projek bermula dari tahun 2011-2020.

NEGERI	PENCAPAIAN KUANTITI PENGELUARAN (KG)	PENCAPAIAN NILAI PENGELUARAN (RM)*
Perlis	1,442.00	6,348.00
Kedah	49,015.00	394,993.50
P. Pinang	78,330.00	227,538.80
Perak	85,260.00	389,812.00
Selangor	180,857.00	909,603.00
N.Sembilan	51,248.00	187,200.00
Melaka	18,205.00	110,010.00
Johor	263,036.00	1,411,929.00
Pahang	126,325.00	768,371.90
Terengganu	74,668.00	325,029.50
Kelantan	52,208.00	219,518.40
JUMLAH BESAR	980,594.00	4,950,354.10

Nama Peserta

**MOHD ZULFADHLI BIN
JAMALUDDIN**

Lokasi Projek

**Kg. Kedundung, Mukim Derang
Terengganu**

Jenis Tanaman : **Rosel**

Jumlah Pengeluaran (kuantiti/
tahun) : **2.4 tan**

Nilai Pengeluaran (RM/tahun)

RM 6000.00

Luas Projek : **1.16 hektar**



Nama Peserta

Puvanarajah A/L Shanmugam

Lokasi Projek

**Kg. Ulu Sepetang, Batu Kurau,
Perak**

Jenis Tanaman : **Sireh**

Jumlah Pengeluaran (kuantiti/
tahun) : **15,550 kg / Tahun 2020**

Nilai Pengeluaran (RM/tahun)

RM 62,200 /Tahun

Luas Projek : **0.93 hektar**



Nama Peserta

**Pusat Pertanian Rhu Tapai
(Petak A & B)**

Jenis Tanaman : **Rosel UMKL 1**

Sasaran : **100 kg**

Luas Projek : **0.8 ha**



Nama Peserta

**PENGELUARAN BAHAN
TANAMAN**

Lokasi Projek

**Pusat Pertanian Parit Botak, Batu
Pahat, Johor**

Jenis Tanaman : **Kacip Fatimah**

Sasaran : **2,000 anak pokok**

Luas Projek : **0.2 hektar**

Peruntukan tahun 2020 :

RM50,000.00



PPP 1 MEMFOKUSKAN KEPADA 18 JENIS HERBA



Gelenggang
(*Cassia alata*)



Merunggai
(*Moringa oleifera*)



Peria Katak
(*Momordica charantia*)



Tongkat Ali
(*Eurycoma longifolia*)



Kacip Fatimah
(*Labisia pumila sp*)



Misai Kucing
(*Orthosiphon stamineus*)



Dukung Anak
(*Phyllanthus sp.*)



Hempedu Bumi
(*Andrographis paniculata*)



Roselle
(*Hibiscus sabdariffa*)



Pegaga
(*Centella asiatica*)



Halia
(*Zingiber officinale*)



Mengkudu
(*Morinda citrifolia*)



Mas Cotek
(*Ficus deltoidea*)



Sambung Nyawa
(*Gynura procumbens*)



Belalai Gajah
(*Clinacanth nutans*)



Lempoyang
(*Zingiber zerumbet*)



Kaduk/Sireh
(*Piper sp*)



Senduduk Putih
(*Melastoma malabathricum*
var . Alba)





BAB 5

SUMBER KEKAYAAN BAHARU

- 5.1 INDUSTRI KELAPA
- 5.2 INDUSTRI JAGUNG BIJIAN
- 5.3 INDUSTRI NAPIER

5.1 INDUSTRI KELAPA

Pada tahun 2018, Jabatan Pertanian telah dipertanggungjawab untuk menjalankan beberapa projek di bawah Program Sumber Kekayaan Baharu Negara (SKB). Kelapa merupakan salah satu tanaman yang diberi tumpuan dalam Program SKB. Projek Pembangunan Industri Kelapa di bawah Program SKB dilaksanakan bagi meningkatkan pengeluaran kelapa tempatan agar negara mempunyai bekalan kelapa yang cukup bagi kegunaan segar domestik serta merancakkan aktiviti penghasilan produk hiliran kelapa. Melalui perluasan projek penanaman semula/baharu varieti berhasil tinggi dan projek pemulihan kebun kelapa sedia ada, pendapatan petani akan dapat ditingkatkan. Di bawah projek ini juga, aktiviti pengukuhan serta penambahbaikan pusat-pusat pengeluaran anak benih kelapa varieti berhasil tinggi di bawah Jabatan Pertanian dilaksanakan bagi meningkatkan pengeluaran anak benih kelapa untuk memenuhi keperluan tempatan. Projek Pembangunan Industri Kelapa diharapkan akan dapat meningkatkan lagi aktiviti ekonomi sepanjang rantai nilai kelapa sebagai Sumber Kekayaan Baharu Agromakanan Negara.

Pada tahun 2020, projek ini memfokuskan kepada Projek Pembangunan Industri Kelapa secara reimbursement. Sebanyak **13 projek** dilaksanakan pada tahun 2020 dengan keluasan **82.63 hektar** dan seramai **12 orang** petani kecil/komersil dan 1 syarikat.

PROJEK REIMBURSEMENT

PESERTA : EN. SAIFUL SUFFIAN

BIN SAMSUDDIN


LUAS : 6.05HA

LOKASI : RTB PERTANIAN

KAWASAN PUTEH FASA III,

MARANG (TERENGGANU)

VARIETI : MATAG



PROJEK REIMBURSEMENT

PESERTA : EN. ANWAR BIN

AHMAD

LUAS : 1 ha

LOKASI : KG. TANDOP


BATU, MUKIM

MERBOK (KEDAH)

VARIETI : MATAG DAN

PANDAN





PENGELUARAN BENIH KELAPA TAHUN 2020

Bagi menampung keperluan benih negara, Jabatan telah berjaya mengeluarkan sejumlah 295,746 benih pada tahun 2020 yang mampu menampung keluasan tanaman 1,300 hektar di tujuh pusat pengeluaran benih di Negeri Perak, Selangor, Kelantan, Terengganu dan Johor.



LOKASI PENGELUAR BENIH KELAPA (JABATAN PERTANIAN) TAHUN 2020

PERAK

Pusat Pertanian Lekir

Varieti	Pencapaian 2020 (pokok)
Matag	13,522
MYD	32,440
MRD	482
JUMLAH	46,444

Pusat Pertanian Teluk Bharu

Varieti	Pencapaian 2020 (pokok)
Pandan	45,000
MRD	4,920
Tagnana	7,300
JUMLAH	57,220



JOHOR

Pusat Pertanian Jorak

Varieti	Pencapaian 2020 (pokok)
Matag	20,000
MRD	57,000
MYD	37,000
Pandan	7,300
Tagnanan	3,000
JUMLAH	124,300

Pusat Pertanian Parit Botak

Varieti	Pencapaian 2020 (pokok)
Pandan	31,255
Tagnana	2,277
JUMLAH	33,532



KELANTAN

Pusat Pertanian Lundang

Varieti	Pencapaian 2020 (pokok)
Pandan	10,000
MYD	2,500
MRD	1,500
JUMLAH	11,500



SELANGOR

Pusat Pertanian Sekendi

Varieti	Pencapaian 2020 (pokok)
Pandan	6,000
JUMLAH	6,000



TERENGGANU

Pusat Pertanian Hulu Paka

Varieti	Pencapaian 2020 (pokok)
Pandan	16,750
JUMLAH	16,750



137.83 ha
Jumlah Kawasan
Pengeluaran Benih (Aktif)

295,746
Pencapaian
Benih 2020


5.2 INDUSTRI JAGUNG BIJIAN

Di Malaysia, jagung bijian ditanam untuk keperluan makanan ternakan. Jagung bijian paling banyak digunakan dalam penyediaan makanan ayam. Ia merupakan sumber tenaga utama (40-60%) dalam formulasi makanan ayam. Pada tahun 1987, keperluan jagung bijian di Malaysia adalah sebanyak 1 juta tan manakala tahun 2015, keperluan jagung bijian meningkat kepada 3.6 juta tan dengan nilai RM3.10 billion di mana negara bergantung sepenuhnya kepada jagung bijian import.



Penanaman jagung bijian dimulakan dengan projek rintis bagi menilai kesesuaian tanaman dan kos pengeluaran. Projek ini telah dimulakan pada tahun 2016 atas saranan YB Menteri Pertanian & Industri Asas Tani ketika itu, sebagai komoditi Sumber Kekayaan Baharu. Ia bertujuan untuk meningkatkan pengeluaran jagung bijian tempatan agar boleh mengurangkan import sebanyak 30% menjelang 2030.

Bagi tahun 2020, seluas 86 hektar telah dibangunkan melibatkan usahawan seramai 70 orang di 11 lokasi di 4 negeri pengeluaran sebanyak **17.2 tan**.



Nota : Pencapaian bertanam berkurangan disebabkan serangan Fall Army Warm (FAW)

Nama Peserta
Abi Setia Resources Sdn Bhd
Lokasi Projek
Kg. Tg. Medang, Pekan
Luas Projek :
44 hektar
Varieti : **GWG888**



Nama Peserta
FAMOX Plantations
Lokasi Projek
Kg. Sg. Batu Merbok, Kedah
Luas Projek :
22 hektar
Varieti : **Sygenta 7328, Pacific seeds 789, Pacific seeds 389**



Nama Peserta
Hashim Bin Ab Rahim
Lokasi Projek
Lembah Chuping Perlis
Luas Projek :
10 hektar
Varieti : **GWG 888, GWG 889, GWG5005, P4546**



Nama Peserta
Pusat pemprosesan jagung Bijian, Syarikat Green World Genetic (GWG)
Lokasi Projek
Arau, Perlis



Jagung bijian yang sesuai untuk dituai selepas 90-120 hari selepas tanam



Jagung bijian yang telah lerai dan dikeringkan sehingga mencapai kadar kelembapan 14.50%

5.3

INDUSTRI NAPIER

Rumput Napier merupakan salah satu sumber makanan yang penting kepada lembu tenusu. Kandungan protein yang tinggi dapat memastikan kualiti susu yang dihasilkan oleh lembu tenusu berkualiti dan banyak. Program Pengeluaran Napier dimulakan pada tahun 2017 dengan fokus asalnya untuk membangunkan ladang napier seluas 230 hektar setiap tahun mulai tahun 2017 sehingga tahun 2020 bagi menampung keperluan makanan ternakan 2,500 ekor lembu tenusu setiap tahun.

Dua model pembangunan projek yang digunakan adalah Syarikat Peneraju dan Usahawan Kecil (Homeplot). Bagi tahun 2020, hanya Usahawan Kecil dibangunkan seramai 22 orang dengan keluasan 101.121 hektar. Anggaran pengeluaran bagi keseluruhan projek adalah sebanyak 16,179 tan.

HOMEPLOT

Projek yang dilaksanakan secara kecil-kecilan dan maksimum keluasan adalah 5 hektar

 1  5

1. Kampung Padang Satu

 6  27.4

1. Kg Telok Sareh, Kg Gajah
2. Kg Chopin Kanan
3. Kg Pulau, Lambor Kiri, Parit
4. Padang Ragut Lambor Kanan B, Teluk Bakong
5. Padang Marhum, Padang Air Kuning
6. Padang Ragut Air Suda /Ulu Gerik

 1  2.5

1. Kg Tengah Lenggeng

 1  2

1. Bt Galing Temala

 6  18.5

1. Kg Teroh, Karak, Bentong
2. Rizab Haiwan Kg Bukit Gajah, Bentong
3. Rizab Haiwan Kg Lebu, Bentong

 6  18.5

1. Kg. Olak Batu, Mukim 7
2. Pt. Iapis Mahang
3. TKPM Peta Temalik, Labis
4. TKPM Sg Mengkuang, Endau, Mersing
5. TKPM Penyabong Endau
6. TKPM Lubok Bakul, Pagoh
7. TKPM Kahang, Kluang



Petunjuk
 Peserta (orang)
 LUAS (ha)

23
Usahawan Homeplot

101.21
Keluasan Bertanam (ha)





BAB 6

INDUSTRI ASAS TANI

6.1 INDUSTRI ASAS TANI

6.1 INDUSTRI ASAS TANI

Industri Asas Tani adalah aktiviti dan proses memberi nilai tambah kepada hasil pertanian melalui pemprosesan bahan makanan dan bukan makanan yang lebih bernilai dalam meningkatkan pendapatan petani dan usahawan. Ia melibatkan usaha-usaha membangunkan enterprise dan usahawan asas tani ke arah pembangunan industri asas tani yang mampan. Program-program yang diselia dan dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian adalah seperti di Gambarajah 1.



USAHAWAN IAT JABATAN PERTANIAN

Bilangan usahawan IAT yang berdaftar dengan Jabatan Pertanian adalah seramai 8,918 orang dengan 6,329 orang usahawan yang berhasil. Usahawan IAT dikategorikan mengikut tahap seperti di Gambarajah 2:

TAHAP	Kategori Perusahaan
	Jumlah (Org)
Tahap 1 - Nilai Jualan Tahunan (< RM 50,000)	4,670
Tahap 2 - Nilai Jualan Tahunan (RM 50,001 - RM100,000)	885
Tahap 3 - Nilai Jualan Tahunan (RM 100,001 - RM300,000)	570
Tahap 4 - Nilai Jualan Tahunan (RM 300,001 - RM5,000,000)	198
Tahap 5 - Nilai Jualan Tahunan (RM 5,000,001 - RM15,000,000)	5
Tahap 6 - Nilai Jualan Tahunan (> RM15,000,001- 50,000,000)	1
JUMLAH	6,329

PROGRAM GERAN PEMADANAN

Dua (2) Geran Pemadanan disediakan kepada usahawan IAT iaitu **Geran Pemadanan High Impact Product (HIP)** dan **Geran Pemadanan Change Upgrade Product (CUP)**. Pemberian geran pemadanan ini bertujuan untuk: -




Geran Pemadanan HIP

Diperkenalkan bagi membantu usahawan IAT bimbingan Jabatan Pertanian dengan nilai jualan melebihi RM 300,000 setahun dengan nilai geran tidak melebihi RM 200,000.

Geran Pemadanan CUP

Diperkenalkan bagi membantu usahawan IAT bimbingan Jabatan Pertanian dengan nilai jualan kurang daripada RM 300,000 setahun dengan nilai geran tidak melebihi RM 60,000.



PROGRAM PEMROSESAN, PEMBUNGKUSAN & PEMASARAN (3P)

NAIK TARAF PUSAT PEMROSESAN, PEMBUNGKUSAN & PEMASARAN (3P)

Pemprosesan adalah proses memberi nilai tambah kepada produk manakala fungsi utama pembungkusan adalah untuk mengekalkan kualiti, kesegaran dan melindungi produk daripada kerosakan. Pembungkusan juga berfungsi untuk memperaga dan memasarkan produk, memaklumkan, merangsang jualan untuk menarik pengguna, memudahkan serta melindungi produk semasa proses pengangkutan dan seterusnya memanjangkan jangka hayat produk. Pemasaran pula adalah proses menjual produk kepada pengguna.

Program 3P bertujuan untuk Membangunkan Kluster IAT Berasaskan Makanan; Meningkatkan Kualiti dan Keselamatan Makanan dan Meningkatkan Pembangunan Teknologi dan Inovasi

Pusat 3P Jabatan Pertanian yang bersesuaian dari segi lokasi, kos dan lengkap dengan kemudahan asas akan dipilih untuk dinaiktaraf untuk tujuan sewaan kepada usahawan IAT.



PUSAT INKUBATOR MERLIMAU, JASIN MELAKA



PUSAT INKUBATOR SERDANG, SELANGOR



Menaik taraf pagar



Sebelum



Selepas

Naik taraf Kabin

PROGRAM AGROPELANCONGAN

Program Agropelancongan diperkenalkan bagi membantu menaik taraf kemudahan dan kualiti perkhidmatan di Pusat Agropelancongan Jabatan dan Pusat Agropelancongan milik pengusaha di bawah seliaan Jabatan. Program ini bertujuan untuk memperkasakan aktiviti ekonomi dan keusahawanan masyarakat tani dengan mempelbagaikan sumber pendapatan mereka; dan membuka peluang pekerjaan baharu kepada penduduk setempat.



PUSAT AGROPELANCONGAN JABATAN

PUSAT PERTANIAN PADANG MATSIRAT, LANGKAWI KEDAH



Naik taraf tandas lama kepada yang baharu



Membina surau di atas tapak tanah kosong

PUSAT AGROPELANCONGAN USAHAWAN

Nama Projek : NIK ZALINA BINTI NIK MOHAMAD
WILALONG AGRO B'FARM – TERNAKAN KELULUT

Sebelum

Selepas

BIL	SKOP PROJEK	PERUNTUKAN (RM)	BIL PENGUNJUNG (2020)	PENDAPATAN TAHUNAN (RM)	CATATAN
1	Membina tandas dan papan tanda arah	24,800.00	459	65,620.00	Kutipan hasil menurun akibat PKP.
JUMLAH		24,800.00			

PUSAT AGROPELANCONGAN USAHAWAN

Nama Projek : FAUZIAH BINTI HASSAN
BIO STAR RESOURCES –
PEMROSESAN MAKANAN DAN PRODUK HILIRAN KELULUT

BIL	SKOP PROJEK	PERUNTUKAN (RM)	BIL PENGUNJUNG (2020)	PENDAPATAN TAHUNAN (RM)	CATATAN
1	Membina Papan tanda arah dan papan tanda arah tempat	7,800.00	500	30,000.00	Kutipan hasil menurun akibat PKP.
JUMLAH		7,800.00			



PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Pembangunan Modal Insan merupakan proses menambahkan baik kecekapan pegawai pembimbing dan usahawan IAT di bawah bimbingan Jabatan melalui kursus-kursus pemprosesan yang melibatkan aktiviti pemprosesan makanan dan bukan makanan termasuk pensijilan. Kursus-kursus akan dijalankan di Pusat Bimbingan Usahawan dan negeri-negeri di bawah Jabatan Pertanian.

**PERUNTUKAN
RM129,300**

**RM 74,480
(PBU)**

**RM 54,820
(Negeri)**

BIL KURSUS

63(PBU)

54(Negeri)

**BIL
PESERTA**

573(PBU)

1,036(NEGERI)

**LOKASI
KURSUS**

PBU Pagoh

PBU Manong

PBU Melor

PBU Telok Chengai

PBU Ajil

PBU Serdang

**Pusat Latihan di
Negeri-negeri**

Program bimbingan usahawan IAT dilaksanakan di enam (6) Pusat Bimbingan Usahawan tersebut dan Pusat IAT Negeri Jabatan Pertanian



PBU MELOR, KELANTAN



PBU PAGOH, JOHOR



PBU AJIL, TERENGGANU



PBU MANONG, PERAK



PBU TELOK CHENGAI, KEDAH



PBU SERDANG, SELANGOR
(Dalam proses perpindahan)

AKTIVITI KURSUS PEMROSESAN MAKANAN



KURSUS HASILAN NANAS



KURSUS HASILAN MANGGA



KURSUS PEMROSESAN JERUK



KURSUS PEMROSESAN KUIH BULAN



PESERTA KURSUS DAN PRODUK-PRODUK YANG DIHASILKAN



KURSUS SNEK DAN MAKANAN RINGAN

KAWALAN KUALITI MAKANAN

Perkhidmatan analisis makanan ini ditawarkan secara percuma kepada usahawan di bawah bimbingan Jabatan bagi memantau kualiti produk usahawan serta bagi memenuhi kehendak standard makanan.



MESIN ANALISIS PROTEIN

48 PRODUK

ANALISIS PROKSIMAT (PROTEIN, LEMAK, KARBOHIDRAT DAN TENAGA)

21 PRODUK

ANALISIS MIKROBIOLOGI (BAKTERIA, KULAT, E-COLI DAN KOLIFORM)

17 PRODUK

ANALISIS KEASIDAN (pH) DAN KEMANISAN (JUMLAH GULA) DALAM PRODUK

2 SESI

UJIAN SENSORI (UJIRASA PRODUK)

40 USAHAWAN MENGHANTAR PRODUK UNTUK ANALISIS / SENSORI

KEDAH, WILAYAH PERSEKUTUAN, SELANGOR, PERAK



ANALISIS MIKROB



SENSORI PRODUK SEJUKBEKU

PROGRAM REZEKI TANI

Program Rezeki Tani merupakan sebuah program pembasmian kemiskinan dan peningkatan pendapatan yang dijenamakan semula daripada Program AZAM Tani di bawah Kementerian



PENERIMA PROGRAM BANTUAN REZEKI TANI

Nama: Mohd Hassan Bin Abd Rahman
Alamat: No. 28 ,Kg Pt Sulaiman, 82020
Telok Kerang, Pontian, Johor
Skop Projek: Projek Tanaman Sayuran Buah

Kandungan MINERAL dalam BUAH-BUAHAN


(Hidangan per 100g)



MINERAL Na (Sodium)								
	105mg	50.15mg	1.9mg	1.7mg	1.4mg	1.0mg	0.7mg	0.55mg
MINERAL K (Potassium)								
	358mg	292mg	250mg	97mg	78mg	70mg	56.96mg	39mg
MINERAL Ca (Calcium)								
	40mg	37mg	24mg	11mg	6mg	5.7mg	5mg	24mg
MINERAL P (Phosphorus)								
	44mg	26mg	23mg	22mg	20mg	11mg	7mg	6mg
MINERAL Fe (Iron)								
	3.4mg	1.9mg	1.7mg	1.4mg	0.7mg	0.3mg	0.29mg	0.2mg







BAB 7

PROJEK PEMBANGUNAN KHAS

- 7.1 KAWASAN TUMPUAN PEMBANGUNAN
PERTANIAN - PENGURUSAN TANAH
TERBIAR
- 7.2 PERTANIAN BANDAR
- 7.3 AGROPRENEUR MUDA


7.1

KAWASAN TUMPUAN PEMBANGUNAN PERTANIAN - PENGURUSAN TANAH TERBIAR



PECAHAN PROJEK DAN BILANGAN PETANI MENGIKUT NEGERI

Pada tahun 2020, Jabatan Pertanian telah menerima peruntukan sebanyak RM2.0 juta untuk diagihkan kepada 10 negeri yang terlibat. Pecahan peruntukan, bilangan projek dan bilangan petani mengikut negeri adalah seperti berikut



Petunjuk




Bil Projek



Bil Petani

Bagi tahun 2020 seluas 142.52 hektar kawasan tanah terbiar telah dibangunkan dengan melibatkan pengusaha seramai 80 orang dan bilangan projek adalah sebanyak 38 projek.



GAMBAR PROJEK PEMBANGUNAN TANAH TERBIAR

Tanaman cili fertigasi yang diusahakan di Kg. Baru Thye Eng, Kuala Muda, Kedah



Tanaman durian di Jalan Bekoh, Belading, Tangkak seluas 5 hektar. Selain tanaman durian, pengusaha turut mengusahakan tanaman pisang.



Tanaman pisang di Kg. Padang Tara, Hulu Terengganu, Terengganu seluas 5 hektar



7.2

PROJEK PEMBANGUNAN PERTANIAN BANDAR

Program Pertanian Bandar yang bermula pada tahun 2014 merupakan satu kempen bertujuan untuk membantu isi rumah di bandar bagi meringankan kos sara hidup melalui pengeluaran sendiri sebahagian daripada bahan makanan yang diperlukan melalui bimbingan Jabatan Pertanian. Ia melibatkan pelbagai peringkat penduduk di kawasan bandar dan pinggir bandar dengan kerjasama serta penglibatan pelbagai Jabatan dan Agensi yang berkaitan sama ada di peringkat Negeri atau Persekutuan. Projek Pertanian Bandar dilaksanakan bagi menyokong Dasar Agromakanan Negara (DAN) untuk menjamin keselamatan makanan dan mengurangkan import hasil pertanian daripada negara luar.



Peserta

16,572

688 LOKASI

RM3 juta

**Peruntukan
pembangunan**

OBJEKTIF PROGRAM PERTANIAN BANDAR:

- 1 Menggalakkan penduduk setempat untuk menanam dan mengeluarkan sendiri bahan makanan bagi menampung keperluan harian serta mengurangkan kos sara hidup,
- 2 Menambahkan pendapatan sampingan komuniti bandar melalui jualan lebihan hasil pengeluaran,
- 3 Menyokong usaha Kerajaan dalam menjamin kualiti dan sekuriti makanan negara, dan
- 4 Memupuk kesedaran dan minat terhadap kepentingan pertanian sebagai penyumbang terus kepada kesejahteraan serta keceriaan persekitaran komuniti bandar.

KATEGORI DAN PENCAPAIAN PROGRAM

Pada tahun 2020 terdapat 688 lokasi projek dibangunkan dengan penglibatan penduduk seramai 16,572 orang di seluruh Negara dengan pengeluaran hasil tanaman 200 metrik tan

OUTCOME
Penjimatan
RM3.9 juta


INDIVIDU
Laman edible
Bil. Peserta :
1,409
Bil. Lokasi : 70



KOMUNITI
Kebun organik
Fertigasi
terbuka
Bil. Peserta :
2,603
Bil. Lokasi : 132



SEKOLAH
Mini fertigasi
NFT
Bil. Peserta :
8,568
Bil. Lokasi :
326



INSTITUSI
Mini Fertigasi
NFT
Bil. Peserta :
3,992
Bil. Lokasi :
160



AKTIVITI PROJEK PEMBANGUNAN PERTANIAN BANDAR TAHUN 2020

KATEGORI INDIVIDU

KOTA PERDANA, SERI KEMBANGAN, GOMBAK, SELANGOR



PROJEK GARDENITA, LAMAN HIJAU LATAS, KUALA TERENGGANU, TERENGGANU



KATEGORI KOMUNITI

KEBUN KOMUNITI PRESINT 16, PUTRAJAYA



KEBUN KOMUNITI KG. LAYANG-LAYANGAN, W.P LABUAN



KATEGORI SEKOLAH

SMK LAMBOR KIRI, KG LAMBOR KIRI, PERAK TENGAH, PERAK



SK TAMAN TAWAU, SABAH



KATEGORI INSTITUSI

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR, KUALA LUMPUR




KEBUN KOMUNITI WISMA PERSEKUTUAN, KLANG SELANGOR



KERJASAMA STRATEGIK

KERJASAMA STRATEGIK BERSAMA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA BAGI PROGRAM CELIK NUTRISI



KERJASAMA STRATEGIK BERSAMA PUSAT BELIA ANTARABANGSA (IYC), KL




KERJASAMA STRATEGIK BERSAMA LPPKN, PPR AMPANG HILIRAN, JLN AMPANG PUTRA, KL



PROJEK PEMBANGUNAN PERTANIAN BANDAR PENJANA 2020

Bagi tahun 2020 ini, Jabatan telah diberikan tambahan peruntukan melalui program PENJANA bagi menggalakkan warga bandar, pinggir bandar dan luar bandar bertanam sayur dengan mengekalkan skop dan kaedah pelaksanaan Program Pertanian Bandar yang asal. Objektif program ini adalah seperti berikut:



MAJLIS PENYERAHAN INSENTIF TEKNOLOGI PERTANIAN BANDAR (PENJANA) KATEGORI INDIVIDU W.P PUTRAJAYA FASA 1

Majlis telah diadakan pada 22 Dis 2020 bertempat di 4G1, Wisma Tani, Putrajaya. Seramai 107 orang telah berjaya menerima Insentif Fasa 1 ini.

Penyerahan telah disempurnakan oleh Pengarah Bahagian Pertanian Bandar, Jabatan Pertanian.



PENYERAHAN INSENTIF TEKNOLOGI PROGRAM PERTANIAN BANDAR PENJANA 2020 TERENGGANU (KATEGORI KOMUNITI) 11 JAN 2021

7.3 AGROPRENEUR MUDA

Program Agropreneur Muda merupakan program yang diwujudkan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) bagi golongan muda yang berusia 18 sehingga 40 tahun. Ia bertujuan untuk membantu dan menggalakkan penglibatan golongan muda dalam bidang keusahawanan agro berasaskan semua aktiviti di sepanjang rantai nilai sektor pertanian bermula dari ladang hingga kepada pemasaran. Jabatan memfokuskan kepada pengeluaran bahan tanaman dan industri asas tani termasuk agropelancongan. Pada tahun 2020, Jabatan telah menerima geran peruntukan program ini seperti berikut:



**Geran Agropreneur
Muda**

170

Penerima Bantuan
Geran


RM3,355,000

Latihan

RM50,000

15 Kursus

Status Kelulusan Geran Agropreneur Muda Jabatan Pertanian Tahun 2020



TIGA JENIS BANTUAN YANG DITAWARKAN BAGI PROGRAM AGROPRENEUR MUDA

1

Khidmat
Nasihat
Teknikal &
Latihan

2

Geran
berbentuk
input/
peralatan
pertanian

3

Pakej Pembiayaan bagi
pengembangan projek
pertanian sedia ada
dari agensi pembiaya
berikut:

- a) TEKUN Nasional
– Sehingga RM50,000
bagi setiap projek
- b) Agrobank – RM50,001
hingga RM200,000
bagi setiap projek

LAWATAN PEMANTAUAN KE PROJEK PESERTA AGROPRENEUR MUDA, KELANTAN



Lawatan pemantauan ke
Projek Sayuran Hidroponik
Muhammad Fakhrudin
Alrazi Bin Ghazali



Peserta mempunyai 4
meja di mana setiap
meja mempunyai 320
point



Peserta menerima bantuan set
hidroponik di bawah Geran
Agropreneur Muda

LAWATAN PEMANTAUAN KE PROJEK PESERTA AGROPRENEUR MUDA, TERENGGANU



Lawatan pemantauan ke Projek Fertigasi Cili Gantung oleh Mohd Fazlim Bin Mansor oleh Urusetia



Peserta mempunyai 1,500 polibeg tanaman cili



Peserta menerima bantuan set fertigasi gantung di bawah Geran Agropreneur Muda

KURSUS AGROPRENEUR MUDA 2020

Kursus Asas Penanaman Cendawan Tiram Kelabu, Selangor



Peserta mengikuti kelas secara teori yang disampaikan oleh penceramah



Peserta mengikuti kelas secara hands-on cara penyediaan media penanaman cendawan tiram kelabu

Kursus Fertigasi Cili dan Timun, Terengganu



Peserta mengikuti kelas secara teori yang disampaikan oleh penceramah



Peserta mengikuti kelas secara hands-on cara penyediaan formulasi baja untuk penanaman cili dan timun secara fertigasi

Kandungan VITAMIN dalam BUAH-BUAHAN







BAB 8

PROGRAM PERKHIDMATAN KEPAKARAN TEKNIKAL

- 8.1 BIOSEKURITI TUMBUHAN
- 8.2 PENGURUSAN SUMBER TANAH
- 8.3 KAWALAN RACUN PEROSAK
- 8.4 KEJURUTERAAN PERTANIAN
- 8.5 ANALISIS MAKMAL

8.1 BIOSEKURITI TUMBUHAN

Perkhidmatan Biosekuriti Tumbuhan berperanan melaksanakan aktiviti regulatori dan menguatkuasa akta-akta yang menjaga keselamatan dan kualiti makanan serta melindungi Industri Pertanian Negara dari ancaman perosak dan penyakit dari luar serta memudahkan perdagangan antarabangsa. Ia bertujuan untuk melindungi tanaman industri dan makanan daripada ancaman perosak dan penyakit melalui program perlindungan tanaman dan perkhidmatan biosekuriti tumbuhan.

Aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan adalah menerokai **LALUAN PASARAN DAN FASILITASI PERDAGANGAN**, Pengeluaran dan Pengesahan **SIJIL FITOSANITASI**, mengadakan **KOLEKSI DAN REPOSITORI PEROSAK TUMBUHAN**, memberikan **KHIDMAT DIAGNOSTIK DAN KEPAKARAN**, Penguatkuasaan **AKTA KUARANTIN TUMBUHAN 1976 PERATURAN-PERATURAN KUARANTIN TUMBUHAN 1981** dan Pengurusan **PEROSAK TANAMAN**

8.1.1 LALUAN PASARAN DAN FASILITASI PERDAGANGAN

Sebanyak lima sesi libat urus telah diadakan sebagai pemudahcara dalam pelaksanaan program laluan pasaran yang melibatkan seramai 200 orang dari industri bunga keratan, durian dan nangka. Sesi libat urus ini telah memberi penerangan dan perbincangan bersama pengeksport berkaitan dengan protokol, syarat dan peraturan fitosanitasi negara pengimport, prosedur pemeriksaan ladang dan fasiliti pemprosesan yang mesti dipatuhi oleh para pengeksport.

Selain itu, Jabatan ini juga telah menerima program pengauditan fasiliti pemprosesan durian secara atas talian dari pihak *General Administration of Customs of the People's Republic of China* (GACC) pada 20 – 22 Oktober 2020. Audit ini telah dijalankan dengan jayanya. Aktiviti audit secara atas talian dari agensi luar negara ini dijangka akan meningkat dan menjadi satu trend baru pada tahun yang akan datang untuk memastikan aktiviti-aktiviti laluan pasaran terus berlangsung.

Pendaftaran Ladang (L) dan Fasiliti (F) untuk Tujuan Eksport



Kelulusan Laluan Pasaran

Kelulusan laluan pasaran Australia bagi pemprosesan minima komoditi nangka (Minimally Processed) diperolehi pada

24 November 2020

PROGRAM LALUAN PASARAN DAN FASILITASI PERDAGANGAN ANTARABANGSA

Lawatan ke fasiliti pemprosesan minima nangka untuk tujuan mendapat laluan pasaran Australia di Syarikat Top Fruit, Johor



Lawatan ke ladang nangka Syarikat Kawan Pertanian, Johor untuk tujuan mendapat laluan pasaran Australia



Sesi Libat Urus Bersama Pengeksport Nangka ke China pada 3 Jun 2020 di Wisma Tani, Putrajaya



Sebanyak 3 Sesi Libat Urus Bersama Pengeksport Bunga Keratan Kekwa ke Australia telah diadakan pada Jun-Julai 2020



Audit fasiliti durian atas talian bersama dengan General Administration of Customs of the People's Republic of China (GACC) pada 20-22 Oktober 2020



SKIM PENSIJILAN EKSPORT

Bagi memudahkan meningkatkan kecekapan perakuan Pensijilan untuk eksport, Jabatan telah melaksanakan '**self regulated**' program bagi membolehkan syarikat melaksanakan sendiri pemeriksaan konsainan tanpa perlu diselia dan diawasi oleh Jabatan. Sebanyak 112 syarikat telah menyertai program ini



Pengeluaran Sijil Fitosanitasi untuk pekeksportan tumbuhan, produk tumbuhan dan artikel terkawal adalah bertujuan untuk mengesahkan konsainan adalah **bebas daripada perosak** dan sebagai **memenuhi syarat** yang ditetapkan oleh negara pengimport. Permohonan boleh di secara online di **myphyto.gov.my** dan Pegawai Pemeriksa akan membuat pemeriksaan bagi kelulusan permohonan dan Sijil Fitosanitasi dikeluarkan kepada pemohon selepas bayaran dibuat.

FD-10		GOVERNMENT OF MALAYSIA PHYTOSANITARY CERTIFICATE FAO International Plant Protection Convention	ORIGINAL Serial No: 879509 Certificate Number MY006318W12015
To: The Plant Protection Organization(s) of CHINA	Place of issue Kuala Lumpur		
DESCRIPTION OF CONSIGNMENT			
1. Name and address of exporter TOP FRUITS SDN BHD NO. 1, ALAM HI, 16, MI 16 INDUSTRIAL PARK, SERI KEMBANGAN, 43300 SELANGOR	2. Described name and address of consignee GUANGZHOU NATURE & NUTRITION FOOD CO., LTD NO. 2812, JINXU UNITED BUILDING, 1 TIANHE ROAD YUEXU DISTRICT, GUANGZHOU, GUANGDONG, PRC CHINA		
3. Number and description of packages 487 CARTONS	4. 25 25 25 25 marks		
5. Place of origin PENINSULAR MALAYSIA	6. Reasons of conveyance		
7. Declared point of entry CHINA			
8. Name of produce and quantity declared			
No. Name of produce	Botanical Name Quantity Unit		
1. DURIAN PASTE (FROZEN DURIAN SEEDLESS D04)	Durio zibethinus 8006 kg		
2. DURIAN PASTE (FROZEN DURIAN SEEDLESS D197)	Durio zibethinus 1420 kg		
This is to certify that the article, plant and products or other regulated articles described herein have been transferred under licence according to appropriate official procedures and are consigned to the place from which they are authorized to be re-exported. It is to be noted that the consignment must be accompanied by a phytosanitary certificate, and that the products must be registered and accompanied by a certificate of origin.			
DISINFESTATION AND/OR TREATMENT			
9. Date XXXXXXXXXX	10. Treatment		
11. Chemical (Active ingredient) XX	12. Duration and temperature		
13. Concentration XX	14. Additional information XX		
15. Additional declaration XX			
Signed and stamped by the Government of Malaysia  Signature of Director General of Agriculture	17. Signature 18. Name of authorized official		
No Financial Liability with respect to this Certificate shall be attached to the Government of Malaysia or to any of its officers or representatives.			

KEPERLUAN PEMERIKSAAN SIJIL FITOSANITASI

Tempat Pemeriksaan

Pemeriksaan konsainan hendaklah dilakukan di premis yang dibenarkan oleh Jabatan Pertanian sahaja.

Keadaan Konsainan

Kesemua konsainan telah siap dirawat, dibungkus dan dilabel. Kuantiti dan jenis produk adalah sama seperti permohonan.


Keputusan Pemeriksaan

Sijil Fitosanitasi dikeluarkan sekiranya mematuhi syarat. Jika tidak, pemeriksaan semula, rawatan semula atau penolakan permohonan Sijil Fitosanitasi akan diambil.



Pemeriksaan konsainan
bagi tujuan pengeluaran sijil
fitosanitasi


**REKOD PENGELUARAN SIJIL FITOSANITASI EKSPORT, FITOSANITASI
RE-EKSPORT DAN PERMIT/SIJIL CITES DARI 18 BUAH PEJABAT
PENGELUAR DI SEMENANJUNG MALAYSIA DAN WILAYAH
PESEKUTUAN LABUAN PADA TAHUN 2020**



	Jumlah Bilangan Sijil (Jumlah Sebenar)	Nilai (RM)	Kutipan Hasil (RM)
Sijil Fitosanitasi Eksport	73,436	21,744,247,428.41	2,561,574.25
Sijil Fitosanitasi Re-eksport	401	59,158,255.63	20,300.00
Permit/Sijil CITES	312	1,295,191.36	26,936.00
	74,149	21,804,700,875.4	2,608,810.25

Di bawah IPPC, perdagangan tumbuhan dan produk tumbuhan memerlukan perakuan fitosanitasi iaitu bebas perosak bagi memenuhi syarat import negara pengimport.

RAJAH 2 : REKOD PENGELUARAN MENGIKUT KATEGORI TANAMAN BERDASARKAN PENGELUARAN SIJIL FITOSANITASI EKSPORT 2020



Rajah 2 menunjukkan terdapat pengeluaran Sijil Fitosanitasi bagi setiap kategori tanaman yang dinyatakan dan permintaan Sijil Fitosanitasi yang paling tinggi adalah Kategori Tanaman Industri iaitu 25,543 bilangan sijil fitosanitasi dengan anggaran nilai eksport RM 14.18 juta. Bilangan Sijil Fitosanitasi adalah berbeza dengan laporan bilangan Sijil Fitosanitasi harian kerana terdapat Sijil Fitosanitasi yang mengandungi beberapa kategori tanaman dalam satu konsainan.

8.1.3 KOLEKSI DAN REPOSITORI PEROSAK TUMBUHAN

Jabatan melaksanakan pengumpulan pelbagai sampel bagi perosak, penyakit dan rumpai untuk dijadikan sumber rujukan kepada penyelidik, pegawai dan orangramai. Satu Pangkalan Data Perosak Tanaman telah diwujudkan di Pusat Setempat Regulatori Pertanian (OSCAR)

Terdapat sejumlah 13,902 spesimen telah dan sedang disimpan di OSCAR dari 4 kategori specimen.

SPESEMEN INSECTORIUM 9,981

SPESEMEN HERBARIUM 1,067

SPESEMEN PENYAKIT 5,353

BAHAN BERCETAK 1,991

LAWATAN DUTA PERU DAN PESURUHJAYA TINGGI INDIA



Lawatan Duta Peru Sempena Mesyuarat bersama Kedutaan Perupada 16 Julai 2020



Lawatan Pesuruhjaya Tinggi India Sempena Mesyuarat bersama Konsulat India Pada 14 Ogos 2020

PENGUMPULAN SAMPEL INSEKTORIUM DAN HERBARIUM DI LOKASI TERPILIH



Pengambilan Sampel Perosak di Perak pada 22 Julai 2020



Pengambilan Sampel Perosak di Kelantan pada 8 Julai 2020

PUSAT SETEMPAT REGULATORI PERTANIAN (OSCAR)

KEMUDAHAN



WAKTU BUKA

ISNIN – KHAMIS
8.00 pagi – 1.00 petang
2.00 petang – 4.30 petang

JUMAAT
8.00 pagi – 12.15 tengahari
2.45 petang – 4.30 petang

BAYARAN
8.00 pagi – 3.30 petang

Ditutup pada hari Sabtu, Ahad & Hari Kelepasan Am

OSCAR terbuka untuk kunjungan orang ramai & masuk adalah percuma.



Bahagian Biokultur Tumbuhan
Jabatan Pertanian,
Jalan Sultan Salahuddin
50622 Kuala Lumpur
Tel: 03 20301400
Faks: 03 26913550

Pusat Setempat Regulatori Pertanian

oscar

One Stop Centre
Agriculture Regulatory



PERKHIDMATAN DI OSCAR

PERMIT

- Permit Import/ Eksport/ Eksport Semula/ Konvensyen Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesis Fauna & Flora Liar Terancam Pupus (CITES)
- Mikroorganisma dan bahan organan
- Permohonan Kelulusan Pembelian Racun Makhluk Perosak
- Permohonan Kelulusan Pengiklanan Racun Makhluk Perosak
- Permohonan Permit Import Racun Makhluk Perosak Bagi Maksud-maksud Pelajaran & Penyelidikan

LESEN

- Lesen Pengendali Racun Makhluk Perosak
- Lesen Pemakai Racun Makhluk Perosak
- Lesen Pembantu Pemakai Racun Makhluk Perosak
- Lesen Menjual/ Menyimpan Racun Makhluk Perosak
- Permohonan Bagi Salinan Lesen Untuk Menjual/ Menyimpan Racun Makhluk Perosak
- Rekod Pembelian/ Penjualan/ Pelupusan Bagi Racun Makhluk Perosak Terhadap

PENDAFTARAN

- Pendaftaran Baru/ Semula Racun Makhluk Perosak

SKIM & PERSIJILAN

- Sijil Fitosanitasi
- Skim Perakuan Persijilan Pewasapan Malaysia (MAFAS)
- Skim Perakuan Persijilan Rawatan Haba Malaysia (MAHTAS)
- Skim Perakuan Persijilan Fitosanitasi Malaysia (MCPA)

**KHIDMAT NASIHAT
& PERUNDINGAN
TEKNIKAL
PERKHIDMATAN**

BAYARAN

SETEMPAT

**Pengenalan &
Rujukan Serangga**

PENYEDIAAN BAHAN PAMERAN



Kotak Pameran Serangga



Pameran sempena Program Penemusuaan Bagi Tanaman Nangka di Akademi Usahawan Tani, Pahang pada 8 September 2020



Perangkap Serangga Sterner

PENYELENGGARAAN SPESIMEN DAN BAHAN BERCETAK DALAM SIMPANAN



Almari Penyimpanan Sampel Penyakit



Almari Penyimpanan Sampel Serangga



Penyimpanan Bahan Bercetak di Pusat Sumber, OSCAR



Awetan Kering Serangga



Pengawetan sampel penyakit tanaman



Awetan Basah Serangga



Pengawetan sampel rumpai


8.1.4 KHIDMAT DIAGNOSTIK DAN KEPAKARAN

Jabatan Pertanian menyediakan perkhidmatan diagnostik perosak tanaman (**penyakit, serangga perosak, rumpai, nematod, moluska & vertebrat**) kepada petani, usahawan tani, agensi kerajaan, organisasi swasta dan individu bagi mengenalpasti perosak dan mengesyorkan kawalan yang bersesuaian.

Perkhidmatan diagnostik yang dijalankan adalah termasuk pengenalpastian perosak atau melakukan ujian makmal untuk mengenal pasti organisma penyebab dan seterusnya memberikan nasihat teknikal mengenai kawalan makhluk perosak atau penyakit.

Pelanggan boleh membawa sampel tumbuh-tumbuhan atau bahagian tumbuhan yang terjejas, sampel perosak (serangga, vertebrata, moluska dan rumpai) dan sampel-sampel penyakit ke makmal-makmal BBT di Ibu Pejabat Kuala Lumpur atau Unit Biosekuriti Tumbuhan Negeri untuk pengenalpastian. Perkhidmatan ini boleh didapati di Ibu Pejabat Bahagian Biosekuriti Tumbuhan (BBT) dan juga di Negeri-negeri.

Selain perkhidmatan ini, Jabatan juga turut mengadakan latihan dan kursus kepada pegawai di lapangan.



AKTIVITI 1: DIAGNOSTIK DI LADANG PENGUSAHA



Aktiviti pengambilan sampel tanah di takungan tanaman akuatik bagi tujuan mengenalpastian nematod.



Penentuan populasi moluska di nurseri tanaman akuatik dijalankan dengan menggunakan kuadrat.



Lawatan diagnostik ladang pisang di Terengganu

AKTIVITI 2: DIAGNOSTIK DI MAKMAL JALAN GALLAGHER



Pengenalpastian penyakit tanaman secara mikroskopik.



Pengimejan dan dokumentasi asid nukleik dan protein menggunakan GelDoc system.



Pengenalpastian nematod secara mikroskopik.



Persampelan dan pengenalpastian sampel serangga perosak tanaman.



Kajian Patogenesisiti Penyakit Hawar Bulir Bakteria (BPB)



Bancian Perosak Tanaman Nanas

AKTIVITI 3:
KAJIAN DAN
BANCIAN DI LADANG
PENGUSAHA DAN
PETAK PEMERHATAN
DI BAHAGIAN
BIOSEKURITI
TUMBUHAN JALAN
GALLAGHER



Kursus Pengurusan Sampel Perosak dan Penyakit Tanaman (Penyakit, Serangga, Nematod dan Rumpai) 1 – 3 September 2020



Kursus Asas Pengenalpastian Rumpai dan Benih Rumpai
2 – 4 September 2020



Kursus Asas Bioteknologi
3 – 5 Mac 2020

Kursus Asas Mikrobiologi
11 – 13 Februari 2020

AKTIVITI 4:
PENGANJURAN
KURSUS DI LADANG
PENGUSAHA DAN
MAKMAL BAHAGIAN
BIOSEKURITI
TUMBUHAN

8.1.5 PENGUATKUASAAN AKTA KUARANTIN TUMBUHAN 1976 PERATURAN – PERATURAN KUARANTIN TUMBUHAN 1981

Jabatan Pertanian Malaysia melaksanakan tugas-tugas *National Plant Protection Organization* (NPPO) melalui Bahagian Biosekuriti Tumbuhan bagi mengawal perosak dan penyakit tumbuhan dan melindungi negara dari kemasukan dan penyebaran perosak dan penyakit tumbuhan dalam menjaga keselamatan makanan nasional, biodiversiti negara dan memudahcara perdagangan penguatkuasaan Akta Kuarantin Tumbuhan 1976 dan Peraturan – Peraturan Kuarantin Tumbuhan 1981 serta mengunapakai piawaian antarabangsa (ISPM).

Kawalan pengimportan bagi tumbuhan, produk tumbuhan dan artikel terkawal adalah penting bagi mengawal perosak dan penyakit tumbuhan dan melindungi negara dari kemasukan dan penyebaran perosak dan penyakit tumbuhan. Ia dilaksanakan pada 3 peringkat iaitu Pra Sempadan (Pre border), Sempadan (Border) dan Selepas Sempadan (Post Border).

Prosedur verifikasi premis pengimport dijalankan sebagai pra syarat pengimportan sebelum sesuatu kelulusan pengimportan diberikan. Pengimport perlu mematuhi keperluan / senarai semak verifikasi premis dan bagi tujuan kuarantin selepas masuk (*Post Entry Quarantine*, PEQ) untuk bahan tanaman berisiko tinggi membawa perosak dan penyakit berbahaya. Konsainan akan dikuarantin dalam tempoh tertentu bagi tujuan monitoring, surveillance dan analysis.

Jika KETIDAKPATUHAN berulang, kekerapan pemeriksaan dan pengemaskinian syarat pengimportan untuk konsainan tertentu akan dikedatkan. Sekiranya mendatangkan risiko yang tinggi kepada negara, tindakan larangan ke atas komoditi tersebut boleh dipertimbangkan setelah mengambil kira risk assessment dan risk communication / engagement dengan NPPO negara pengeksport.

PERMOHONAN PENGIMPORAN TUMBUHAN, PRODUK TUMBUHAN DAN ARTIKEL TERKAWAL BAGI TAHUN 2020



PEMERIKSAAN PEMATUHAN KUARANTIN (VERIFICATION OF COMPLIANCE, VOC)

TUJUAN PEMERIKSAAN

Fasiliti penanaman dan pengeluaran buah manggis di Sarawak

Menyediakan dokumentasi prosedur pemeriksaan kuarantin di kawasan komponen / negara pengeksport; dan menjadi pegawai pemeriksa

Mencari dan mengesahkan maklumat – maklumat saintifik dalam proses menjalankan PRA (fact- finding) dan PRA kelulusan pengimportan (verification of compliance)

VOC tidak dapat dilaksanakan kerana pandemik Covid-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan

PERMOHONAN PENGIMPORTAN MIKROORGANISMA DAN BAHAN ORGANAN

Bahan Organan

Mikroorganisma



Indikator : produk/permohonan

MESYUARAT BERSAMA PERWAKILAN NEGARA ASING

Mesyuarat bersama pesuruhjaya tinggi Australia di Malaysia pada 15 Julai 2020 di Wisma Tani, Kuala Lumpur



Mesyuarat Bersama Kedutaan Peru pada 16 Julai 2020 di Wisma Tani, Kuala Lumpur




Mesyuarat bersama Konsulat India pada 14 Ogos 2020 di Wisma Tani, Kuala Lumpur



28 NOTIFIKASI KETIDAKPATUHAN IMPORT MENGIKUT JENIS KONSAINAN

Notifikasi dikeluarkan kepada sesuatu negara apabila berlakunya kesalahan atau pelanggaran di bawah Akta Kuarantin Tumbuhan 1976 dan Peraturan-peraturan Kuarantin Tumbuhan 1981 kepada negara yang terlibat.



Aktiviti pemantauan perosak dan penyakit bagi konsainan import yang dikuarantin selepas masuk.

35

kali pemantauan untuk tanaman kelapa, padi, rumput turf, koko, ziziphus jujube



Aktiviti verifikasi premis pengimport sebagai premis kuarantin selepas masuk;

9

MAKMAL

14

RUMAH SARINGAN

4

LAPANGAN

16

FASILITI PENYIMPANAN/STORAN


8.1.6 PENGURUSAN PEROSAK TANAMAN

Satu pendekatan menguruskan perosak tanaman agar ia tidak mengakibatkan kerosakan atau kemusnahan tanaman oleh perosak tanaman iaitu rumpai, serangga, mikroborganisma dan haiwan. Jabatan telah beralih dari menggunakan kaedah kawalan secara konvensional menggunakan Racun Makhluk Perosak kepada pendekatan menggunakan Kaedah Kawalan Perosak Bersepadu (IPM - Integrated Pest Management) dengan kawalan secara Kimia adalah pilihan terakhir.

Satu pendekatan kawalan perosak yang menggabungkan beberapa kaedah kawalan dengan mengambil kira faktor-faktor ekologi dan biologi (perosak dan tanaman) bagi mengurangkan populasi perosak ke paras yang rendah dan tidak mendatangkan kerosakan yang ekonomik


**AMALAN
PENGURUSAN
PEROSAK
BERSEPADU
Integrated Pest
Management-
IPM)**

“Pengawasan perosak penting dalam mengesan kehadiran perosak. Kawalan lebih berkesan jika dibuat pada peringkat awal serangan”



PROJEK AMALAN PENGURUSAN PEROSAK BERSEPADU (IPM) DI SEMENANJUNG MALAYSIA

Jumlah keluasan tanaman bagi projek yang mengamalkan IPM adalah seluas 2,165.38 ha bagi tahun 2020



Pengawasan Perosak Tanaman Padi, Buah-buahan, Sayur- sayuran dan Palma



Bancian perosak Fall Armyworm (FAW) pada tanaman jagung di TKPM Ara Kuda, Pulau Pinang



Bancian perosak koya pada tanaman nanas di Serdang, Selangor



Bancian perosak Hawar Bulir Bakteria di Arau, Perlis



Bancian perosak RPW pada tanaman palma di Pulau Pinang

Program Walkabout dan Perasmian Showroom IPM oleh Menteri Pertanian dan Industri Makanan pada 2/7/2020



Lokasi: Taman Pertanian Johor, Kong Kong

Penyerahan Itik Jawa kepada Peserta IPM untuk Tujuan Kawalan Siput Gondang Pomacea (Kawalan Secara Biologi)



Lokasi: Kampung Panggas Besar, Perlis

**Pemasangan
Perangkap
Feromon Ulat Ratus
Fall Armyworm
(FAW) di Kawasan
Tanaman Jagung
bagi Pengesanan
Kehadiran FAW
Dewasa**



Lokasi: Kulim dan Kubang Pasu, Kedah

**Kawalan Ulat Ratus
Fall Armyworm (FAW)
di Kawasan Tanaman
Jagung Melalui
Kaedah Kawalan
Secara Kimia**



Lokasi: Kg Paloh, Tanah Merah, Kelantan

**Taklimat dan *Hand's On*
Kawalan Perosak
Tanaman Durian
Belanda**



Lokasi: Projek Pertanian Moden, Kluang, Johor

**Kawalan Secara
Mekanikal/Fizikal
Melalui Pemasangan
Perangkap Feromon
Kumbang Tanduk
dan Perangkap
Organik Kumbang
Tanduk**



Lokasi: Pusat Pertanian Chua, Port Dickson, Negeri Sembilan

Taklimat dan Hand's On Kawalan Perosak Tanaman Cili



Lokasi: Desa Alam Shah, Pasir Puteh, Kelantan

Gotong Royong Menanam Pokok Bunga Tunera, Marygold, Rose Jepun, Bunga Matahari di Kawasan Bendang (Kaedah Kultura)



Lokasi: Kampung Panggas Besar, Perlis

Kursus dan Bengkel Teknikal Pengurusan Perosak Tanaman

Bengkel Pengemaskinian SOP Pengawasan Endemik dan Eksotik Tanaman (25-27 Ogos 2020)



Objektif: Mengemaskini dan melengkapkan SOP untuk pengawasan perosak tanaman
Lokasi: Hotel Bangi Avenue, Selangor

Kursus TWG (MARDI-DOA) Pengurusan Perosak & Penyakit Padi (7-10 Sept 2020)



Objektif : Pendedahan kepada pegawai teknikal bagi pengenalpastian perosak padi
Lokasi: Hotel Pearl View, Seberang Perai, Pulau Pinang

8.2 PENGURUSAN SUMBER TANAH

Tanah merupakan salah satu sumber terpenting dalam membangunkan projek pertanian dan kejayaan projek bergantung kepada kesesuaian dan pengurusan tanah tersebut. Jabatan Pertanian merupakan agensi utama yang memberi perkhidmatan dan merupakan 'custodian' bagi maklumat tanah negara untuk pelbagai tujuan oleh pelbagai Jabatan/Agensi seperti :



Antara perkhidmatan yang diberikan adalah:

- 1** Khidmat kesuburan tanah yang berfungsi untuk mengenalpasti dan memajukan teknologi pembajaan dan pengurusan kesuburan tanah bagi meningkatkan pengeluaran hasil tanaman.
- 2** Menyediakan garis panduan pemuliharaan tanah untuk pembangunan tanah demi untuk memastikan gunatanah secara lestari dan mengesyorkan langkah-langkah pemuliharaan tanah yang perlu untuk mengurangkan hakisan tanah.
- 3** Mengumpul dan mengemaskini maklumat penggunaan tanah untuk sektor pertanian dan bukan pertanian dari masa ke semasa. Ini akan membantu perancang-perancang pembangunan tanah menggunakan data-data ini untuk mengkaji corak pertukaran dan penggunaan tanah di negara ini bagi tujuan perancangan projek-projek pembangunan dengan lebih berkesan.
- 4** Mewujudkan satu (1) 'repository' maklumat tanah, guna tanah, hakisan tanah, pemuliharaan tanah dan data-data berkaitan sumber tanah bagi Semenanjung Malaysia yang mana maklumat-maklumat ini sangat berguna sama ada kepada jabatan-jabatan kerajaan mahupun kepada pihak swasta yang akan melaksanakan projek pembangunan.

Kesemua perkhidmatan di atas terangkum dalam Aktiviti Pengurusan Sumber Tanah yang terbahagi kepada 3 bahagian penting iaitu **PENENTUAN KESESUAIAN TANAH-TANAMAN, PENGURUSAN AIR DAN TANAH dan PEMBEKALAN DATA GEOSPATIAL TANAH DAN GUNA TANAH**

8.2.1 | KHIDMAT PENENTUAN KESESUAIAN TANAH-TANAMAN

Penyiasatan tanah sistematik dijalankan bagi membina pangkalan data tanah negara meliputi siasatan tanah lengkap, separa lengkap dan penyiasatan kesesuaian tanah-tanaman bagi tujuan memudahkan perancangan dan pembangunan tanah. Dalam tahun 2020 pencapaian penyiasatan tanah adalah seperti di bawah.



**Status Pelaksanaan
Penyiasatan Tanah Separa
Lengkap di Semenanjung
Malaysia bagi Program
Pemetaan Tanah Kebangsaan
sehingga Tahun 2020**



8.2.2 | PENGURUSAN AIR DAN TANAH

i. Khidmat Konsultansi Teknikal bagi Khidmat Diagnostik & Kesuburan tanah serta Pengurusan Pemuliharaan Tanah dan Air bagi Tahun 2020 telah dilaksanakan sebanyak 769 kali.

Khidmat Konsultansi Kesuburan Tanah adalah khidmat nasihat pembajaan tanaman, diagnostik kekurangan nutrient tanaman, pengapuran dan kesuburan tanah untuk semua tanaman makanan yang bertujuan untuk memastikan tanaman dapat mengeluarkan hasil ke tahap optimum. Manakala khidmat nasihat pemuliharaan tanah pula memastikan para petani mengamalkan Pertanian Baik dan mengurangkan kadar risiko hakisan di ladang dengan mengamalkan kaedah kawalan hakisan yang disyorkan oleh Jabatan Pertanian. Aktiviti melibatkan lawatan, pengambilan sampel tanah, daun, baja, air dan hasil tanaman serta penyediaan laporan konsultasi.



ii. Perkhidmatan Pemeriksaan Tapak/Ladang Skim Amalan Pertanian Baik Malaysia - (myGAP) Tahun 2020

Adalah bertujuan untuk penilaian dan pengesyoran kesesuaian tanah untuk tanaman tapak/ladang bagi pensijilan myGAP. Ia merupakan salah satu kriteria penting yang perlu dipatuhi oleh pemohon sijil myGAP dan pemeriksaan ini meliputi kajian dan penilaian mengenai amalan risiko hakisan tanah di kawasan yang diusahakan dengan mengambil kira penggunaan tanah sebelumnya, kesan aktiviti pertanian terhadap tanah dan kawasan sekeliling serta status pemilikan tanah.

Pengambilan sampel air untuk analisis logam berat dan residu racun (jika diragui) serta langkah pemuliharaan tanah ke arah pertanian mampan turut dijalankan.



iii. Perkhidmatan Pemeriksaan Tapak / Ladang Skim Pensijilan Organik Malaysia - (myOrganic) bagi Tahun 2020 telah dilaksanakan ke atas 34 ladang

Penilaian dan pengesyoran kesesuaian tanah untuk tanaman tapak/ladang bagi pensijilan myOrganic dijalankan

34

Pensijilan



iv. Pemeriksaan Keupayaan Daya Galas Tanah;

Cerapan Keupayaan daya galas tanah di sawah padi telah dijalankan bagi menilai keupayaan tanah sawah menampung jentera terutamanya semasa penuaian. Melalui kaedah ini petani mampu:

- Mengenalpasti lokasi serta keluasan kawasan tanah jerlus
- Pengesyoran jentera yang bersesuaian
- Pengesyoran tindakan yang perlu dilakukan bagi meningkatkan keupayaan galas tanah bagi kawasan yang jerlus

**Pencapaian
tahun 2020**

**723.94 Ha (IADA Kerian)
dan 262.29 Ha (KETARA)
keluasan dikenalpasi**



Cerapan keupayaan daya galas tanah di sawah padi

v. Kawalan Mutu Baja

Pemantauan mutu baja ini meliputi baja input pertanian di bawah Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP), Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP), insentif input Jabatan Pertanian bagi projek pembangunan jabatan di peringkat negeri dan persekutuan bagi memastikan baja yang dibekalkan kepada petani **menepati spesifikasi dan berkualiti**.

**Pencapaian
tahun 2020**

2,625 sampel baja



Pengambilan sampel baja menggunakan "probe"

vi. Petak verifikasi

Melaksanakan verifikasi teknologi pembajaan dan pengurusan kesuburan tanah yang berkesan di ladang petani dengan kerjasama industri melalui program *Participatory Observation (PO)* untuk menilai dan membuktikan teknologi yang diperkenalkan kepada petani adalah yang terbaik yang mampu mempertingkatkan pengeluaran dan seterusnya pendapatan petani

**Pencapaian
tahun 2020**

5 petak verifikasi



Pengambilan sampel daun bagi analisis makmal dan interpretasi pengambilan nutrien oleh tanaman

Pengambilan sampel tanah bagi analisis ketersediaan nutrien dalam tanah

vii. Bancian Harga Baja di Pasaran

Data produk baja dan harga baja di pasaran dikumpul dan dikemaskini pada setiap sukuan tahun di negeri-negeri Semenanjung Malaysia sebagai panduan kepada jabatan dalam membuat perancangan serta kepada petani untuk mendapatkan baja yang berkualiti pada harga yang berpatutan

**Pencapaian
tahun 2020**

364 bancian



Bancian harga baja yang dijalankan di premis seluruh Malaysia

viii. Pelaksanaan Pengurusan Nutrien Lokasi Spesifik (*Site-Specific Nutrient Management*) (SSNM) Sehingga Tahun 2020

Projek ini akan menyediakan pengesyoran dan formulasi baja mengikut lokasi spesifik bagi memenuhi keperluan nutrien tanaman padi berdasarkan kandungan nutrien tanah, kesuburan dan sasaran hasil padi. Pengesyoran baja ini akan mengikut kadar baja yang diperlukan berasaskan zon kesuburan dan formulasi baja menggunakan baja tunggal.

Sehingga tahun 2020 program ini telah dilaksanakan **diseluas 20,144 hektar** sawah padi di kawasan jelapang. Sasaran hasil bagi membantu melonjakkan produktiviti padi terutamanya di Kawasan Jelapang. Ia melibatkan **Penyiasatan dan Pengambilan Sampel Tanah, Cerapan Data Keupayaan Galas Tanah, Pemprosesan Data dan Pemetaan secara Geospatial, Pembangunan Sistem dan Aplikasi**, akhirnya **Verifikasi, Upskilling dan Aplikasi** oleh petani di ladang.


IADA/JELAPANG	KELUASAN (HA)
Barat Laut Selangor	7,400
KADA	4,000
Rompin	4,000
Kota Belud	3,500
KETARA & Kerian	1,244
JUMLAH	20,144

Status pelaksanaan pengurusan nutrien lokasi spesifik
(Site-Specific Nutrient Management) (SSNM) tahun 2020




8.2.3 PEMBEKALAN DATA GEOSPATIAL TANAH DAN GUNA TANAH

Jabatan Pertanian juga merupakan pemegang 'data spatial' negara terutamanya berkaitan gunatanah pertanian, kesesuaian tanah-tanaman dan beberapa data spatial yang lain. Jabatan menjalankan pengemaskinian data supaya peta guna tanah serta data statistik guna tanah sentiasa menggambarkan guna tanah semasa selaras dengan keperluan perancangan termasuk penetapan spesifikasi, piawaian, pengurusan dan jaminan kualiti data



Pengemaskinian ini dilaksanakan secara **verifikasi status guna tanah** di lapangan oleh pegawai-pegawai di lapangan. Peta-peta yang dihasilkan akan disimpan di Ibu pejabat dan sebarang keperluan oleh pengguna terhadap maklumat geospasial tanah boleh terus berhubung dengan Bahagian Pengurusan Sumber Tanah, Putrajaya dan mematuhi peraturan yang telah ditetapkan dalam Dasar Keselamatan Data Negara.



Pencapaian tahun 2020

Sebanyak 188 data telah dibekalkan kepada pengguna

8.3 KAWALAN RACUN PEROSAK

Jabatan Pertanian Malaysia bertanggungjawab dalam penggunaan dan penguatkuasaan Akta Racun Perosak 1974 . Akta ini digubal bagi mengawal pelbagai aspek yang berkaitan dengan racun makhluk perosak yang mana meliputi pembuatan, pendaftaran, penyimpanan, penggunaan dan penguatkuasaan undang-undang. Antara aktiviti yang dijalankan ialah:

pengimportan, pengilangan racun makhluk perosak melalui pendaftaran dan pengeluaran permit

pengawalan, penjualan dan penyimpanan melalui kaedah-kaedah pelesenan

pengawalan residu racun makhluk perosak dalam bahan makanan, melalui cerakinan dan persampelan hasil pertanian

menjalankan penyiasatan berkaitan dengan kes-kes keracunan yang disebabkan oleh racun makhluk perosak

penguatkuasaan undang-undang berkaitan

pengawalan iklan racun makhluk perosak di media massa

pengawalan label racun makhluk perosak melalui Peraturan Perlabelan

pengawalan pengendali kawalan makhluk perosak.

Aktiviti-aktiviti ini dijalankan melalui 2 Perkhidmatan yang disediakan oleh Jabatan iaitu:-

1

Permohonan Sijil dan Permit Racun Makhluk Perosak

2

Permohonan Lesen

PERKHIDMATAN

1 Permohonan Sijil & Permit Racun Makhluk Perosak

Pendaftaran Bahan Racun dan Pendaftaran Semula Racun Makhluk Perosak

Permit Racun Makhluk Perosak Berdaftar

Pengiklanan Racun Makhluk Perosak

PERMOHONAN SIJIL & PERMIT RACUN MAKHLUK PEROSAK


a. Pendaftaran Racun Makhluk Perosak

Pendaftaran racun makhluk perosak adalah suatu skim pendaftaran di mana produk racun makhluk perosak perlu didaftarkan dan diluluskan supaya racun tersebut boleh diimport, dikilang, dijual dan digunakan di dalam negara ini.


Sejumlah **711** permohonan pendaftaran produk telah diterima bagi tempoh Januari sehingga Disember 2020. Dari jumlah ini **113** adalah pendaftaran baharu dan **658** adalah pendaftaran semula. Pendaftaran baharu adalah pendaftaran di mana produk pertama kali didaftarkan oleh syarikat, manakala pendaftaran semula adalah pembaharuan pendaftaran untuk produk yang telah sedia ada didaftarkan. Tempoh kelulusan produk adalah setiap 5 tahun.

Bayaran RM 1,500 bagi permohonan pendaftaran semula atau baharu dan sejumlah **416** permohonan telah diluluskan pendaftaran bagi tempoh bulan Januari hingga Disember 2020. Daripada **416** keluaran racun perosak yang berdaftar, jenis perumusan yang paling banyak didaftarkan ialah 'bahan teknikal (TC)' iaitu sebanyak 94 produk (23%)

PERMOHONAN PENDAFTARAN RACUN MAKHLUK PEROSAK



RACUN PEROSAK YANG TELAH DIDAFTARKAN MENGIKUT JENIS PERUMUSAN PADA TAHUN 2020 (416 PRODUK)



b. Permit Racun Makhluk Perosak

Permit import yang dikeluarkan oleh Lembaga Racun Makhluk Perosak (LRMP) iaitu :-


a) Permit import Bagi Maksud Pelajaran dan Penyelidikan :-

- i) Mengimport racun makhluk perosak bagi Maksud Pelajaran dan Penyelidikan
- ii) Mengimport sampel atau piawaian cerakinan untuk pendaftaran baru racun makhluk perosak
- iii) Mengimport sampel untuk permohonan tambah pembekal racun makhluk perosak
- iv) Kelulusan yang dikeluarkan oleh Lembaga Racun Makhluk Perosak adalah berbentuk sijil

b) ePermit (Sistem Dagangnet) :-

- i) Kelulusan permit secara online ini hanya untuk produk yang telah berdaftar dengan Lembaga Racun Makhluk Perosak sahaja
- ii) Permohonan dan Kelulusan adalah melalui laman sesawang <http://epermit.dagangnet.com>.
- iii) Syarat wajib – Syarikat mempunyai Sijil Pendaftaran Produk Lembaga Racun Makhluk Perosak (Produk yang telah berdaftar)

Permit Racun Makhluk Perosak




Jumlah Permohonan Permit berkaitan Import bagi tahun 2020 = 6398

c. Pengiklanan Racun Makhluk Perosak

Iklan merujuk kepada apa-apa penerbitan tentang racun makhluk perosak melalui media iklan kepada orang awam.

Media iklan merujuk kepada apa-apa notis, pekeliling, risalah, cetakan, label, pembalut, atau dokumen-dokumen lain atau apa-apa pengumuman yang dibuat secara lisan atau melalui apa-apa cara yang mengeluarkan atau memancarkan cahaya atau bunyi seperti media cetak, elektronik, komputer, alat tulis, sepanduk, papan iklan, bangunan, kenderaan, alat hiasan, pakaian dan sebagainya.

Jumlah bayaran iklan untuk setiap 1 produk, 1 bahasa dan 1 media ialah RM100. Jika iklan mengandungi 3 bahasa, maka bayaran iklan ialah **RM300**.



d. Perlesenan Menjual/ menyimpan Racun Makhluk Perosak

- Setiap premis atau industri yang menawarkan perkhidmatan, menjual dan menyimpan racun makhluk perosak wajib memohon atau memiliki lesen yang dikeluarkan oleh Bahagian Kawalan Racun Perosak dan Baja.
- Lesen ini boleh dimohon di setiap Unit Kawalan Racun Perosak dan Baja di setiap Negeri. Tempoh sah laku lesen ini adalah 3 tahun dan perlu diperbaharui 3 bulan sebelum tamat tempoh sah laku lesen.
- Bagi tahun 2020, sebanyak 1 655 lesen telah dikeluarkan di seluruh negara. Sebanyak 388 permohonan lesen baharu, 1 260 permohonan membaharui lesen dan 7 permohonan mendapatkan salinan lesen telah dikeluarkan. (rujuk carta yang disediakan)


2

Permohonan Lesen

Pengendali Kawalan MakhluK Perosak
Pemakai Racun MakhluK Perosak
Pembantu Pemakai Racun MakhluK Perosak
Permohonan lesen kilang (mula berkuatkuasa pada 1 September 2020 melalui surat LRMP rujukan JP/KRP 207/12/379/17(1) bertarikh 25 september 2020 kepada pihak industri
Menjual/ menyimpan Racun MakhluK Perosak untuk jualan

PERMOHONAN LESEN MENJUAL / MENYIMPAN RACUN

- Pengendali Kawalan MakhluK Perosak
- Pemakai Racun MakhluK Perosak
- Pembantu Pemakai Racun MakhluK Perosak
- Permohonan lesen kilang (mula berkuatkuasa pada 1 September 2020 melalui surat LRMP rujukan JP/KRP 207/12/379/17(1) bertarikh 25 September 2020 kepada pihak industri
- Menjual/ menyimpan Racun MakhluK Perosak untuk jualan



Bilangan Permohonan Lesen Menjual / Menyimpan Racun Untuk Dijual **1,655**

Pengendali Kawalan Makhluk Perosak

Di bawah Kaedah-Kaedah Racun Makhluk Perosak (Pengendali Kawalan Perosak) 2004, seseorang yang mempunyai, mengendalikan atau menguruskan suatu syarikat atau perniagaan yang mengendalikan kawalan makhluk perosak yang terlibat dalam menjalankan pengendalian kawalan makhluk perosak ke atas harta orang lain bagi upah, hendaklah memiliki suatu lesen pengendali kawalan makhluk perosak yang dikeluarkan oleh Lembaga.

Tiga (3) jenis lesen yang dikeluarkan iaitu:-

- i) Lesen Pengendali Kawalan Makhluk Perosak (PCO)
- ii) Lesen Pemakai Racun Makhluk Perosak (PA)
- iii) Lesen Pembantu Pemakai Racun Makhluk Perosak (APA)

Bilangan Lesen Pengendalian kawalan Makhluk Perosak Tahun 2020



Jumlah Keseluruhan Lesen Adalah
2,207

Pengendalian kawalan Makhluk Perosak (Pest Control Operator /PCO)

55.60%

1,227 Lesen Pemakai Racun
Makhluk Perosak

27.23%

607 Lesen Pembantu Pemakai
Racun Makhluk Perosak

17.17%

379 Lesen Pengendali kawalan
Makhluk Perosak


Jumlah fi PCO yang dikutip bagi tahun
2020 adalah sebanyak **RM380,725.00**

PEMOHONAN PEPERIKSAAN PEMAKAI RACUN MAKHLUK PEROSAK(PA) & PEMBANTU PEMAKAI RACUN MAKHLUK PEROSAK(APA)

Sebagai prasyarat bagi permohonan untuk Lesen Pemakai Racun Makhluk Perosak dan Pembantu Pemakai Racun Makhluk Perosak, seseorang perlu menjalani satu peperiksaan Pemakai Racun Makhluk Perosak dan Pembantu Pemakai Racun Makhluk Perosak yang dianjurkan oleh LRMP.

Setiap permohonan dikenakan bayaran sebanyak RM 150 untuk Pemakai Racun Makhluk Perosak dan RM 100 untuk Pembantu Pemakai Racun Makhluk Perosak.

PEMOHONAN PEPERIKSAAN PEMAKAI RACUN MAKHLUK PEROSAK (PA) & PEMBANTU PEMAKAI RACUN MAKHLUK PEROSAK (APA)



Jumlah fi peperiksaan yang dikutip bagi tahun 2020 adalah sebanyak **RM98,750.00**

SERBUAN/PEMERIKSAAN DI BAWAH AKTA RACUN MAKHLUK PEROSAK 1974

Sepanjang tahun 2020, sebanyak 256 serbuan/pemeriksaan telah dijalankan di seluruh Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Serbuan/pemeriksaan dibuat adalah berdasarkan kepada:


Pemeriksaan secara rawak.

Program pemeriksaan secara berkala di setiap negeri.

Aduan dan maklumat yang diterima daripada orang awam.

Rampasan akan dibuat sekiranya terdapat penemuan produk RMP yang melanggar undang-undang ditemui di tempat serbuan.

JUMLAH SERBUAN/PEMERIKSAAN DI BAWAH AKTA RACUN MAKHLUK PEROSAK 1974



AKTIVITI YANG TELAH DILAKSANAKAN PADA TAHUN 2020

Sesi Taklimat Lesen
Mengkilang Racun Makhluk
Perosak dan Libat Urus
Bersama Stakeholder
di Movenpick Hotel &
Convention Centre KLIA
17 Ogos 2020



Sesi Libat Urus BKRPB
Bersama Pihak Industri
Racun Perosak di Hotel
Dorsett Putrajaya
6 Oktober 2020



Sidang media rampasan
35 tan racun perosak tidak
berdaftar dianggarkan
bernilai RM476,760
8 Oktober 2020



Hasil rampasan racun tidak
berdaftar di Rawang



8.4 KEJURUTERAAN PERTANIAN


Jabatan Pertanian menyediakan khidmat kepakaran teknikal kejuruteraan pertanian dalam rekabentuk sistem pengairan dan saliran, rekabentuk ladang, mekanisasi dan automasi ladang, teknologi kejuruteraan pertanian dan pengurusan logistik pertanian. Usaha ini adalah melalui perkhidmatan sokongan teknikal, perundingan dan nasihat profesional kejuruteraan pertanian, demonstrasi dan latihan serta tunjuk ajar dalam bidang kejuruteraan pertanian kepada petani, usahawan pertanian termasuk rakan strategik dan agensi yang terlibat



LOKASI BAHAGIAN KEJURUTERAAN PERTANIAN DAN PUSAT KEJURUTERAAN PERTANIAN

Jabatan Pertanian melalui Bahagian Kejuruteraan Pertanian (BKP) yang terletak di Serdang, Selangor sebagai Ibu Pejabat Bahagian, memberi khidmat kepakaran teknikal kejuruteraan pertanian di seluruh Semenanjung Malaysia.

Bahagian Kejuruteraan Pertanian disokong oleh 9 Pusat Kejuruteraan Pertanian (PKP) Negeri yang akan melaksanakan tugas-tugas memberi khidmat kepakaran teknikal kejuruteraan pertanian meliputi seluruh negeri di Semenanjung Malaysia.




8.4.1 | REKABENTUK SISTEM PENGAIRAN DAN SISTEM SALIRAN

Setiap tanaman memerlukan sistem pengairan yang efektif untuk memastikan pengeluaran yang berterusan. Keperluan air bagi setiap tanaman adalah berbeza mengikut peringkat pertumbuhannya, keupayaan air tersedia dalam tanah, siri tanah dan jenis tanah / media tanaman.

Rekabentuk sistem pengairan dan saliran dibuat sebelum dilaksanakan di lapangan bagi mencapai sistem pengairan yang efektif. Pembangunan sumber air seperti pembinaan kolam, telaga tiub dan empangan mini adalah penting bagi memastikan keberadaan air mencukupi untuk pengeluaran penanaman berterusan.

PENCAPAIAN 2020	JUMLAH
Luas kawasan (Keluasan rekabentuk sistem pengairan dan saliran serta pembangunan sumber air)	1,857.11 Hektar
Bilangan Projek (Bilangan projek rekabentuk sistem pengairan dan saliran serta pembangunan sumber air)	276 projek

Pembangunan Sistem Pengairan Fertigasi Terbuka di Sg. Rambai Agrotourism Park, Merlimau, Melaka



Layout menunjukkan tanaman cili yang diusahakan oleh dua usahawan yang berkeluasan 8 ekar dengan pembangunan sistem pengairan. Khidmat nasihat teknikal yang diberikan merangkumi rekabentuk sistem pengairan titis, rumah pam dan infrastruktur yang lain. Gambar menunjukkan peta dan pelan lokasi/ layout untuk projek pembangunan sistem pengairan ini. Penilaian kos keseluruhan dan kesesuaian rekabentuk mengikut keperluan dan kemampuan petani/pengusaha dijalankan bagi melihat prestasi pembangunan sistem tersebut.



KHIDMAT PERUNDINGAN & NASIHAT TEKNIKAL SISTEM PENGAIRAN TITIS DI DUSUN DURIAN, KG. TERENTANG, BATU KIKIR, NEGERI SEMBILAN



LDPE lateral paip yang ditebuk tanpa menggunakan pc nozzle menyebabkan siraman air tidak sekata pada permukaan yang rata




Penggunaan emitter Octa 8 lebih sesuai bagi mendapatkan pengaliran air yang sekata, dan hanya memerlukan saiz pam yang kecil sahaja.

Dusun durian seluas 1 Ha ini mempunyai sistem pengairan yang menggunakan emitter jenis Octa 8 dan paip LDPE yang telah ditebuk lubang. Namun begitu, masalah bentuk muka bumi yang berbukit dan ketiadaan penggunaan pam menyebabkan tekanan air pada paip LDPE menjadi tidak sekata terutamanya pada permukaan yang rata.

Pengusaha dinasihatkan agar mengubahsuai paip LDPE sedia ada dengan memasang *Pressure Compensated (PCJ) dripper* yang mampu memberikan siraman air kepada pokok (0.8 liter/jam).

Pengusaha juga digalakkan untuk menggunakan pam berkapasiti kecil iaitu 1 hp (jenis *plunger pump*) bagi memastikan kadar siraman air yang sekata kepada semua pokok. Pengubahsuaian rekabentuk sistem pengairan ini memerlukan kos tidak kurang RM 5,000 untuk pembekalan PCJ *Dripper*, pam, paip dan pemasangan.

Rekabentuk Sistem Pengairan Bertutup Dusun Buah-buahan, Janda Baik Pahang



Dusun buah-buahan yang terletak di Janda Baik, Pahang mempunyai 220 pokok (101 pokok durian, 31 pokok manggis, 16 pokok cempedak dan buah-buahan yang lain). Jabatan Pertanian memberi khidmat nasihat teknikal untuk pelan pemulihan dusun dan salah satunya adalah rekabentuk sistem pengairan renjis untuk tanaman durian. Gambar menunjukkan peta dan pelan lokasi/ layout untuk projek pembangunan sistem pengairan ini.



Perincian Lakaran Rekabentuk Sistem Pengairan Renjis (*Irrigation Layout*)

Pembangunan Sumber Air Telaga Tiub (Tubewell)



PENGGERUDIAN TELAGA TIUB

Dua kaedah penggerudian digunakan iaitu 'rotary drilling' atau 'hammer drilling' sehingga kedalaman 150-180 kaki.




UJIAN PENGEPAMAN

Tujuan ujian ini adalah untuk mengukur luahan air akuifer. Luahan air melebihi 5 m³/jam adalah disarankan.



AKTIVITI EKSPLORASI AIR BAWAH TANAH

Aktiviti ini dilaksanakan bagi mengenalpasti keberadaan air bawah tanah.



ANALISIS DATA EKSPLORASI

Data menunjukkan kedudukan air di bawah muka bumi pada kedalaman tertentu.

Air adalah input penting untuk memastikan pertumbuhan tanaman dan meningkatkan produktiviti tanaman sepanjang tahun. Jabatan Pertanian telah melaksanakan kerja teknikal penggalian telaga tiub untuk carigali air bawah tanah. Tujuan utama aktiviti ini adalah untuk membantu petani yang menghadapi masalah air di ladang mereka dan mengatasi kekurangan air semasa musim kemarau.


Projek Pembangunan Sumber Air - Cari Gali Air Bawah Tanah oleh Bahagian Kejuruteraan Pertanian, Jabatan Pertanian Malaysia (Tahun 2020)



- Kg Wan Tok Rendong, Langkawi – 4.8 m³/jam
- Kg. KEDA, Langkawi, Kedah – 5.5 m³/jam
- Kg Bt Asah, Langkawi, Kedah – 5.8 m³/jam
- Kg. Ewa, Langkawi, Kedah – 4.6 m³/jam
- Chandek Kura, Langkawi, Kedah – 4.9 m³/jam
- Kg. Ewa, Langkawi, Kedah – 5.2 m³/jam
- Lubuk Semeling, Langkawi – 3.8 m³/jam

- Lubuk Reba, Pendang, Kedah – 2.2 m³/jam

- Sungai Pasir, Sungai Petani, Kedah
- Napoh, Kubang Pasu, Kedah
- Kg Tok Besah, Kedah
- Kg. Tualang, Pendang, Kedah
- Kg. Charuk Kering, Pendang, Kedah
- KPM, Bukit Tangga, Kedah – 3.3 m³/jam



- TKPM Lojing, Gua Musang, Kelantan

- IADA Pulau Pinang – 6 m³/jam
- TKPM Ara Kuda, SPU, P. Pinang

- Kebun Buah, Kuala Terengganu,


- Kebun Komuniti, Shah Alam, Selangor

- Kebun Pertanian Bandar, Wangsa Melawati, KL

- TKPM Yong Peng, Batu Pahat, Johor
- Kg. Bentong, Kluang, Johor

- Gelang Patah, Johor
- Kempas, Johor

Pembangunan Sumber Air: Pembinaan Empangan Tanah TKPM Lebu, Bentong, Pahang




Lakaran Rekabentuk terperinci mini empangan tanah lengkap dengan alur limpah.

TKPM Lebu mula menghadapi masalah air apabila pembinaan lebuh raya di kawasan hutan sejak tahun 2015. Pembinaan lebuh raya ini telah memutuskan laluan air yang memasuki kawasan TKPM dari bukit berhampiran. Hal ini telah menyebabkan kawasan seluas 11 Ha telah mengalami masalah sumber air yang serius dengan keperluan air yang telah dikenalpasti iaitu 37.3 m³/ha/hari.

Jabatan Pertanian telah melakukan tinjauan, analisa serta mencari alternatif sumber air lain. Antaranya pencarian sumber air telaga cetek telah dilaksanakan dan didapati kapasiti sumber telaga air cetek ini adalah amat rendah.

Jabatan Pertanian seterusnya merangka pelan dan rekabentuk empangan tanah. Pelaksanaan kerja pembinaan empangan ini dijalankan oleh kontraktor yang berkecualan melalui tawaran sebut harga.

Pembinaan empangan tanah mini yang telah dibina ini dapat meningkatkan sumber air sebanyak 24,000 M³ yang boleh menampung keperluan air selama 60 hari.



Pengiraan Keluasan water catchment untuk TKPM Lebu



Siap Sepenuhnya Pada Oktober 2020

8.4.2 | REKABENTUK LADANG

Perkhidmatan rekabentuk ladang meliputi rekabentuk struktur, infrastruktur ladang dan penyelenggaraan. Antaranya ialah pejabat ladang, parit ladang, jalan ladang, struktur pelindung hujan (SPH) dan lain-lain struktur dan infrastruktur ladang.

Struktur ladang dan infrastruktur ladang diperlukan supaya pengurusan ladang menjadi lebih cekap, mengawal serangan makhluk perosak, kelancaran logistik dan perancangan ladang umumnya akan menjadi lebih sistematik. Memandangkan kos yang sangat tinggi diperlukan dalam pembinaan struktur dan infrastruktur ladang, perancangan dan pelan yang teliti perlu dilakukan.


PENCAPAIAN 2020	JUMLAH
Bilangan Struktur (Khidmat Nasihat Teknikal, Rekabentuk) -struktur pelindung hujan (SPH), Rumah pam, pusat pengumpulan hasil ladang (PPHL), pejabat ladang, veggie kontena/kabin/factory dan lain-lain	129
Bilangan Infrastruktur (Khidmat Nasihat Teknikal, Rekabentuk) -jalan ladang, parit saliran, pagar, dan lain-lain	237
Pembaikan/Penyelenggaraan Struktur dan Infrastruktur yang sedia ada	212

Pembangunan Infrastruktur Jalan Utama Pejabat Pertanian (Cameron Highland, Pahang)



Peta Sebenar dan lakaran atas peta cadangan pembinaan jalan

Tujuan projek ini adalah bagi mengenalpasti laluan masuk yang bersesuaian dengan mengambil kira kadar minima kemusnahan tanaman yang akan dihadapi oleh Agro-Teknologi Park. Analisa rupa muka bumi asal (*original slope*), analisa keperluan isipadu cut-fill dan analisa *Total cut-fill volume* telah dibuat bagi menjayakan projek ini. Mengikut garis panduan piawaian jalan yang dikeluarkan pihak JKR, sekurang-kurangnya jalan bersaiz 3.75 m lebar sehala atau 7 m lebar bagi jalan dua hala adalah diperlukan.



Analisa rupa bumi- Pelan kecerunan jalan sebenar dan cadangan kecerunan jalan





Analisa keperluan isipadu cut-fill - Kawasan merah merupakan lokasi cut-menggunakan aplikasi Autodesk Civil3D.

Rekabentuk Struktur Veggie Kontena dan Veggie Cabin (Serdang, Selangor)



Struktur veggie kontena dan veggie kabin dibangunkan bagi memastikan tanaman sayuran dapat ditanam sepanjang tahun. Ia mampu mengurangkan kos pekerja, memastikan sayur yang ditanam bebas racun dan berpotensi untuk penanaman *high value crops* seperti sayur-sayuran tanah tinggi. Ia mampu memuatkan sebanyak 1,430 pokok. Kos keseluruhan pembinaan struktur veggie kontena 20' (Panjang) x 8' (Lebar) x 8.5' (Tinggi) bersama kelengkapan menanam adalah RM 44,050.00 dan kos penggunaan elektrik adalah sebanyak RM 1000~1200/bulan (2000~2200KW/J).

29 point x 40 takung
27 point x 10 takung
Total = 1430 pokok



Lakaran Rekabentuk Struktur Veggie Kontena dan Veggie Kabin Jabatan Pertanian



Sensor CO₂, Temperature & humidity



CO₂ REGULATOR



Digital Electric Meter

8.4.3 | MEKANISASI DAN AUTOMASI AGROMAKANAN

Mekanisasi dan automasi melalui penggunaan jentera atau mesin berfungsi untuk kerja pertanian seperti pembersihan kawasan, penyediaan tanah (bajak, gembur, perataan), pengawalan rumpai, pembajaan, pengairan, saliran dan penuaian hasil. Jabatan Pertanian juga memberi perkhidmatan ini terutamanya kepada projek perintis kerajaan. Tujuan penggunaan mekanisasi dan automasi adalah:

1. Menjimatkan Masa;
2. Mengurangkan Tenaga Buruh;
3. Memudahkan Kerja;
4. Menepati Masa;
5. Menghasilkan Kerja Dengan Lebih Berkesan

Penggunaan mekanisasi dan automasi dapat meningkatkan produktiviti dan sumber pendapatan petani/usahawan.

PENCAPAIAN 2020	JUMLAH
Keluasan Khidmat Mekanisasi dan Automasi / Teknologi yang dilaksanakan	717 Hektar
Bilangan Mekanisasi dan Automasi / Teknologi yang telah diaplikasikan di lapangan	44

Khidmat Mekanisasi Penanaman, Penuaian, Pengangkutan dan Pengerian Jagung Bijian



Pengerian Jagung Bijian Menggunakan Mobile Dryer (Di Pekan, Pahang)



Penanaman Jagung Bijian menggunakan 4 row seeder

Jabatan Pertanian telah membangunkan semula projek perintis penanaman jagung bijian di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak bermula pada tahun 2016 sehingga sekarang. Jagung bijian memerlukan mekanisasi untuk memastikan produktiviti berskala besar dicapaimengikut perancangan Jabatan Pertanian. Jabatan Pertanian telah melaksanakan penuaian jagung bijian seluas 40 Ha (pada tahun 2020) di bawah projek perintis tanaman tersebut.



Penuaian Jagung Bijian Menggunakan Mekanisasi Mini Combine Harvester (Di Lekir, Perak)

Projek Perataan Sawah Padi Pulut (Langkawi, Kedah)

Khidmat sokongan teknikal dan pengembangan teknologi perataan sawah seluas 38.96 Ha telah dilaksanakan bagi memastikan program penanaman padi pulut di Langkawi dapat dilaksanakan dengan jayanya. Tujuan operasi perataan sawah adalah untuk melaras kerataan di dalam petak sawah rata dalam julat 5 cm dan seterusnya meningkatkan potensi hasil padi pulut.



Kelengkapan alat *transmitter* (tripod) dan *receiver* (pada *implement* traktor) digunakan untuk melaraskan tanah di dalam petak sawah



Petak Sawah yang telah selesai diratakan



Kerja Perataan Tanah Menggunakan *Land Laser Leveller*

8.4.4 | TEKNOLOGI KEJURUTERAAN PERTANIAN

Teknologi Kejuruteraan Pertanian merujuk kepada pembangunan teknologi baharu dan menyesuaikan teknologi kejuruteraan pertanian yang sedia ada; meliputi replikasi, rekabentuk, pengubahsuaian, fabrikasi, pemerhatian, demonstrasi, promosi dan latihan dalam bidang berkaitan. Kajian kesesuaian tempatan ke atas jentera dan peralatan pertanian serta tinjauan teknologi dalam Negara turut dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian bagi menggerakkan petani/ pengusaha atau agensi berkaitan ke arah penggunaan teknologi yang terkini dan sesuai dalam Negara.

PENCAPAIAN 2020	JUMLAH
Bilangan Promosi dan Demonstrasi Teknologi	136
Bilangan Pengujian dan Pengesyoran -Teknologi untuk kesesuaian tempatan, pembelian jentera atau mesin baru	656
Bilangan Tinjauan Teknologi	47

Pengujian Precision Garden Seeder di Ladang TKPM Organik (TKPM Organik, Serdang)



Precision Garden Seeder buatan Negara Amerika Syarikat mempunyai 6 precision seed plates untuk penanaman jagung manis, sayur daun, selada, kacang dan sebagainya.

Ujian kesesuaian tempatan telah dijalankan dan hasil pemerhatian mendapati biji benih dapat dijimatkan, kepadatan/ jarak pokok terkawal, memudahkan aktiviti merumpai dan seterusnya meningkatkan produktiviti dengan penghasilan sayur yang cukup nutrien.



Pengujian Internet of Things (IoT) di SPH dan Veggie Kontena (Serdang, Selangor)

Internet of Things (IoT) ialah teknologi yang berasaskan kepada rangkaian peranti Penderia atau Sensor yang dihubungkan dengan *Decision Support System (DSS)* dan teknologi lain seperti *Controller Device*, *Control Panel*, *Smartphone* dan sebagainya yang boleh memantau dan mengawal komponen sesuatu sistem melalui Internet untuk beroperasi secara automatik. Penggunaan IoT dalam negara adalah semakin berkembang. Jabatan Pertanian telah menjalankan tinjauan teknologi IoT di beberapa lokasi yang telah dibangunkan oleh rakan strategik Jabatan Pertanian.



IoT Dalam SPH



IoT Veggie Kontena

Aktiviti pengujian dan pemerhatian teknologi IoT telah diadakan dalam Struktur Pelindung Hujan (SPH) dan Vege Kontena untuk pemantauan terhadap suhu, kelembapan, *electro conductivity* (EC) dan pH larutan baja.

Kos pemasangan sistem IoT adalah sebanyak RM 7,500 dan telah dipasang di Veggie Kontena Bahagian Pembangunan Industri Tanaman (BPIT) Serdang, Selangor dan masih dalam pemerhatian dan penilaian kesesuaian penggunaan teknologi ini dalam pertanian.

Tinjauan Teknologi Sistem Buka-bung Struktur Pelindung Hujan (SPH) Taiwan (di Machap, Johor)

Sistem Buka-bung Struktur Pelindung Hujan (SPH) yang terletak di Machap, Johor direkabentuk oleh jurutera dari Taiwan iaitu syarikat TAIDING Automatic Canopy Ltd. SPH ini mempunyai 2 atau 3 lapisan bumbung bagi tujuan bumbung pelindung hujan boleh dilipat dan mampu memodulasi suhu udara dengan menggunakan sejumlah kecil kuasa (1 hp setiap 970 m² iaitu kuasa elektrik untuk melipat bumbung pelindung hujan)

-Anggaran kos adalah RM 200,000 untuk SPH keluasan 150' x 80' (12,000 ft² @ 1114.83 m²)

-Kapasiti adalah 3,168 pokok (polibeg 200 gram)

dengan 528 buah polistrin (6 partition) untuk sebuah SPH

Jabatan Pertanian masih dalam peringkat pemerhatian dan penilaian ke atas kesesuaian untuk Sistem Buka-bung SPH ini supaya dapat dikembangkan dan direplikasikan mengikut kesesuaian di dalam negara.



2 Lapisan bumbung SPH dengan kawalan motor elektrik, winches dan control button

Pembangunan Inovasi *Unmanned Agricultural Sprayer* (UAS) (PKP Tanjung Karang, Selangor)

Jabatan Pertanian juga telah membangunkan inovasi mesin penyembur racun serangga dan merumpai. Penggunaan operator iaitu manusia untuk kerja-kerja meracun adalah membahayakan kesihatan dan melibatkan kos yang tinggi. Pegawai Pertanian di PKP Tanjung Karang, Selangor telah merekacipta Unmanned Agricultural Sprayer (UAS) untuk mengatasi masalah ini serta mengatasi masalah pembaziran cecair semburan. Selain aktiviti meracun, aktiviti membaja foliar serta plant booster boleh diaplikasikan menggunakan UAS ini. UAS telah memenangi Anugerah Platinum Inovasi Jabatan Pertanian Tahun 2020.

Dengan kapasiti tangki iaitu 50 liter dan kadar kerja 80 minit/ ha dapat menjimatkan masa jika dibandingkan secara manual/ operator dengan kadar 333.33 minit/ ha iaitu 4 kali ganda masa yang diperlukan. Di samping menjimatkan kos operasi, UAS juga meningkatkan produktiviti kerja (2 barisan tanaman) sekali semburan. Kos fabrikasi mesin UAS ini adalah berharga RM 8,500.00.



Aktiviti Promosi UAS dalam Program MHI, TV3



Operasi UAS di lapangan

8.4.5 | PENGURUSAN LOGISTIK

Khidmat logistik dalam Jabatan Pertanian meliputi perolehan, pengurusan penyelenggaraan dan pelupusan kenderaan, jentera serta peralatan pertanian adalah penting bagi menyediakan khidmat sokongan kenderaan dan jentera berat dalam projek-projek utama Jabatan Pertanian. Hal ini bagi memastikan tahap penyampaian perkhidmatan kenderaan, jentera dan peralatan pertanian adalah ditahap yang baik dan selamat digunakan serta mencukupi.

PENCAPAIAN 2020	JUMLAH
Pembaikan (besar, kecil) Kenderaan, Jentera dan peralatan pertanian	753
Penyelenggaraan Kenderaan, Jentera dan peralatan pertanian	644
Khidmat Pelupusan Aset Jabatan Pertanian	108
Pengeluaran Sijil Perakuan Pelupusan (PEP)	107
Khidmat Pengangkutan (Kereta, Bas, Lori)	5715

Pembaikan dan Penyelenggaraan Kenderaan, Jentera & Peralatan Pertanian Jabatan Pertanian



Program Pengukuhan SOP Pengurusan Perkhidmatan Penyelenggaraan Pencegahan dan Penyelenggaraan Pembaikan Kenderaan (Oleh Ibu Pejabat ke seluruh PKP Negeri)



Lawatan Pemantauan dan Penilaian Bengkel Pembaikan Swasta/Syarikat

Pengurusan penyelenggaraan, pembaikan (besar, kecil) kenderaan, jentera dan peralatan pertanian penting bagi memastikan tahap penyampaian perkhidmatan kenderaan, jentera dan peralatan pertanian adalah di tahap yang baik dan selamat digunakan. Ia selaras dengan pekeliling pengurusan kenderaan kerajaan yang sedang berkuatkuasa.



Khidmat Pelupusan Aset Alih Jabatan



Pemeriksaan Aset Alih Untuk Pelupusan (Titi Gantung, Perak)



Pemeriksaan Aset Alih Untuk Pelupusan (Serdang, Selangor)

Pelupusan Aset Alih kerajaan bertujuan untuk memastikan agensi Kerajaan tidak menyimpan Aset Alih yang tidak boleh digunakan atau tidak diperlukan; menjimatkan ruang simpanan/ pejabat; memastikan pelupusan boleh menjana hasil kepada Kerajaan; dan memastikan kaedah pelupusan yang dipilih bersifat mesra alam dan lestari.

Perolehan Kenderaan Logistik Jabatan Pertanian



Sesi Taklimat Pemanduan oleh pembekal



Penyerahan Kenderaan Utiliti Kepada Bahagian Kawalan Racun Perosak dan Baja

Perolehan kenderaan diselaraskan di Jabatan Pertanian dari segi jenis, keperluan, spesifikasi dan kegunaan untuk akses ke jalan ladang terutamanya jalan tidak berturap (Off-road). Penentuan spesifikasi yang tepat adalah penting bagi memastikan kenderaan yang diperolehi mencapai objektif penggunaan, selamat, tahan lama, penyelenggaraan yang mudah dan munasabah.

8.5


PERKHIDMATAN ANALISIS MAKMAL

Jabatan menyediakan dua perkhidmatan iaitu **Analisis Penentuan Kualiti dan Analisis Keselamatan Makanan dan Lestari Alam Sekitar**. Ia ini disediakan untuk menganalisis kandungan unsur nutrien dalam sampel tanah, daun, baja dan air. Tujuan utama perkhidmatan ini adalah untuk menyokong pelaksanaan program-program pembangunan Jabatan Pertanian seperti myGAP, pemantauan sisabaki racun perosak dalam tanaman, tanah dan air, Analisis Kimia dan Fizikal tanah. Perkhidmatan ini juga diberikan kepada lain-lain agensi kerajaan atas permintaan. Pihak swasta dan individu boleh memohon untuk mendapatkan perkhidmatan ini dengan caj yang berpatutan dikenakan.




8.5.1 | ANALISIS PENENTUAN KUALITI

Analisis produk racun perosak bagi tahun 2020 telah dijalankan ke atas 814 sampel bagi 4 tujuan seperti rajah di bawah:




8.5.2 | ANALISIS NUTRIEN DAN LOGAM BERAT

Telah dijalankan bagi sampel tanah, baja, air, daun dan hasil pertanian bagi tahun 2020 meliputi 90,467 analisis




8.5.3 | ANALISIS DI MAKMAL RESIDU RACUN PEROSAK, TAHUN 2020

Bagi melihat paras sisa baki dalam tanaman untuk memastikan keselamatan makanan bagi program-program seperti berikut :




8.5.3 | ANALISIS RESIDU RACUN PEROSAK DALAM SAMPEL AIR DAN TANAH BAGI TAHUN 2020



FASILITI DAN PERALATAN MAKMAL YANG DIGUNAKAN



Gas Chromatography (GC)



High Performance Liquid Chromatography (HPLC)



N Analyser



UV – Vis Spectrophotometer



LC-Q-Time of Flight (ToF)



Discreate Auto Analyser



Inductively Coupled Plasma-Atomic Emission Spectroscopy (ICP-OES)



GC- Quadrupole Mass Spectrophotometer (GC-MS/MS)



Atomic Absorption Spectrometry (AAS)



Nitrogen Analyser




Inductively Coupled Plasma (ICP)



CNS Analyser

LOKASI MAKMAL DI BAHAGIAN PERKHIDMATAN MAKMAL

Pada masa sekarang, Makmal Analisa Jabatan Pertanian memberikan perkhidmatan analisis sampel tanah, daun, baja dan air. Tiga (3) buah Makmal Wilayah yang masing-masing terletak di Kompleks Pertanian Telok Chengai, Kedah, Kompleks Pertanian Ayer Hitam, Johor dan Kompleks Pertanian Besut, Terengganu.



AKTIVITI-AKTIVITI MAKMAL


KHIDMAT ANALISA RESIDU PEROSAK DALAM HASIL PERTANIAN

- Menjalankan kerja-kerja analisis residu racun perosak dalam hasil pertanian bagi program pemantauan, myGAP, myOrganic, program sokongan eksport dan lain-lain permintaan.
- Menilai dan mengkaji kaedah-kaedah baru analisis residu racun perosak untuk mempertingkatkan mutu kerja analisis makmal.
- Mengambil bahagian dalam kajian analisis semakan silang (cross-check) bagi residu racun perosak dengan agensi tempatan dan antarabangsa.


KHIDMAT SOKONGAN MAKMAL

- Menyediakan khidmat sokongan kepada Jabatan Pertanian Negeri dan Unit Kawalan Racun Perosak Negeri bagi tujuan penguatkuasaan dan pemantauan residu racun perosak dalam hasil tanaman.
- Memberi latihan dan ceramah kepada petani dan pegawai luar mengenai persampelan makmal.
- Membentuk suatu rangkaian hubungan dengan agensi-agensi tempatan dan antarabangsa berhubung dengan isu-isu residu racun perosak.

Kandungan ZAT dalam BUAH-BUAHAN







BAB 9

PROGRAM PEMBANGUNAN MODAL INSAN

- 9.1 KOMPETENSI PEGAWAI (LATIHAN PEGAWAI)
- 9.2 SIJIL PERTANIAN
- 9.3 KELESTARIAN INTEGRITI

9.1

KOMPETENSI PEGAWAI (LATIHAN PEGAWAI)

Kompetensi merupakan suatu kemampuan untuk melaksanakan atau melakukan suatu pekerjaan atau tugas yang dilandasi atas keterampilan dan pengetahuan serta didukung oleh sikap kerja yang dituntut oleh pekerjaan tersebut. Dengan demikian, kompetensi menunjukkan keterampilan dan pengetahuan yang dicirikan oleh profesionalisma dalam suatu bidang tertentu sebagai sesuatu yang terpenting atau sebagai unggulan bidang tersebut.

Oleh yang demikian, Bahagian Pembangunan Modal Insan bertanggungjawab menyediakan latihan dan kursus teknikal dan generik bagi membentuk kompetensi pegawai yang relevan selari dengan keperluan di Jabatan Pertanian.

Bahagian ini disokong dengan empat (4) Pusat Latihan dan Pembangunan Pengembangan (PLPP) di setiap zon:



Keempat-empat pusat latihan ini berfungsi untuk:

01

Melaksanakan program latihan jangka pendek untuk pegawai Jabatan.

02

Menyediakan pelbagai sumber rujukan untuk pengurusan, pembangunan, teknikal, komputer dan sebagainya.

03

Menjalankan kajian berkaitan pelaksanaan projek-projek di peringkat wilayah.

04

Menjalankan pengesanan dan penilaian latihan termasuk kajian impak latihan yang dilaksanakan.

7

Bidang Latihan yang difokuskan melibatkan kursus teknikal pertanian dan generik.

66

Latihan yang dilaksanakan di setiap Pusat Latihan sepanjang tahun 2020.

1,655

orang peserta yang terdiri daripada Pegawai dan kakitangan Jabatan.

PERATUS PELAKSANAAN KURSUS

Fizikal
85%




Dalam Talian
15%

PELAKSANAAN LATIHAN DI PUSAT LATIHAN & PEMBANGUNAN PENGEMBANGAN BAGI SETIAP ZON TAHUN 2020




Institut Latihan Pengembangan Pertanian, Serdang

18 kursus berjaya dilaksanakan
377 bilangan peserta yang terlibat




Pusat Latihan & Pembangunan Pengembangan (PLPP), Wilayah Timur, Besut, Terengganu

18 kursus berjaya dilaksanakan
469 bilangan peserta yang terlibat



Pusat Latihan & Pembangunan Pengembangan (PLPP), Wilayah Utara, Teluk Chengai, Kedah

11 kursus berjaya dilaksanakan
332 bilangan peserta yang terlibat





Pusat Latihan & Pembangunan Pengembangan (PLPP), Wilayah Selatan, Ayer Hitam, Johor

19 kursus berjaya dilaksanakan
480 bilangan peserta yang terlibat

Teknikal Pertanian	14
Kejuruteraan	2
Pengembangan	2
Pemb. Sahsiah Diri	0
IAT	0
Teknologi Maklumat	0
Pengurusan	1

Kursus Pengurusan Sampel Perosak Dan Penyakit Tanaman di PLPPWS pada 1-3 September 2020



Amalan penjarakkan semasa Kursus Realtime Landscape pada 11-13 Ogos 2020 di PLPPWT



Kursus Kursus Teknologi Pengendalian Dron Dalam Pertanian di PLPPWU pada 25-27 Ogos 2020



Kursus Pembangunan Sumber Air Ladang Telaga Tiub (Secara Online) di ILPP pada 26-28 Oktober 2020.




9.2 LATIHAN TEKNIKAL DAN VOKASIONAL

Naratif Program Sijil Pertanian Institut Pertanian Malaysia merupakan institusi yang mempelopori pendidikan dan latihan pertanian secara holistik di peringkat sijil sejak tahun 1950 an. Terdapat tujuh (7) buah Institut Pertanian yang telah ditubuhkan di Malaysia . Lima buah institut terdapat di Semenanjung Malaysia dan dikenali sebagai Institut Pertanian Semenanjung Malaysia. Manakala dua lagi Institut terdapat di negeri Sabah dan Sarawak. Program Sijil Pertanian dilaksanakan selama 2 tahun (4 semester). Ia mempunyai 6 bidang pengkhususan seperti Mekanisasi Ladang, Teknologi Pengeluaran Tanaman Makanan, Pengurusan Estet, Landskap, Pengurusan Ternakan dan Teknologi Memproses Hasil Pertanian.

Bagi menjayakan Program Sijil Pertanian ini, Seksyen Latihan Teknikal & Vokasional bertanggungjawab menjalankan beberapa aktiviti sepanjang program ini berlangsung. Ini termasuklah merancang dan mengurus pengambilan pelajar baharu, membuat penilaian keberkesanan program, melakukan pemantauan dan naziran, menguruskan jaminan kualiti pembelajaran, menyelaraskan aktiviti kurikulum pelajar, mengesahkan Lulusan Program Sijil Pertanian, meningkatkan pembangunan kompetensi tenaga pengajar, menguruskan hal ehwal pentadbiran Institut Pertanian Malaysia dan menguruskan Majlis Konvokesyen Pelajar. Sejak Program Sijil Pertanian dilaksanakan pada tahun 1969, seramai 12,272 berjaya dikeluarkan. Pada 2020 seramai 294 pelajar telah lulus dengan cemerlang serta memperolehi Sijil Pertanian.

Penubuhan Institut Pertanian dimulakan dengan Institut Pertanian Serdang pada tahun 1957 dan terakhirnya Institut Pertanian Air Hitam di Johor, manakala dua buah lagi ialah Institut Pertanian Sarawak dan Institut Pertanian Sabah. Institut ini melaksanakan dua skop pengajaran iaitu melahirkan graduan Sijil Institut Pertanian dan mulai tahun 2012 graduan Skim Kemahiran Malaysia (SKM) sektor pertanian



Penubuhan Institut Pertanian ini adalah untuk menyediakan sumber modal insan bagi negara berasaskan misi, visi dan matlamat seperti berikut:

VISI

Menjadi peneraju pembangunan modal insan bagi mentransformasikan sektor pertanian

MISI

Melahirkan modal insan berkompentensi melalui program pengajian yang dinamik dan mampan

MATLAMAT

- 1 Melahirkan graduan pertanian yang berpengetahuan dan berkemahiran;
- 2 Menyediakan tenaga kerja yang berdaya saing bagi memenuhi keperluan pasaran;
- 3 Membangunkan usahawan yang kompetitif dan berdaya tahan; dan
- 4 Menyediakan laluan pendidikan bagi pembelajaran sepanjang hayat.

AKTIVITI UTAMA SEKSYEN LATIHAN, TEKNIKAL DAN VOKASIONAL

Dalam melahirkan graduan pertanian yang berkualiti dan berjaya, Seksyen Latihan, Teknikal dan Vokasional (SLTV) berusaha meningkatkan kompetensi tenaga pengajar dengan menyediakan kursus-kursus berkaitan dengan Pembelajaran & Pengajaran (PdP).

Di samping itu, penanda aras kepada jaminan kualiti graduan Sijil Pertanian adalah berpandukan kepada Kerangka Kelayakkan Malaysia (Malaysian Qualification Framework, MQF). Sehingga kini 2 (dua) Institusi di bawah jabatan telah diakreditasi dan mendapat pengiktirafan MQA iaitu Institut Pertanian Titi Gantung, Perak pada 07 Februari 2018 dan Institut Pertanian Ayer Hitam, Johor pada 28 Ogos 2020. Manakala empat (4) Institut yang masih lagi menunggu pengiktirafan akreditasi.

KURIKULUM DAN PENILAIAN



Pelajar menduduki peperiksaan akhir



Bengkel penambahbaikan kurikulum bersama tenaga pengajar Institut Pertanian



Kursus kemahiran pemprosesan makanan untuk tenaga pengajar pemprosesan makanan

PEMANTAUAN DAN NAZIRAN



Projek Akuakultur untuk jualan pelajar



Projek Ternakan Puyuh



Projek Ternakan Ayam

AKTIVITI KOKURIKULUM



Ucapan oleh Timbalan SLTV



Perbarisan pelajar Institut Pertanian Malaysia



Pertandingan bola tampar antara Institut Pertanian Malaysia



Pertandingan sepak takraw

PEMBELAJARAN & LATIHAN PERTANIAN



Amali pelajar di lapangan semasa kursus Pengurusan Tanaman Sayuran dan kontan



Penerangan berkaitan pengedaran lepas tuai tanaman buah buahan



Penerangan oleh pembantu pengajar sebelum latihan amali di ladang

MINGGU SUAI KENAL PELAJAR PROGRAM SIJIL PERTANIAN TAHUN 2020



Ikrar pelajar baharu semasa minggu suai kenal

9.3 KELESTARIAN INTEGRITI

UNIT INTEGRITI Menguruskan segala urusan berkaitan dengan pengurusan integriti di Jabatan Pertanian bagi memastikan penjawat awam mengamalkan budaya kerja unggul dengan ciri-ciri moral dan etika yang kukuh.

Di antara program dan aktiviti yang dilaksanakan adalah mengurus penerimaan maklumat/aduan, **siasatan, pengukuhan integriti, kes tatatertib dan naziran**. Unit Integriti juga telah membangunkan Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) yang dikenali sebagai **PLANT DOA**.

PENGURUSAN PENERIMAAN MAKLUMAT

Mengurus penerimaan maklumat/aduan berkaitan salah laku jenayah dan pelanggaran tatakelakuan seperti rasuah, tidak hadir bertugas, salah guna kuasa dan lain-lain lagi



Nota :


- 14 kertas siasatan telah disalurkan kepada:
- SPRM (1)
 - Tatatertib (2)
 - Lain-lain (11)

PENGUKUHAN INTEGRITI

Aktiviti pembudayaan dan pelaksanaan Integriti telah diterapkan melalui program/seminar/kursus, Bicara Kelestarian Integriti, petikan integriti melalui paparan monitor komputer & emel Jabatan dan hebahan artikel integriti melalui Facebook




KES TATATERTIB MENGIKUT JANTINA



Pengurusan dan prosedur tatatertib merupakan langkah yang dilaksanakan bagi mengambil tindakan ke atas penjawat awam yang didapati telah melanggar mana-mana peraturan supaya mereka dapat membaiki tingkah laku pada masa hadapan dan dijadikan sebagai panduan atau pengajaran kepada yang lain. Sebanyak 9 kes telah dijatuhkan hukuman tatatertib iaitu 77.85% adalah terdiri daripada penjawat awam lelaki dan selebihnya daripada penjawat awam wanita.

KEKERAPAN NAZIRAN MENGIKUT BAHAGIAN

Naziran ialah pemeriksaan secara mengejut terhadap amalan, sistem atau tatacara pentadbiran dan kewangan agar teratur selaras dengan dasar-dasar, undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa. Bahagian-bahagian ini dipilih untuk dilakukan naziran kerana berdasarkan aduan yang diterima dan pengesyoran daripada siasatan.



OACP – Plant DOA



PLANTDOA merupakan dokumen dasar antirasuah di peringkat DOA yang bertujuan untuk menangani permasalahan governans, integriti dan antirasuah dalam organisasi. PLANT DOA ini bertindak sebagai panduan bagi semua warga DOA khususnya, untuk memastikan pengurusan pentadbiran Jabatan bebas daripada amalan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan serta mencapai aspirasi nasional, Malaysia dikenali kerana integriti dan bukannya rasuah.

Bagi memantapkan sistem pemantauan pelaksanaan PLANT DOA, setiap bahagian melantik “Desk Officer” tetap bagi memantau pelaksanaan pelan tindakan di peringkat masing-masing dan mengemukakan laporan pelaksanaan bahagian masing-masing bagi setiap suku tahun kepada Unit Integriti DOA. Penilaian pencapaian PLANT DOA ini akan dijalankan dua kali setahun. Satu kajian semula akan dibuat pada tahun 2023 untuk melihat keberkesanan secara holistik PLANT DOA ini.

AKTIVITI TADBIR URUS OACP - PLANT DOA



NEGERI *Pengeluar Utama* **BUAH-BUAHAN** **TERPILIH**



NEGERI	JANUARI	FEBRUARI	MAR	APRIL	MAY	JUN	JULAI	OGOS	SEPTEMBER	OKTOBER	NOVEMBER	DISEMBER
PERLIS												
KEDAH												
PULAU PINANG												
PERAK												
SELANGOR												
NEGERI SEMBILAN												
MELAKA												
JOHOR												
PAHANG												
TERENGGANU												
KELANTAN												
SARAWAK												
SABAH												
PETUNJUK :	MANGGA HARUMANIS NANAS KELAPA NANGKA EMBAKAI PISANG BETIK PITAYA											







BAB 10

PROGRAM KUALITI DAN KESELAMATAN TANAMAN

- 10.1 PENSIJILAN LADANG
- 10.2 PENDAFTARAN PERLINDUNGAN VARIETI TUMBUHAN
- 10.3 PROGRAM PENGESAHAN
 - 10.3.1 SKIM PENGESAHAN BENIH PADI
 - 10.3.2 SKIM PENGESAHAN BAHAN TANAMAN

10.1 PENSIJILAN LADANG

Program Keselamatan Dan Kualiti Tanaman

dilaksanakan bagi memastikan hasil-hasil pertanian yang dihasilkan berkualiti dan selamat dimakan. Amalan-amalan ini digunakan bagi mengawal/mengurangkan bahaya, risiko semasa proses pengeluaran, penuaian dan lepas tuai. Melalui pelaksanaan Amalan Pertanian Baik (GAP), ia dapat menjamin makanan yang selamat, hasil berkualiti, pemeliharaan alam sekitar dan keselamatan pekerja.



PENSIJILAN AMALAN PERTANIAN BAIK MALAYSIA (myGAP) DAN PENSIJILAN ORGANIK MALAYSIA (myOrganic)

myGAP diperkenalkan oleh Jabatan bertujuan untuk memberi pengiktirafan kepada ladang yang mengamalkan amalan pertanian baik berpanduan keperluan pensijilan myGAP (MS 1784, MS 2679, ASEAN GAP, GLOBALGAP dan CODEX).



myOrganic diperkenalkan oleh Jabatan bertujuan untuk memberi pengiktirafan kepada ladang yang diusahakan secara organik berpanduan Malaysian Standard MS 1529:2014 The Production, Processing, Labeling & Marketing of Plant Based Organically Produced Food.

PENSIJILAN LADANG MALAYSIA

Pegawai auditor Jabatan Pertanian yang kompeten akan menjalankan pengauditan bagi memastikan ladang-ladang yang ingin dipersijilkan myGAP atau myOrganic memenuhi standard yang ditetapkan.

Ezi myGAP

Bermula pada 1 Januari 2019 Jabatan Pertanian telah melancarkan Ezi myGAP yang merupakan inisiatif Jabatan dalam menambahbaik prosedur pensijilan myGAP supaya proses pensijilan adalah lebih mudah dan cepat tanpa berkompromi dengan MS 1784 (Good Agricultural Practice - Crop Commodities (2nd Revision)). Dokumen myGAP dipermudahkan ini meliputi penambahbaikan:

1

Elemen dan kaedah pengauditan myGAP

2

Rekod ladang, dan

3

Tempoh masa proses pensijilan dipercepatkan dari 2 tahun kepada 90 hari.

PENCAPAIAN PENSIJILAN 2020

Sebanyak **1,671 sijil**

myGAP telah dikeluarkan kepada pengusaha meliputi keluasan ladang seluas **3,120.01 ha.**



BIL.	NEGERI	BIL SIJIL	LUAS (Hektar)
1	PERLIS	44	46.214
2	KEDAH	163	252.664
3	P. PINANG	74	91.764
4	PERAK	162	289.009
5	SELANGOR	117	268.985
6	NEGERI SEMBILAN	91	213.72
7	MELAKA	9	7.17
8	JOHOR	169	663.228
9	PAHANG	157	422.627
10	KELANTAN	309	253.106
11	TERENGGANU	314	287.557
12	SABAH	22	48.38
13	SARAWAK	32	268.88
14	LABUAN	8	6.71
JUMLAH		1671	3,120.01

Sebanyak **18 sijil**

myOrganic telah dikeluarkan kepada pengusaha meliputi keluasan ladang seluas **16.973 ha.**



BIL.	NEGERI	BIL SIJIL	LUAS (Hektar)
1	PERLIS	0	0
2	KEDAH	1	2.71
3	P. PINANG	0	0
4	PERAK	2	2.18
5	SELANGOR	0	0
6	NEGERI SEMBILAN	1	0.2
7	MELAKA	0	0
8	JOHOR	5	5.64
9	PAHANG	6	3.913
10	KELANTAN	1	0.1
11	TERENGGANU	1	1.43
12	SABAH	1	0.8
13	SARAWAK	0	0
14	LABUAN	0	0
JUMLAH		18	16.973

BILANGAN LADANG DAN KELUASAN YANG TELAH DIPERSIJKAN myGAP & myOrganic MENGIKUT KOMODITI TANAMAN BAGI TAHUN 2020

	myGAP MALAYSIA		myOrganic MALAYSIA	
	BIL LADANG	KELUASAN (HA)	BIL LADANG	KELUASAN (HA)
BUAH-BUAHAN	604	1,693.36	3	9.19
SAYUR-SAYURAN	297	357.14	5	3.90
PADI	481	475.89	1	0.80
LAIN-LAIN (Tanaman Industri, Tanaman Ladang Kontan, Herba, Rempah Ratus, Lebah Madu/Kelulut)	289	593.63	9	3.08
JUMLAH	1,671	3,120.02	253	16.97

Kursus myGAP. TBM
(Tanaman Bukan
Makanan)
11 – 14 Ogos 2020



Kursus Auditor
Pemeliharaan Lebah dan
Kelulut (myGAP. AM)
7-11 September 2020



Kursus Agen
Pengembangan Tanaman
(APT) bagi myGAP.AM
23-24 Januari 2020



Kursus Pembimbing myGAP
(Sektor Tanaman)
13 & 14 Oktober 2020




Kursus Pembimbing
myOrganic secara
Online bersama Pusat
Kepelbagaian Biologi
Sarawak
1-3 September 2020



Bagi memberi pendedahan kepada pengguna tentang kepentingan myGAP dan myOrganic, Jabatan telah mengadakan beberapa sesi perkongsian ilmu secara dalam talian dan siri promosi dalam media masa perdana terutamanya semasa pandemik COVID-19 ini.

Webinar Session On Post
Covid : Reviewing Non
Tariff Measures (NTM) For
Agri Food Industry
16 Jun 2020



Webinar Session regarding
**“DO YOU (ACTUALLY)
 KNOW WHAT YOU EAT?”:**
 myGAP TOWARD FOOD
 SAFETY
 25 Jun 2020



Temubual Selamat Pagi
 Malaysia Bersama KPP
 DOA
 31 Januari 2020



Temubual di Ai FM -
 myGAP
 18 Februari 2020



Temubual di Minnal FM –
 Food Safety
 13 MAC 2020




Simulasi Penguatkuasaan
bagi penyalahgunaan
logo myGAP/myOrganic
bersama KKM dan
KPDNHEP
22 Disember 2020



PROMOSI myGAP melalui
Media Sosial

46,599
orang berjaya
mencapai informasi
myGAP/myOrganic
melalui page Facebook



10.2 PENDAFTARAN PERLINDUNGAN VARIETI TUMBUHAN

Jabatan Pertanian menyediakan Perkhidmatan Pendaftaran Perlindungan Varieti Baharu Tumbuhan melalui Pemberian Hak Pembiak Baka dan Pendaftaran Varieti Tanaman.

Pendaftaran Perlindungan Varieti Baharu Tumbuhan dan Pemberian Hak Pembiak Baka termaktub di bawah Akta 634 Perlindungan Varieti Baharu Tumbuhan 2004 yang berkuatkuasa mulai 20 Oktober 2008

Ia bertujuan untuk


Memberi perlindungan hak pembiak baka bagi varieti baharu tumbuhan.

Memberi pengiktirafan serta perlindungan ke atas sumbangan yang dibuat oleh petani, masyarakat tempatan dan pribumi terhadap pewujudan varieti baharu tumbuhan.


Menggalakkan pelaburan dan pembangunan dalam industri pembiakbakaan dalam sektor awam dan swasta dengan memberi perlindungan ke atas varieti-varieti baharu yang dibangunkan.

Pendaftaran Perlindungan Varieti Tumbuhan memberi faedah kepada Pembiakbaka, Petani dan pengguna/masyarakat dengan merencanakan pembangunan varieti baharu tanaman yang mampu memberikan pengeluaran yang lebih tinggi, tahan penyakit, mempunyai nilai nutrisi pemakanan yang tinggi yang memberikan kepelbagaian produk untuk pilihan dan penggunaan masyarakat serta membolehkan penghasilan makanan yang mencukupi untuk keperluan negara.

Bilangan Permohonan Pendaftaran Perlindungan Varieti Baharu Tumbuhan Tahun 2020




Pemberian Hak Pembiak Baka Tahun 2020



Sebanyak 63 Sijil Pemberian Hak Pembiak Baka telah diberikan kepada Pembiakbaka bagi 12 jenis tanaman

Bagi tempoh 2012 hingga 2020 sebanyak 191 Pemberian Hak Pembiakbaka di mana tahun 2020 mencatatkan bilangan terbanyak




PEMBERIAN HAK PEMBIAK BAKA TAHUN 2020




KEKWA

Varieti : 'DLFYIN 1'
No. Ruj : PBR 161
Nama Pemohon : Deliflor
Royalties B.V.
Negara : Netherlands



CILI

Varieti : 'L5'
No. Ruj : PBR 160
Nama Pemohon : MARDI
Negara : Malaysia



KELEDEK

Varieti : 'VG-10'
No. Ruj : PBR 169
Nama Pemohon : Vegefruit
Resources Sdn Bhd
Negara : Malaysia



BETIK


Varieti : 'VIORICA'
No. Ruj : PBR 173
Nama Pemohon : MARDI
Negara : Malaysia

PENDAFTARAN VARIETI TANAMAN


CROP VARIETY LISTING (CVL)

Pendaftaran varieti tanaman bagi Daftar Varieti Tanaman adalah bertujuan untuk mendaftar kepelbagaian varieti yang ditanam di Malaysia. Senarai varieti tanaman adalah merangkumi varieti yang diketahui umum (*common knowledge*) dan varieti yang dilindungi di bawah Hak Pembiak Baka.

OBJEKTIF



DAFTAR VARIETI TANAMAN TAHUN 2020



PEMBERIAN HAK PEMBIAK BAKA TAHUN 2020



LADA HITAM

Varieti : 'Kuching'
Kod Pendaftaran : PN1
Pemohon : Chen Yi Shang (Lemba-
ga Lada Malaysia)
Lokasi Ladang : Kampung Jagoi,
Duyoh, 94000 Bau, Sarawak



KELAPA

Varieti : 'Tacunan Green Dwarf (Tacd)'
Kod Pendaftaran : CN17
Pemohon : Jabatan Pertanian Sabah
Lokasi Ladang : Stesen Penyelidikan
Pertanian Ulu Dusun, Sandakan, Sabah

Program Pencirian
Tanaman Durian Varieti
Tupai 226 di Ayer Itam,
Pulau Pinang
16 JULAI 2020



Program Pencirian
Tanaman Jambu Batu
Varieti Pingu di Seri Medan,
Batu Pahat, Johor



Konsultasi Bersama
Pengarah Bahagian
dan Pengarah Pertanian
Negeri
14 Februari 2020



10.3 PROGRAM PENGESAHAN

10.3.1 | PROGRAM PENGESAHAN BENIH PADI

Skim Pengesahan Benih Padi (SPBP) merupakan perakuan kualiti untuk pengeluaran benih padi sah mengikut syarat dan piawaian yang ditetapkan dalam *Department of Standard Malaysia (2012) MS 469 : 2012 Rice (Oryza sativa L.) Inbreed Seed Planting Materials – Specification (second revision)*. Jabatan Pertanian bertanggungjawab sebagai agensi pengesah kualiti benih padi yang dikeluarkan oleh 9 syarikat pengeluar yang dilantik oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan mengikut kuota yang telah ditetapkan.

30,400 ha keluasan ladang diperiksa **19,108** bilangan ujian biji benih

9 pengeluar dilantik

19 loji diperiksa

25 tapak semaian diperiksa


330 premis diperiksa



3,267.98 mtan
(benih daftar)

76, 715.83 mtan
(benih sah)

PEMBANGUNAN VARIETI



* Akta ABS – Akta Akses kepada Sumber Biologi dan Perkongsian Faedah
 Akta PVBT – Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan
 VCU – Value of Cultivation and Use
 DUS – Distinctness, Uniformity & Stability


KEPERLUAN BENIH PADI SAH DI SEMENANJUNG MALAYSIA



Di Malaysia terdapat penanaman padi iaitu Musim Utama dan Luar Musim dan keperluan benih setiap musim adalah sebanyak 36,000 mtan.


BENIH PADI DAFTAR MENGIKUT VARIETI

Benih padi daftar merupakan progeni padi yang digandakan daripada Benih Asas yang dikeluarkan oleh pembiakbaka. Varieti MARDI 297 paling banyak dikeluarkan daripada 10 varieti yang diperkenalkan kepada petani.




BENIH PADI SAH MENGIKUT VARIETI

Sebanyak 10 varieti padi telah mendapat permintaan petani untuk penanaman secara komersial dengan varieti MARDI 297 paling banyak ditanam meliputi 32% pengeluaran benih padi sah.



CARTA ALIR PENGHASILAN BENIH PADI SAH



Semasa proses penghasilan benih padi sah, Jabatan Pertanian hanya terlibat pada peringkat Pengeluaran Benih Asas, Daftar, Benih Sah serta Pemprosesan dan Perakuan Kualiti Benih. Manakala agensi lain yang terlibat dalam proses ini adalah Institusi Penyelidikan dan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS).

1 | Pemeriksaan Ladang

Sebelum benih padi yang telah diperakukan kualiti dapat dipasarkan, pemeriksaan pada peringkat ladang akan dijalankan bagi memastikan benih padi daripada varieti yang telah didaftarkan dan berkualiti sahaja diterima oleh petani. Terdapat empat peringkat pemeriksaan ladang iaitu pra tanam, tampang, berbunga dan pra tuai. Pegawai pemeriksa yang kompeten akan memeriksa ladang-ladang benih yang telah mencapai standard yang ditetapkan.



2 | Ujian Kualiti Benih Padi di Makmal Ujian Biji Benih, Jabatan Pertanian

Benih padi yang telah diproses akan diuji di Makmal Ujian Biji Benih bagi memastikan kualiti benih padi mematuhi piawaian yang telah ditetapkan sebelum dipasarkan kepada petani. Terdapat 4 ujian yang dijalankan seperti berikut :

Ujian Kelembapan

Mengukur kandungan kelembapan benih bagi memastikan ia selamat untuk tujuan penyimpanan. Piawaian maksimum ialah 14%



Ujian Percambahan

Mengukur keupayaan biji benih tulen tumbuh sebagai biji benih normal pada keadaan terkawal. Piawaian minimum bagi percambahan adalah 80%



Ujian Ketulenan Fizikal

Menentukan peratus berat biji benih tulen dalam sampel yang diuji. Piawaian minimum ketulenan fizikal ialah 98%



Ujian Carian Biji Lain

Mengesan kehadiran biji asing dan dilakukan secara visual contohnya kehadiran benih padi angin atau benih rumpai



3 | Pemeriksaan Stor dan Stok

Pemeriksaan stok dijalankan bertujuan untuk memeriksa benih padi disimpan dalam keadaan baik, teratur dan mudah dikesan. Pegawai inspektorat akan mengambil sampel benih padi untuk dihantar ke Makmal Ujian Biji Benih. Lot-lot benih yang tidak mengikut spesifikasi ditetapkan akan dilupuskan.

Kaedah penyimpanan benih padi perlulah mengikut syarat simpanan berikut bagi memastikan hayat benih dapat dipanjangkan.

- Kandungan kelembapan benih dapat dikekalkan di bawah 14%
- Benih dapat dilindungi daripada serangga, tikus dan burung
- Benih dapat dilindungi daripada hujan atau lembapan udara sekeliling




10.3.2 | SKIM PENGESAHAN BAHAN TANAMAN

SKIM PENGESAHAN BAHAN TANAMAN (SPBT)


Jabatan Pertanian melaksanakan Skim Pengesahan Bahan Tanaman (SPBT) yang bertujuan untuk memperakukan ketulenan genetik dan kualiti bahan tanaman yang dikeluarkan oleh pengeluar bahan tanaman di Malaysia. Antara tanaman yang tersenarai dalam skim ini ialah tanaman buah-buahan, kelapa, herba dan kopi.

PROSEDUR PERAKUAN KUALITI TANAMAN



Bagi memastikan bahan tanaman yang diperakuan adalah tulen dan berkualiti, pengeluar perlulah mematuhi prosedur perakuan kualiti tanaman yang ditetapkan.

BILANGAN NURSERI SETIAP NEGERI SELURUH MALAYSIA



Sehingga tahun
2020, sebanyak

118

pengeluar bahan
tanaman telah
berdaftar di
bawah SPBT

Nota: Bagi mendapatkan bahan tanaman tulen dan berkualiti, pengguna bolehlah melayari laman web Jabatan Pertanian di ; www.doa.gov.my – Perkhidmatan – Skim & Pensijilan – Skim Pengesahan Bahan Tanaman.

PENGESAHAN MENGIKUT BULAN

	POKOK INDUK	BAHAN TANAMAN
JANUARI	888,558	915,326
FEBRUARI	1,060,429	1,480,795
MAR	1,169,599	328,996
APRIL	-	226,462
MEI	-	397,740
JUN	911,776	654,837
JULAI	1,166,343	455,545
OGOS	944,379	758,693
SEPTEMBER	1,297,778	493,463
OKTOBER	981,145	258,423
NOVEMBER	496,019	315,616
DISEMBER	1,211,564	443,650
JUMLAH	10,127,590	6,729,546

Bagi tahun **2020**, Jabatan Pertanian telah memperakukan sebanyak **10,127,590** pokok induk dan **6,729,546** bahan tanaman

PENGESAHAN MENGIKUT BULAN

	POKOK INDUK	BAHAN TANAMAN
Cempedak	-	3,594
Durian	1039	278,534
Jambu Air	-	180
Jambu Batu	760	2,733
Kelapa	2293	42,786
Longan	1	-
Mangga	-	16,104
Manggis	-	13,445
Nanas	10,121,440	6,308,723
Nangka	7	16,590
Pisang	2,050	40,200
Rambutan	-	6,657
Jumlah	10,127,590	6,729,546

Daripada pengesahan yang dijalankan bagi tahun 2020, tanaman nanas merupakan tanaman yang paling tinggi dilakukan pemeriksaan pokok induk dan bahan tanaman.

PEMERIKSAAN POKOK INDUK 2020



Pokok induk nanas MD2 yang sedang berbuah dan sedia untuk disahkan



Pegawai pemeriksa sedang memeriksa pokok induk jambu batu



Pegawai pemeriksa menyerahkan perakuan pengesahan kepada peserta skim



Pegawai pemeriksa sedang memeriksa pokok induk pisang


PEMERIKSAAN BAHAN TANAMAN 2020



Bahan tanaman nangka disusun dalam blok bagi memudahkan pemeriksaan



Pegawai pemeriksa sedang memeriksa bahan tanaman kelapa



Sulur nanas yang dijangkiti penyakit reput




Bahan tanaman jambu batu disusun dalam blok bagi memudahkan pemeriksaan



Bahan tanaman nanas disusun dalam blok dengan bahagian pangkal di atas bagi memudahkan pemeriksaan dan mengelakkan air bertakung





BAB 11

JALINAN KERJASAMA ANTARABANGSA

11.1 AKTIVITI ANTARABANGSA JABATAN PERTANIAN

PROGRAM ANTARABANGSA JABATAN PERTANIAN MALAYSIA

Jabatan Pertanian terlibat secara aktif dalam pelbagai program dan aktiviti di peringkat antarabangsa sama ada melalui hubungan dua hala (*bilateral*), pelbagai hala (*multilateral*), ASEAN dan Perundingan Perjanjian Perdagangan Antarabangsa. Hubungan dengan negara luar adalah penting untuk meningkatkan imej Malaysia di peringkat antarabangsa dan serantau bagi menjaga kepentingan industri pertanian negara khususnya dalam sub-sektor tanaman makanan. Penglibatan Jabatan Pertanian dalam program dan aktiviti antarabangsa ini dijayakan melalui pelbagai pendekatan seperti berikut:



BILANGAN NOTA INTERVENSI DAN MAKLUM BALAS



**24th APEC Agricultural
Technical Cooperation
Working Group (ATCWG)
Annual Meeting
25 September 2020
(video conference)**



Ketua Delegasi :
YBhg. Dato' Zahimi bin
Hassan
Pengarah Bahagian
Perancangan Strategik

PENYERTAAN PROGRAM ANTARABANGSA SECARA FIZIKAL

Pegawai ke Luar Negara bagi tempoh Januari – Mac 2020

7 program / 6 negara / 12 pegawai

Workshop on Organic Farming

17 – 22 Februari 2020 (Belgium)

- i. Juliana Ritonga binti Saipul Jannah (Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman)
- ii. Sariah binti Mohd Aris (Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman)
- iii. Nik Nurul Nadiatulakma binti Nek Rahimi (Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman)
- iv. Wan Norfaizah binti Wan Mohd Shakeri (Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman)



The 24th Expert Working Group on Harmonization of Maximum Residue Limits of Pesticide among ASEAN Countries and the Workshop on Maximum Residue Limits

2 – 7 Februari 2020 (Myanmar)

- i. Muhammad Nazrul Fahmi bin Abdul Rahim (Bhg. Kawalan Racun Perosak dan Baja)
- ii. Vajidah binti Sunoto @ Hj. Faizal (Bhg. Kawalan Racun Perosak dan Baja)



Training Workshop on Plant Parasitic Nematodes of Agriculture Importance

23 Februari 2020 – 7 Mac 2020 (Indonesia)

- i. Ikhwani Harris bin Ramli (Bahagian Biosekuriti Tumbuhan)
- ii. Mohd Azrul bin Alias (Bahagian Biosekuriti Tumbuhan)



Green Agriculture Practice for Cooperatives and Farmer Organization

16 – 27 Februari 2020 (Thailand)

Norazlina binti Mat Baharin (Bahagian Pertanian Bandar)



Kajian Kemungkinan (Feasibility Study) Mewujudkan Hab Perdagangan Koko di Malaysia

23 – 28 Februari 2020 (Belanda)

Sharipuddin bin Mohd Halidi (Bahagian Biosekuriti Tumbuhan)



International Symposium on Limiting the Spread on Contaminant Pest

1 – 5 Mac 2020 (Australia)


Lailatul Jumaiyah binti Saleh Huddin (Bahagian Biosekuriti Tumbuhan)



1st Project Steering Committee (PSC) Meeting of the ASEAN AgriTrade Project

10 – 12 Februari 2020 (Indonesia)

Azizi bin Hashim (Bahagian Perancangan Strategik)



MESYUARAT ANTARABANGSA



The 27th Meeting of The ASEAN Sectoral Working Group on Crops (ASWGC)

14 Julai 2020

Ketua Delegasi : En. Eliyas bin Saad

Timbalan Ketua Pengarah Pertanian (Pembangunan Industri & Pengembangan)



Mesyyuarat 41st Special SOM of the ASEAN Ministers on Agriculture and Forestry (41st SSOM AMAF), Mesyyuarat 19th Special SOM of the ASEAN Ministers on Agriculture and Forestry Plus Three (19th SSOM AMAF+3) dan Mesyyuarat 5th ASEAN-Russian SOM on Agriculture (5th ARSOMA)

5 Ogos 2020

Ketua Delegasi : YBhg. Dato' Haji Zainal Abidin Abu Seman

Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan

Wakil Jabatan Pertanian : Dr. Kasazlinda Jamal (Bahagian Perancangan Strategik)



Mesyyuarat 42nd ASEAN Ministers on Agriculture and Forestry (42nd AMAF)

21 Oktober 2020

Ketua Delegasi : YB. Dato' Seri Dr. Ronald Kiandee

Menteri Pertanian dan Industri Makanan

Wakil Jabatan Pertanian : YBhg. Dato' Zahimi bin Hassan (Bahagian Perancangan Strategik)

PROGRAM ANTARABANGSA



Online Regional Workshop on Promoting Public-Private Cooperation and Partnership and Gender Mainstreaming in Crops of ASEAN

30 September 2020

Ketua Delegasi : YBhg. Dato' Zahimi bin Hassan

Pengarah Bahagian Perancangan Strategik



Online Regional Workshop on Promoting Public-Private Cooperation and Partnership and Gender Mainstreaming in Crops of ASEAN

30 September 2020

Ketua Delegasi : YBhg. Dato' Zahimi bin Hassan

Pengarah Bahagian Perancangan Strategik



Virtual Consultation towards a Multi-Sectoral ASEAN Response to COVID-19's Impact on Regional Food System

27 Oktober 2020

Ketua Delegasi : En. Eliyas bin Saad

Timbalan Ketua Pengarah Pertanian (Pembangunan Industri & Pengembangan)

KUNJUNGAN HORMAT



**Kunjungan Hormat Duta Besar Qatar ke atas YB Datuk Seri Salahuddin bin Ayub,
Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani**

20 Januari 2020



**Kunjungan Hormat TYT. Guido F. Loayza, Duta Besar Peru
ke Jabatan Pertanian**

16 Julai 2020



**Kunjungan Hormat En. William Verzani, Agriculture Attaché,
USDA US Embassy Kuala Lumpur ke atas Ketua Pengarah Pertanian**

25 Ogos 2020

KUNJUNGAN HORMAT



Kunjungan Hormat Timbalan Pesuruhjaya Tinggi Singapura ke atas
YB Timb. Menteri 1 MAFI
6 Oktober 2020

BILANGAN PROGRAM ANTARABANGSA DIATUR SECARA *VIDEO CONFERENCE*



Bil. Mesyuarat

9



Bil. Kursus

4



Bil. Pegawai

85



Tanaman TEMBIKAI (*Citrullus lunatus*)



Pengeluaran
Tembikai
Tahun 2019
144,147 mt



Penggunaan Per Kapita
2.6 kg/orang

Populasi Tahun 2020
3.3 juta orang

Keperluan negara
33,000,000 orang X 2.6 kg/orang
85,800,000 kg

Keluaran Tanaman Tembikai Tahun 2019 (Hektar)



Rank.	Negara	Produktiviti (Mt / hektar)
1	Guyana	90.4
2	Palestine	70
76	Uruguay	17.6
77	Malaysia	17.2
78	Mali	16.4

Negeri Utama Pengeluar Tembikai Tahun 2019



Purata Harga Pasaran Tempatan Komoditi Tembikai Tahun 2019 (Tanpa Biji)



Syarikat Pengeksport Tembikai

Bil	Syarikat	Lokasi	Kuantiti (kg)	RM
1	Melin Mester Sdn Bhd	Beaufort, Johor	387,145.00	1,815,000.00
2	De Syaz Trading & Resources Sdn Bhd	Beaufort, Johor	10,000.00	50,000.00
3	Dei Trading Sdn Bhd	Beaufort, Johor	218.00	n/a
4	Joseph Wood Sdn Bhd	Beaufort, Johor	85,500.00	75,524.00
5	Joan Trade Sdn Bhd	Beaufort, Johor	104,384.00	1,401,960.00
6	New Southern Trading (M) Sdn Bhd	Beaufort, Johor	15,000.00	20,000.00
7	Yee Hui Fook Sdn Bhd	Beaufort, Johor	35,000.00	40,000.00
8	Kimberly Management Services	Beaufort, Johor	38,218.00	173,220.72
9	Dei Trading Sdn Bhd	Beaufort, Johor	38,388.00	126,000.00
10	Joan Trade Sdn Bhd	Beaufort, Johor	32,000.00	375,750.00
11	Dei Trading Sdn Bhd	Beaufort, Johor	11,400.00	101,000.00
12	The East Import Export (Sendang) Sdn Bhd	Beaufort, Johor	125,007.00	243,000.00
13	Dei Trading (M) Sdn Bhd	Beaufort, Johor	1,221.00	15,440.00
14	Exponential Fruit Sdn Bhd	Beaufort, Johor	40,000.00	13,300.00

Pasaran Tembikai Luar Negara Tahun 2019



Pasaran Tembikai Tahun 2019





AN PERTANIAN
N PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN

FAQ
Soalan
Lazim

Peta
Laman

PERKHIDMATAN

AKTIVITI & SUMBER



AWAM



PELANGGAN



WARGA

BAB 12

PENINGKATAN KUALITI DAN PRODUKTIVITI

Maklumat Pertanian

Kursus Pertanian

Tender/Sebutharga

Data Terbuka DOA & MOA

OSCAR

12.1 APLIKASI DALAM TALIAN PERTANIAN

12.2 INOVASI

an



e-Integriti



Jabatan Pertanian
Negeri



12.1 APLIKASI DALAM TALIAN PERTANIAN


Jabatan Pertanian telah membangunkan 2 sistem dalam talian iaitu Sistem Geotanih dan Sistem Geoinformasi Tanaman Makanan Negara (GeoTanaman)

Sistem Geotanih merupakan satu sistem yang diwujudkan bagi menguruskan data geospasial tanah berpusat dan sistematik yang boleh dicapai secara dalam talian. Sistem ini boleh digunakan oleh kakitangan Jabatan Pertanian, pelanggan dan juga orang awam. Sistem ini terdiri daripada pelbagai modul seperti modul kesesuaian tanah tanaman, deskripsi profil tanah, kompendium tanah, pendaftaran tanah dan jadual siri tanah bagi Semenanjung Malaysia. Sistem ini boleh dicapai melalui pautan geotanih.doa.gov.my.


Sistem ini boleh digunakan oleh semua rakyat Malaysia dan dapat membantu pengguna menentukan kesesuaian tanah tanaman bagi sesuatu lokasi untuk pembangunan projek pertanian dan menjalankan penyelidikan. Ia juga merupakan rujukan utama maklumat tanah negara merangkumi sifat kimia dan fizikal tanah serta huraian lengkap maklumat profil tanah.

SISTEM GEOTANIH

Sistem Geotanih membolehkan akses mudah kepada maklumat tanah dan kesesuaian tanah untuk tanaman



Paparan modul bagi pengguna Sistem Geotanih yang mengandungi Peta Kesesuaian Tanah-Tanaman, Lokasi Profil Tanah, Kompedium Tanah Jadual Tanah dan Kumpulan Utama Tanah Semenanjung Malaysia



SISTEM GEOTANAMAN ATAU SISTEM GEOINFORMASI TANAMAN MAKANAN NEGARA



Sistem GeoTanaman dibangunkan menggunakan konsep *service oriented architecture* yang boleh diakses melalui web dan mobile untuk mendapatkan maklumat, mengurus, menganalisis dan memaparkan maklumat geospasial tanaman makanan negara

Sistem ini boleh digunakan oleh kakitangan Jabatan Pertanian, pelanggan data, petani dan juga pemborong. Sistem ini terdiri daripada pelbagai modul seperti modul perkongsian data, laporan, galeri peta dan permohonan peta bagi Semenanjung Malaysia. Sistem ini boleh dicapai melalui pautan geotanaman.doa.gov.my

Ia membolehkan petani, pemasar, pemborong dan peruncit memasuki sistem ini dan membuat penawaran dan permintaan di mana petani selaku pengeluar barangan boleh melihat peluang pasaran dan merancang penanaman, manakala pemasaran pula boleh merancang mendapatkan bekalan yang diperlukan dan suasana ini boleh memberikan keadaan menang-menang di antara mereka.



SISTEM E-VOTING

Sistem pengundian yang membolehkan proses semakan pengundi, pemilihan calon dan keputusan pengundian dilaksanakan secara online dan real-time

Dibangunkan secara dalaman oleh Unit Teknologi Maklumat

Pertama kali digunakan untuk Pemilihan Jawatankuasa Pengurusan PERPETA Sesi 2020-2022 yang berlangsung pada 23 Disember 2020

Selamat, telus dan menjimatkan masa. Tiada keperluan mengira semula kertas undi seperti kaedah manual dan tiada lagi undi rosak berlaku

LIVE

Tarikh Go-Live:
22 Disember 2020

Pautan:
<http://aplikasi.doa.gov.my/evoting>



KEPUTUSAN PEMILIHAN BAGI JAWATAN PRESIDEN

No.	Nama Calon	No. Tarak	Calon	Undi
1.	APRILIS BAKI	001		111
2.	ROHMADZUL	002		136
3.	IRHAMDIYAH UNDI	003		39
4.	ROHMADZUL BAKI	004		13

MENANG DENGAN MAJORITI 41 UNDI

MYGOVUC 2.0

LIVE

Tarikh Go-Live:
29 Disember 2020

Perkhidmatan Komunikasi Bersepadu Kerajaan (MyGovernment Unified Communication) versi 2.0

Menggantikan penggunaan platform Outlook Web App (OWA) kepada IceWarp WebClient

Meningkatkan perkhidmatan komunikasi dan kolaboratif bersepadu Sektor Awam yang diuruskan secara berpusat di MAMPU


Menggabungkan saluran-saluran komunikasi e-mel, persidangan video dan audio, instant messaging serta Sistem Pengurusan Identiti

Pautan WebClient:

<https://icewarp7.mygovuc.gov.my/webmail/>

Portal MyGovUC 2.0 (SSO):

<https://www.mygovuc.gov.my/>



Sign in to WebClient

Email address: admin_doa@doa.gov.my

Next

MyGovUC 2.0 ALERT

AKSES ALTERNATIF
Dua (2) cara mengakses perkhidmatan MyGovUC 2.0

- Melalui Portal MyGovUC 2.0:**
 - Pautan: <https://ao.mygovuc.gov.my>
 - ID nama agensi: Contoh: resauqairah@mampu
 - ID kata laluan: Contoh: resauqairah@mampu.gov.my
- Melalui Pautan WebClient:**
 - Pautan: Sila rujuk lampiran untuk mendapatkan maklumat pautan agensi anda
 - ID nama agensi: Contoh: resauqairah@mampu.gov.my
 - ID kata laluan: Contoh: resauqairah@mampu.gov.my

Khidmat Bantuan Sokongan

Perkhidmatan bantuan sokongan MyGovUC 2.0 disediakan untuk membantu semua pengguna sekiranya terdapat sebarang permasalahan atau kekeliruan yang dihadapi semasa pelaksanaan migrasi MyGovUC 2.0

KIOSK BANTUAN dalam talian

Kiosk bantuan dalam talian akan beroperasi pada:

- Tarikh: 20, 21 dan 22 Disember 2020
- Tempat: 100 pejabat (100 pejabat MAMPU)
- Tempat: 100 pejabat (100 pejabat MAMPU)

MEJA BANTUAN

Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)

Jabatan Perdana Menteri

Hubungi MAMPU: 05-8330 9888 | mygovuc@mampu.gov.my

Salah satu projek di bawah National Key Economic Area (NKEA), Communication Content Infrastructure (CCI), Entry Point Projects (EPP8) eGovernment : Online Services

Pengeluaran Sijil Fitosanitasi yang seragam, cepat dan efisien serta memenuhi keperluan dan kehendak fitosanitasi antarabangsa

<https://www.myphyto.gov.my/>

SAMPLE

Navigas

**PROGRAM PILOT RUN
BAGI PERLUASAN SISTEM
MYPHYTO DI SARAWAK**
Tarikh : 8-9 September 2020
Lokasi : Kuching, Sarawak



**PROGRAM PILOT RUN
BAGI PERLUASAN SISTEM
MYPHYTO DI SABAH**
Tarikh : 22-23 September
2020 Lokasi : Kota Kinabalu,
Sabah



12.2 INOVASI JABATAN PERTANIAN

Sambutan Hari Inovasi merupakan acara tahunan Jabatan dan ia adalah satu platform yang bertujuan untuk menyemarakkan lagi usaha dan pembudayaan inovasi di kalangan warga Jabatan Pertanian, ke arah kecemerlangan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan. Majlis sambutan Hari Inovasi tahun ini telah di adakan pada 1 Oktober 2020 (Khamis) bertempat di Dewan Serbaguna MAFI, Putrajaya. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Ketua Pengarah Pertanian, Datuk Hj. Mohd Nasir bin Warris.

Tema Hari Inovasi Jabatan Pertanian pada tahun 2020 adalah **“INOVASI PENJANA PRODUKTIVITI PERTANIAN”**, Sambutan Inovasi dalam Perkhidmatan Awam dihasilkan dari cetusan idea-idea yang kreatif dan inovatif dalam mana-mana aspek kerja yang dapat meningkatkan kualiti dan produktiviti organisasi. Pelaksanaan idea-idea ini akhirnya dapat meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan serta memberi faedah kepada pelanggan.

PEMENANG ANUGERAH INOVASI KATEGORI PEGAWAI

ANUGERAH PLATINUM INOVASI TEKNOLOGI PERTANIAN



Unmanned Agriculture Sprayer (UAS)
Mohd Ezwan Syah Bin Rasidin
Pusat Kejuruteraan Pertanian Tanjung
Karang
Selangor

INOVASI TEKNOLOGI PERTANIAN KATEGORI PEGAWAI –BIDANG PENGURUSAN



Pemenang Pertama:
Leaf Colour Chart Apps
(Aplikasi Carta Warna Daun Padi)
Puan Raudah binti Talib
Jabatan Pertanian Negeri Perak

INOVASI TEKNOLOGI PERTANIAN KATEGORI PEGAWAI – BIDANG TEKNIKAL



TEMPAT PERTAMA

Unmanned Agriculture
Sprayer (UAS)
Bahagian Kejuruteraan
Pertanian
Ketua Kumpulan : En Mohd
Ezwan Shah bin Rasid



TEMPAT KEDUA

Alat Membalut Tandan
Pisang - "BALOQ"
Jabatan Pertanian Negeri
Kedah
Ketua Kumpulan : Encik
Abdul Fattah Bin Roslan



TEMPAT KETIGA

Simple Auger Double S
Jabatan Pertanian Negeri
Johor
Ketua Kumpulan : Encik
Sajani bin Sukarman

PEMENANG ANUGERAH INOVASI KATEGORI PETANI

INOVASI TEKNOLOGI PERTANIAN KATEGORI PETANI



Pemenang Pertama:

Honey Intensive Dehydration
System (HILDA System)
Encik Mohd Zulkifli bin
Mustafa



Pemenang Kedua:

Pembakaan Kelulut JBEEs
"Involukrum Sintetik"
Encik Shamsul Bahari bin
Ahmad



Pemenang Ketiga:

Jentera Padi 3 M
Jabatan Pertanian Negeri Melaka
Encik Mohd Shakirin bin Mohd
Zan

PEMENANG ANUGERAH PERKHIDMATAN PENGEMBANGAN PERTANIAN

DAERAH PERKHIDMATAN PENGEMBANGAN INOVATIF



Pemenang Pertama:

Daerah Kota Tinggi, Johor
Encik Mohd Hafiz bin Hussain



Pemenang Kedua:

Daerah Klang, Selangor
Encik Ahmad Nazri bin
Abdullah Zawawi



Pemenang Ketiga:

Daerah Pekan, Pahang
Encik Abdul Halim bin
Jamaludin

AGEN PENGEMBANGAN TANAMAN INOVATIF



Pemenang Pertama:
Puan Najah @ Hanani bt
Mohamed Ali
Daerah Pekan, Pahang



Pemenang Kedua:
Encik Ridzuwan bin Mohd Fadzil
Daerah Seremban,
Negeri Sembilan



Pemenang Ketiga:
Encik Abdul Hadi bin Abd
Razak
Daerah Kota Tinggi, Johor

AGEN PENGEMBANGAN INDUSTRI ASAS TANI INOVATIF



Pemenang Pertama:
Puan Hj Roslah Binti Hj Mubin
Daerah Pekan, Pahang



Pemenang Kedua:
Puan Azura Binti Alias
Daerah Baling, Kedah



Pemenang Ketiga:
Puan Norhasilah Binti Edoy
Daerah Port Dickson,
Negeri Sembilan

GAMBAR-GAMBAR HARI INOVASI 2020

SAMBUTAN HARI INOVASI JABATAN PERTANIAN 2020



YBhg. Datuk Hj Mohd Nasir Warris
Ketua Pengarah Pertanian
memberikan ucapan perasmian
sempena Sambutan Hari Inovasi
Jabatan Pertanian tahun 2020



YBhg. Datuk Hj Mohd Nasir
melancarkan Buku Kompilasi
Inovasi Tahun 2015-2019



YBhg. Datuk Hj Mohd Nasir
Warris bersama TKPP (P)
dan Pengarah Bahagian
Pembangunan Modal Insan
dan peserta inovasi

GAMBAR SEKITAR LAWATAN TAPAK PAMERAN INOVASI





Buku Kompilasi Inovasi Tahun 2015-2019 Jabatan Pertanian telah dilancarkan pada Hari Inovasi Jabatan Pertanian Tahun 2020 bertempat di Dewan MAFI yang telah dirasmikan oleh Ketua Pengarah Pertanian

GAMBAR-GAMBAR HARI INOVASI 2020

INOVASI TEKNOLOGI PERTANIAN (KATEGORI PEGAWAI) TAHUN 2020

UNMANNED AGRICULTURE SPRAYER (UAS)

OBJEKTIF

Pada masa kini kerja-kerja semburan racun kimia & baja tanaman dilakukan secara manual dan tidak efisien. Penggunaan manusia untuk kerja-kerja meracun adalah membutuhkan keahlian pekerja terlatih dan melibatkan kos yang tinggi. Kami dari rakan industri bekerjasama menghasilkan inovasi Unmanned Agricultural Sprayer (UAS) bagi menyelesaikan permasalahan ini.

Robot UAS sangat selamat dan produktif kerana menggunakan teknologi robot kawalan jauh serta teknologi kamera HD dan Global Positioning Satellite (GPS) untuk beroperasi. Oleh yang demikian, pengurangan kerja meracun dan membawa di ladang lebih selamat serta selamat kepada semua.

SEBELUM INOVASI

- Bahaya pada pekerja & persekitaran
- Kos operasi tinggi
- Kurang produktif
- Pemeliharaan kerja sukar

SELEPAS INOVASI

- Keselamatan & kesihatan pekerja terjamin
- Kos lebih kompetitif
- Produktiviti lebih tinggi
- Pemeliharaan kerja MUDAH guna smartphone & website

FAEDAH INOVASI

- Mengurangkan kos operasi lebih 50%
- Meningkatkan Produktiviti Kerja 1.2 kali ganda semasa beroperasi
- Mengurangkan masa lebih 50%
- Mengurangkan risiko penyakit akibat racun kimia lebih 50%

Maklumat lanjut, hubungi:
 Dr. Mohd. Fauzan bin Yusoff
 Jabatan Inovasi & Inovasi, Jabatan Pertanian
 25100 Kuala Lumpur, Malaysia
 03-9194 4700

INOVASI TEKNOLOGI PERTANIAN (KATEGORI PEGAWAI) TAHUN 2020

SIMPLE AUGER DOUBLE S

OBJEKTIF

- Meningkatkan produktiviti serta penjimatan masa dan tenaga
- Meningkatkan pendapatan pengeluar
- Mengurangkan beban kerja pekerja
- Merencanak

SEBELUM INOVASI

- Masalah media tanaman padat
- Kos pekerja yang tinggi
- Masalah untuk mencabut pokok di dalam polibeg

SELEPAS INOVASI

- Mengurangkan kos sehingga 60%
- Meningkatkan masa
- Mengurangkan beban kerja
- Meningkatkan operasi ladang

FAEDAH INOVASI

ITEM	SIMPLE AUGER DOUBLE S	KONVENSIENAL	PERJUMPAAN
MASA	7 minit (purata) / polibeg	10 minit (purata) / polibeg	60%
KOS	RM 70.00	-	RM 70.00
PRODUKTIVITI	600 polibeg/jam	250 polibeg/jam	60%
NEBAH KOS	RM 42.31/600	RM 42.31/250	60%
MUDAH DILUNAKAN	Ya	Ya	Ya

Maklumat lanjut, hubungi:
 Dr. Mohd. Fauzan bin Yusoff
 Jabatan Inovasi & Inovasi, Jabatan Pertanian
 25100 Kuala Lumpur, Malaysia
 03-9194 4700

INOVASI TEKNOLOGI PERTANIAN (KATEGORI PETANI) TAHUN 2020

JENTERA PADI 3M

RINGKASAN PROJEK

Jentera 3M ini merupakan sebuah jentera saw yang dipacu khusus untuk digunakan kerja-kerja meracun, memburai dan memburai di sawah. Keistimewaan para petani menggunakan para sawdang sama ada para sawdang manual, automatik atau 'mix blower' untuk memburai, memburai dan meracun.

KEADAAN SAWAH SEBELUM INOVASI

KEADAAN SAWAH SELEPAS INOVASI

KELEBIHAN

- Mengurangkan risiko penyakit akibat racun kimia
- Meningkatkan produktiviti kerja
- Meningkatkan pendapatan pengeluar
- Meningkatkan operasi ladang

Maklumat lanjut, hubungi:
 Dr. Mohd. Fauzan bin Yusoff
 Jabatan Inovasi & Inovasi, Jabatan Pertanian
 25100 Kuala Lumpur, Malaysia
 03-9194 4700

INOVASI TEKNOLOGI PERTANIAN (KATEGORI PETANI) TAHUN 2020

HONEY INTENSIVE DEHYDRATION SYSTEM (HIDS SYSTEM)

OBJEKTIF

Memperbaiki sistem pengeringan madu untuk pengurusan madu kaliber yang meningkatkan fungsi pemakanan madu dan lebih selamat.

SEBELUM INOVASI

Kandungan air yang tinggi dalam madu menggalakkan penapaian dan menyebabkan madu kaliber semakin menurun dan berisiko.

SELEPAS INOVASI

- Mengurangkan kandungan air pada madu dari 30% ke 20% dalam masa kurang dari 8 jam
- Kapabiliti pengeringan 100kg (Saiz 2 tan) dalam 20 hari beroperasi / 2 set sahaja
- Kos tenaga kerja amat rendah RM45 sehari
- Bayaran untuk sebarang wangian bagi pengeringan 100kg berbanding RM150 x 20 hari untuk 100kg dengan kadar pengeringan sepihak
- Mudah diwujudkan komuniti perikanan

FAEDAH INOVASI

- Proses penyediaan air tanpa menggunakan api atau dengan menggunakan tenaga solar
- Meningkatkan produktiviti madu yang dihasilkan
- Meningkatkan kualiti produk madu
- Meningkatkan pendapatan petani

Maklumat lanjut, hubungi:
 Dr. Mohd. Fauzan bin Yusoff
 Jabatan Inovasi & Inovasi, Jabatan Pertanian
 25100 Kuala Lumpur, Malaysia
 03-9194 4700

INOVASI TEKNOLOGI PERTANIAN (KATEGORI PEGAWAI) TAHUN 2020

BALOO ALAT MEMBAUT TANDAN PISANG

OBJEKTIF

Memudahkan kerja-kerja membungkus tandan pisang, meningkatkan kualiti pembungkusan dan meningkatkan tenaga, masa, kos serta SELAMAT digunakan di ladang.

SEBELUM INOVASI

- Kurang selamat
- Tengah masa yang lama diperlukan untuk membungkus tandan
- Teknik kepada pembungkusan tanah
- Penggunaan tenaga yang banyak

SELEPAS INOVASI

- Lebih selamat
- Tengah masa singkat untuk membungkus tandan
- Mudah dan masa pengiraan
- Tidak memerlukan tenaga yang banyak (ringkas)

FAEDAH INOVASI

ITEM	BALOO	KONVENSIENAL	PERJUMPAAN
MASA	10 minit	15 minit	33%
KOS	RM 100.00	-	RM 100.00
PRODUKTIVITI	10 tandan/jam	5 tandan/jam	60%
NEBAH KOS	RM 10.00/10	RM 10.00/5	60%
MUDAH DILUNAKAN	Ya	Ya	Ya

Maklumat lanjut, hubungi:
 Dr. Mohd. Fauzan bin Yusoff
 Jabatan Inovasi & Inovasi, Jabatan Pertanian
 25100 Kuala Lumpur, Malaysia
 03-9194 4700

INOVASI TEKNOLOGI PERTANIAN (KATEGORI PEGAWAI) TAHUN 2020

LEAF COLOR CHART APPS (APLIKASI CARTA WARNA DAUN PADI)

SEBELUM INOVASI

Sebelum inovasi kerja-kerja penternakan data menggunakan:

- LCD 10 SPAD Meter
- Alat Sukar dipindahkan
- Kos yang tinggi
- Penggunaan visual untuk menilai

SELEPAS INOVASI

- Bahar diukur secara percuma
- Mudah dibawa (bahar kecil sendiri)
- Kepantasan yang lebih tepat dan cepat
- Meningkatkan pembungkusan penggunaan baja
- Meningkatkan seragaman pencapai

FAEDAH INOVASI

- Proses penyediaan air tanpa menggunakan api atau dengan menggunakan tenaga solar
- Meningkatkan produktiviti madu yang dihasilkan
- Meningkatkan kualiti produk madu
- Meningkatkan pendapatan petani


Maklumat lanjut, hubungi:
 Dr. Mohd. Fauzan bin Yusoff
 Jabatan Inovasi & Inovasi, Jabatan Pertanian
 25100 Kuala Lumpur, Malaysia
 03-9194 4700

Durian

Durio zibethinus







BAB 13

PENGURUSAN PERSONEL

- 13.1 PERJAWATAN**
- 13.2 PERSARAAN PEGAWAI DAN KAKITANGAN**
- 13.3 ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC)**

13.1 Perjawatan Jabatan Pertanian Tahun 2020

Bagi tempoh yang sama, Jabatan Pertanian Malaysia mempunyai seramai 1,638 Pegawai Pertanian dan Penolong Pegawai Pertanian lantikan Persekutuan di seluruh negara yang mengisi Waran Perjawatan Persekutuan dan Surat Kelulusan Perjawatan (SKP) di negeri-negeri. Daripada jumlah ini, seramai 10 orang Pegawai Pertanian dari kumpulan Pengurusan Tertinggi, 440 orang Pegawai Pertanian dari kumpulan Pengurusan dan Profesional dan 819 orang Penolong Pegawai Pertanian mengisi Waran Perjawatan Persekutuan. Manakala, 128 orang Pegawai Pertanian lantikan Persekutuan ditempatkan di negeri-negeri di bawah Surat Kelulusan Perjawatan (SKP). Selain itu, 220 orang Pegawai Pertanian dan Penolong Pegawai Pertanian mengisi Jawatan Kader yang ditempatkan di Jabatan dan Agensi di luar Jabatan Pertanian Malaysia. Daripada jumlah ini, seramai 65 orang adalah di kalangan Pegawai Pertanian dan 155 orang adalah di kalangan Penolong Pegawai Pertanian. Pengisian selebihnya adalah 18 orang Pegawai Pertanian dan Penolong Pegawai Pertanian yang sedang Cuti Belajar yang ditempatkan ke Simpanan Dalam Latihan dan 3 orang Pegawai Pertanian yang dipinjamkan ke Kementerian Pertanian dan Industri Makanan.

	Pengurusan Tertinggi	Pengurusan dan Profesional	PELAKSANA	JUMLAH
Jumlah Pengisian Pegawai Pertanian dan Penolong Pegawai Pertanian (Skim G)				
Persekutuan	10	440	819	1269
Negeri (Surat Kelulusan Perjawatan Negeri (SKP))	0	128	0	128
Kader	0	65	155	220
Jawatan Tambah Sementara	0	3	0	3
Simpanan Dalam Latihan (SDL)	0	14	4	18
JUMLAH PENGISIAN	10	650	978	1,638

Pada akhir tahun 2020, Jabatan Pertanian Malaysia mempunyai seramai 3,162 perjawatan dibawah Waran Perjawatan Persekutuan dan Waran Perjawatan Negeri daripada pelbagai skim dan gred. Daripada jumlah tersebut, seramai 2,641 (84%) perjawatan telah diisi di mana 758 pegawai dan kakitangan ditempatkan di Ibu Pejabat dan 1,883 pegawai dan kakitangan ditempatkan di negeri-negeri seluruh Malaysia. Daripada itu, seramai 10 orang pegawai adalah dari kumpulan Pengurusan Tertinggi di Ibu Pejabat, 282 orang pegawai adalah dari kumpulan Pengurusan dan Profesional yang ditempatkan di Ibu Pejabat dan 325 pegawai dari kumpulan Pengurusan dan Profesional ditempatkan di negeri. Manakala, seramai 445 kakitangan dari kumpulan Pelaksana ditempatkan di Ibu Pejabat dan 1,558 kakitangan kumpulan Pelaksana ditempatkan di negeri. Pengisian selebihnya adalah 18 orang pegawai dan kakitangan yang sedang Cuti Belajar yang ditempatkan ke Simpanan Dalam Latihan, 3 orang pegawai yang dipinjamkan ke Kementerian Pertanian dan Industri Makanan

	WARAN PERJAWATAN	PENGISIAN TAHUN 2020		
		IBU PEJABAT	NEGERI	JUMLAH
Jumlah Pengisian Jabatan Pertanian (Gred Teknikal dan Gunasama)				
Pengurusan Tertinggi	10	10	0	10
Pengurusan dan Profesional (Termasuk Perjawatan Negeri (SKP))	707	282	325	607
Pelaksana	2404	445	1558	2003
Simpanan Dalam Latihan (SDL)	31	18	0	18
Jawatan Tambah Sementara	10	3	0	3
JUMLAH PENGISIAN	3,162	758	1,883	2,641

13.2 PERSARAAN PEGAWAI DAN KAKITANGAN

Pesara bagi Tahun 2020 di Jabatan Pertanian adalah seramai **seratus empat puluh enam (146) orang** yang terdiri dari **Kumpulan Pengurusan Tertinggi** seramai **enam (6) orang**, **Kumpulan Pengurusan dan Profesional** seorang (1) sahaja. **Kumpulan Pelaksana** adalah seramai **seratus tiga puluh sembilan (139) orang** yang terdiri dari **Penolong Pegawai Pertanian (Teknikal)** seramai **seratus satu (101) orang** dan skim Gunasama seramai **tiga puluh lapan (38) orang**.

KUMPULAN	BERSARA WAJIB	BERSARA PILIHAN
PENGURUSAN TERTINGGI	6	0
PENGURUSAN DAN PROFESIONAL	0	1
KUMPULAN PELAKSANA (TEKNIKAL)	71	30
KUMPULAN PELAKSANA (GUNASAMA)	33	5
JUMLAH KESELURUHAN	110	36

13.3 ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC)

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) bagi tahun 2019 adalah berdasarkan kepada **kuota lapan (8) peratus** dari jumlah anggota yang sedang berkhidmat sehingga **31 Disember 2019** iaitu seramai **dua ribu lapan ratus lapan puluh lima (2,885)**. Pemilihan ini turut mengambil kira perkhidmatan cemerlang anggota pada Tahun 2019 berdasarkan Laporan Nilain Prestasi Tahunan (LNPT) 2019 dan kriteria-kriteria tambahan lain termasuk rekod kehadiran yang cemerlang sepanjang tahun 2019 dan perisytiharan harta melalui Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS).

Penerima APC 2019 Jabatan Pertanian Malaysia bagi Tahun 2020 berdasarkan LNPT Tahun 2019 adalah seramai dua ratus tiga puluh satu (231) orang mengikut kuota iaitu 8% dari jumlah anggota setiap bahagian. Penerima APC juga menerima Sijil Perkhidmatan Cemerlang dan wang berjumlah RM 1,000.00 melalui Electronic Funds Transfer (EFT).

KUMPULAN	BILANGAN PEGAWAI
PENGURUSAN DAN PROFESIONAL	52
KUMPULAN PELAKSANA	179
JUMLAH KESELURUHAN	231





Jabatan Pertanian
Aras 7-17, Wisma Tani, No. 30,
Persiaran Perdana, Presint 4,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62624 Putrajaya, Malaysia.

Tel : 603-8870 3000
Faks : 603-8888 5069

www.doa.gov.my